

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 50

Selasa

11 September 2007

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 18(1): ■ Peristiwa Rusuhan Di Pantai Batu Burok, Kuala Terengganu - <i>Y.B. Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian)</i>	(Halaman 28)
RANG UNDANG-UNDANG DIAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 29)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2008	(Halaman 30)
USUL:	
Anggaran Pembangunan 2008	(Halaman 30)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 11 September 2007

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sebab-sebab mengapakah harga barang-barang keperluan harian masih lagi dinaikkan oleh penjual-penjual walaupun penguatkuasaan sering kali diadakan dan apakah langkah-langkah kementerian bagi mengatasi masalah ini di musim-musim perayaan khususnya menjelang bulan puasa dan Aidilfitri yang akan datang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat selamat pagi dan salam sejahtera. Untuk makluman Dewan yang mulia ini bukan semua harga barangan di pasaran dikawal oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan perdagangan bebas kementerian cuma mengisytiharkan 10 barang iaitu petrol, diesel, gas petrol cecair, besi keluli, simen, tepung gandum, susu pekat manis, roti (*standard loaf*), ayam dan minyak masak yang dikenali sebagai barang kawalan berjadual yang dikawal secara pentadbiran dan dua jenis barang lagi iaitu gula pasir putih bertapis kasar dan gula pasir putih bertapis halus sebagai barang harga terkawal di bawah seksyen 13 Akta Kawalan Harga 1946. Manakala kementerian juga mewartakan 25 barang sebagai barang kawalan musim perayaan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Pewartaan ini membolehkan kementerian mengawal dan memantau bekalan serta pendedaran barang-barang keperluan di pasaran semasa musim perayaan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang memandang berat ke atas isu kenaikan harga barang-barang terutamanya menjelang musim perayaan. Namun kementerian telah menyusun beberapa langkah bagi memastikan harga barang sentiasa munasabah dan berpatutan serta tidak berlaku aktiviti-aktiviti mencatu. Antaranya:

- (i) melipatgandakan pemeriksaan dan pemantauan ke atas pembekal, pemborong dan peruncit;
- (ii) maklumat kutipan di atas harga 255 barang keperluan dibuat seluruh negara di 63 pusat kutipan setiap minggu yang akan di kumpul dan di analisa; dan
- (iii) kempen-kempen bagi memperkasakan pengguna dan mendidik peniaga di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

Dato' Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat yang menjawab soalan tadi. Pada hari ini Tuan Yang di-Pertua kita dapat laporan daripada akhbar yang melaporkan bahawa Persatuan Peniaga Ayam Itik Negeri Perak telah memutuskan untuk menaikkan harga ayam daripada RM5.60 harga siling kepada RM6.50. Mereka juga memutuskan bahawa mereka sanggup di saman oleh pihak kementerian kerana kos yang mereka tanggung dari segi kos untuk menternak ayam dan sebagainya melambung tinggi.

Jadi saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat berkenaan dengan keputusan daripada Persatuan Peniaga Ayam Itik Negeri Perak ini yang mungkin akan merebak ke seluruh negara berkenaan dengan harga siling ayam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi ayam adalah satu item yang dikawal oleh kementerian. Kementerian sebenarnya telah pun menetapkan harga siling pada RM6.00 untuk harga runcit ayam bersih dan harga runcit ayam tanpa kaki, kepala, hati dan sebagainya atas harga RM5.70. Menjelang musim perayaan, kementerian telah menetapkan harga siling untuk ayam standard iaitu tadi saya kata harga runcit ayam bersih sebanyak RM5.60 dan ayam super yang tanpa kaki, kepala dan sebagainya sebanyak RM6.25.

Jadi saya ingin maklumkan di Dewan yang mulia ini kerana ayam merupakan item yang dikawal oleh kementerian, jadi segala perbincangan boleh kita jalankan tetapi tidak boleh menaikkan harga sewenang-wenangnya. Kementerian akan tetap mengambil tindakan kepada mereka yang tidak mematuhi peraturan. Saya ingin tegaskan di sini iaitu segala harga yang ditetapkan ini sebelum ini ada perbincangan daripada semua pihak. Maka saya mintalah peniaga-peniaga ataupun persatuan yang berkenaan mereka boleh duduk bincang dengan kementerian, kita akan bagi segala bantuan kepada mereka dan bukan mengugut kerajaan untuk menaikkan harga sewenang-wenangnya. Sekian, terima kasih.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sudah maklum bahawa apabila tiba musim perayaan dan insya-Allah esok atau lusa kita akan menyambut bulan Ramadhan Al-Mubarak, bererti bahawa ada sesetengah peniaga yang mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barangan terutama 25 barang keperluan yang

telah pun digariskan oleh kementerian. Selalunya berlaku di pekan-pekan kecil yang tidak dilawati oleh pegawai-pegawai penguatkuasaan.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana jaminan kerajaan supaya barang-barang keperluan tadi tidak dinaikkan harganya? Sejauh manakah pegawai-pegawai penguat kuasa dapat memantau barang-barang keperluan yang telah pun disenaraikan oleh kementerian khususnya barang-barang yang telah disenaraikan sebanyak 25 barang tadi? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1010

Tuan Yang di-Pertua: Menteri jawab.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, bagi musim perayaan Hari Aidilfitri dan Deepavali, kementerian telah pun menetapkan 17 *items* untuk dimasukkan di kalangan barang-barang harga kawalan, skim kawalan harga musim perayaan untuk Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali sebanyak 17 jenis. Mungkin sebab senarai panjang dan harga dia ada, kalau perlu saya boleh bagi secara bertulis. Dari segi pemantauan ini tadi saya sebut kalau bukan dalam musim perayaan pun setiap minggu kita ada 63 pusat kutipan harga. Pada tiap-tiap minggu kita akan kumpul semua harga barangan tersebut untuk dianalisis harga dia dan bagaimana perubahan harga.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, 17 barang tadi ya?

Tuan Hoo Seong Chang: Ya, untuk musim perayaan.

Tuan Yang di-Pertua: Apa dia barang dia?

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua kalau hendak saya sebut, saya sebutlah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sebut.

Tuan Hoo Seong Chang: Yang pertama, 17 ini,

- (i) ayam hidup
- (ii) ayam standard

Tuan Yang di-Pertua: Terus, teruskan sahaja.

Tuan Hoo Seong Chang: Ayam super, daging lembu tempatan, lembu kerbau import dari India, daging kambing tempatan bertulang, daging kambing biri-biri import bertulang, daging kambing biri-biri import tanpa tulang, telur ayan gred A, gred B, gred C. kubis bulat import, cili merah, kelapa parut, bawang merah kecil, tomato dan ikan kembung tempatan. 17 jenis.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Hoo Seong Chang: Dari segi penguatkuasaan tadi, ingin saya maklumkan di sini memang kementerian melalui pegawai penguat kuasa menjalankan tugas mereka. Misalnya apabila kerajaan mengumumkan kenaikan gaji pegawai kerajaan, kita ada menjalankan satu operasi dinamakan Ops Gaji. Mulai 21 Mei hingga 10 September iaitu semalam, kementerian telah pun menjalankan pemeriksaan sebanyak 537,246 kali pemeriksaan di semua premis

perniagaan dan tindakan-tindakan yang kita dapati bahawa ada pampasan yang kita dapat sebanyak RM456,623.95 dan jumlah kompaun yang kita kenakan adalah sebanyak RM205,480 untuk tempoh yang sedemikian.

Maka saya ingin menegaskan di sini selain daripada penguatkuasaan apa yang penting ialah kerjasama daripada pengguna sendiri supaya bekerjasama dengan pihak kementerian menjadi seorang pengguna bijak sama-sama kita membantu untuk mengatasi isu kenaikan harga. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Penampang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tambahan, satu Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya tambah?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Pagi ini saya dapat berbelas-belas SMS Tuan Yang di-Pertua berkaitan dengan harga ayam hendak naik ini Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tambah soalan?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, dalam ucapan Yang Berhormat boleh bangkitkan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini untuk kepentingan rakyat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam ucapan, tidak apa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dalam ucapan sudah puasa, raya Tuan Yang di-Pertua.

2. Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah syarikat ataupun kumpulan dari luar negara menawarkan teknologi dan/atau perkhidmatan dalam perkara pengurusan sisa pepejal ini dan apabila tawaran seperti ini ditawarkan apakah tindakan kerajaan dalam mengkaji keberkesanan teknologi dan/atau perkhidmatan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa syarikat dari luar negara seperti Jepun, Korea, Republik China dan Denmark yang telah mengemukakan cadangan teknologi pengurusan sisa pepejal secara terus kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Teknologi-teknologi yang dikemukakan adalah terdiri daripada teknologi stesen pemindahan dan Material Recoverage Facilities atau (MRF), *incinerator* atau Loji Rawatan Termaju tapak pelupusan sisa pepejal dan pelbagai kombinasi teknologi mengenainya.

Bagaimanapun adalah sebilangan cadangan teknologi dari luar negara ini melibatkan syarikat-syarikat tempatan selaku rakan kongsi untuk pemasaran di dalam Malaysia. Teknologi-teknologi yang dicadangkan ini akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Teknologi Pengurusan

Sisa Pepejal Kebangsaan yang ditubuhkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sama ada ia sesuai dilaksanakan di negara ini baik dari segi teknikal mahupun sosioekonomi.

Jawatankuasa ini yang dipengerusikan oleh KSU kementerian dan ahli-ahli yang terdiri daripada pakar-pakar dari universiti, institusi penyelidikan dan pembangunan, kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal. Teknologi-teknologi yang dinilai akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengurusan Sisa Pepejal dan Alam Sekitar untuk keputusan muktamad. Kelulusan muktamad tentang kegunaan sesuatu teknologi tersebut untuk sesuatu projek bergantung kepada faktor-faktor lain seperti ekonomi, kekuatan kewangan syarikat, kehendak kerajaan negeri dan kemampuan syarikat untuk mengendalikan projek-projek dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Penampang.

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, itu di peringkat kementerian tetapi soalan saya adalah banyak juga pihak-pihak dari luar negara ini datang menawarkan teknologi-teknologi baru ini secara langsung kepada pihak berkuasa tempatan di merata-rata negeri di Malaysia ini. Adakah wujud satu mekanisme atau proses permohonan kelulusan sebelum kaedah-kaedah ini diguna oleh pihak berkuasa tempatan ini? Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini pengurusan sisa pepejal tanggungjawabnya adalah di bawah kementerian dan di bawah kerajaan negeri dan kerajaan tempatan. Walaupun pada kebanyakan keadaan bila mereka menerima tawaran daripada mana-mana syarikat luar negara, pada biasanya kerajaan tempatan atau kerajaan negeri akan mengemukakan cadangan-cadangan ini kepada kementerian untuk membuat penilaian. Namun begitu, ada situasi di mana pihak-pihak kerajaan tempatan telah membuat keputusan mereka sendiri untuk menawarkan satu-satu jenis teknologi di mana mereka menerima cadangan contohnya sebagai *private initiative* dan sebagainya di mana tidak memerlukan bantuan daripada segi kewangan dan peruntukan dari kementerian dan perkara ini telah berlaku di satu-satu kes tetapi di dalam kebanyakan keadaan, biasanya mereka mencadangkan kepada kementerian, dan selepas kementerian membuat penilaian, dikemukakan kepada Jawatankuasa Kabinet. Selepas menerima kelulusan daripada Jawatankuasa Kabinet perlu mendapat kelulusan dari pihak *treasury* dan selepas itu kementerian akan buat runding harga dengan pihak tertentu supaya projek ini dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, dari tahun lalu ke tahun ini selepas kita telah menggubal Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal, segala urusan untuk menguruskan sisa pepejal sekarang akan di letak di bawah naungan kementerian dan mulai tahun hadapan segala keputusan ini akan dibuat oleh kementerian sahaja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kalabakan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Teknologi yang disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen hanya cadangan belum lagi dijalankan. Pertama, saya mahu tahu teknologi ini bila diluluskan oleh Jawatankuasa Kabinet, ia sampai ke Sabah dan Sarawak atau di Semenanjung sahaja, ini yang pertama.

Kedua di Sabah, seluruh kawasan di mana majlis perbandaran atau majlis daerah, sisa-sisa pepejal ini sudah di kontrak tetapi kita nampak banyak lagi sampah-sampah di merata-rata. Jadi mengapa kalau kita ada buat perancangan daripada pihak Persekutuan, mengapa tidak sampai ke Sabah dan Sarawak? Itu saya ingin penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, baik.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini memang Sabah dan Sarawak mempunyai Akta Kerajaan Tempatan sendiri dan mereka menguruskan projek-projek sendiri dengan bantuan peruntukan daripada Kementerian Persekutuan. Perbincangan awal meluaskan perkhidmatan Jabatan Sisa Pepejal Negara ke Sabah dan Sarawak telah diadakan. Oleh kerana kuasa bidang pengurusan ini masih di bawah Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak, terpujanglah kepada negeri-negeri tersebut untuk mencadangkan dan mengambil inisiatif untuk meluaskan dan menggunakan akta dan perkhidmatan di negeri masing-masing.

■1020

3. Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan apakah matlamat Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) mengadakan projek-projek bersifat vokasional sedangkan pelatih-pelatih sepatutnya menumpukan sepenuh masa kepada proses pemulihan.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, matlamat Agensi Antidadah Kebangsaan mengadakan projek-projek bersifat vokasional adalah untuk:-

- (i) memberi latihan kemahiran pada bekas-bekas penagih dadah supaya dapat dijadikan bekalan dalam mencari pekerjaan selepas tamat menjalankan pemulihan di pusat-pusat serenti;
- (ii) memupuk budaya bekerja di kalangan bekas-bekas penagih dadah supaya mereka dapat berdikari setelah mereka kembali ke pangkuan masyarakat;
- (iii) melahirkan modal insan yang bebas daripada dadah, berguna dan produktif kepada diri sendiri, agama, bangsa dan negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, latihan vokasional merupakan salah satu daripada komponen utama program pemulihan yang ditekankan kepada bekas-bekas penagih dadah yang menjalani rawatan di pusat-pusat serenti. Latihan-latihan komponen yang lain meliputi:-

- (i) rawatan kesihatan dan perubatan;
- (ii) latihan fizikal dan disiplin;
- (iii) kaunseling individu, kelompok dan juga untuk keluarga;
- (iv) agama dan juga moral - kita bagi juga pendidikan agama dan moral;
- (v) ketatanegaraan mengenai kesetiaan kepada negara dan sebagainya;
- (vi) sukan dan riadah;
- (vii) integrasi di dalam masyarakat.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Tuan Yang di-Pertua, harapan kita ialah produk daripada pusat serenti ini merupakan pelatih-pelatih yang bebas dadah ataupun tinggi ketahanan diri untuk menangkis ancaman dadah apabila mereka dibebaskan kepada masyarakat umum. Tetapi ada setengah-setengah pusat serenti menyasarkan bahawa produk ini dari bentuk lain. Contohnya ada pusat serenti menyasarkan berapa kek atau roti yang dihasilkan, berapa ternakan ayam, kambing dan sebagainya. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, bagaimanakah kementerian mengagihkan keutamaan dari segi jumlah masa yang diperuntukkan antara aktiviti vokasional ini berbanding dengan aktiviti pemulihan yang lain seperti contoh yang disebut Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, saya terpaksa kena bagi jadual secara *detail* lah, saya tidak dapat. Tetapi sebenarnya memang kita ada jadual waktu semasa mereka berada di pusat-pusat serenti ini tetapi yang masalah sekarang ini apabila mereka di pusat serenti, tidak ada masalah. Yang penting ialah apabila mereka keluar daripada pusat serenti. Biasanya bila keluar daripada pusat serenti, mereka balik dari pusat serenti mereka sukar untuk mendapat pekerjaan. Sebab itu latihan vokasional ini juga penting. Apabila mereka keluar balik ke masyarakat, mereka tidak ada pekerjaan dan sebab itulah akhir sekali mereka terpaksa balik dan berkawan dengan rakan-rakan sebaya dan mereka jadi penagih yang berulang. Ini kita menghadapi masalah iaitu *relapse* kepada mereka yang telah mendapat pemulihan di pusat-pusat serenti.

Maka itu sebabnya sekarang ini kita memberi kesedaran kepada masyarakat supaya menganggap bahawa mereka yang menjadi penagih dadah ini bukanlah sebagai penjenayah, mereka ini sebagai satu penyakit yang kronik yang perlu diubat dengan pertolongan daripada semua masyarakat. Maknanya sekarang ini, selain daripada itu, kita juga sedang menggubal undang-undang supaya mereka yang telah dipulihkan di pusat-pusat serenti ini diterima balik untuk bekerja dalam kerajaan dan sebagainya. Itu pindaan-pindaan kepada beberapa peraturan dalam JPA sedang dilaksanakan. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, ada masalah dalam pusat serenti sebab disiplin dalam pusat serenti tidak

tersusun di mana penagih-penagih yang mahu dipulihkan ini boleh merokok, *disupply* rokok. Dari mana sumber dia kalau bukan dari dalam. Jadi matlamat kerajaan melalui AADK untuk memulihkan, mengekang dan membendung gejala kenaikan statistik penagih-penagih dadah tidak selesai Tuan Yang di-Pertua. Pertama, yang dipulih di pusat serenti ini lebih kurang 10% yang pulih sebenarnya. 90% keluar balik berulang sebab apa Tuan Yang di-Pertua, pengalaman bagi saya di Sandakan, di Kinabatangan, saya membantu ibu bapa datang jumpa saya “Yang Berhormat, tolong hantar anak saya ke pusat serenti”. Dua tahun lagi teruk Tuan Yang di-Pertua. Jadi ini harus diteliti bagaimana peranan ini fokusnya memulihkan penagih dadah ini iaitu *scale meter* belakang dululah. Yang penting dia tidak jadi penagih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Jadi saya tidak dapat nafikan ada juga kelemahan-kelemahan yang tertentu. Tetapi akhir-akhir ini, kelemahan-kelemahan seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat itu telah kita ambil tindakan. Saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat bolehlah buat lawatan, kita boleh anjurkan lawatan untuk melawat ke pusat-pusat serenti supaya melihat sendiri keadaan di dalam itu daripada kita membuat sesuatu tuduhan yang kadangkala tidak tepat. Mungkin selepas ini kita boleh buat lawatan.

Saya ingin menjelaskan di sini kerana saya berjumpa sendiri dengan mereka di pusat serenti yang telah membuat rawatan umpamanya ada seorang, bukan seorang tetapi banyak juga tetapi saya tanya dia soalan. Dia pandai, dia boleh membaca Quran, fasih membaca Quran, boleh macam-macam dari segi keagamaan tetapi apabila dia balik ke pangkuan masyarakat, dia balik ke kampung, dia sembahyang di masjid, di surau yang berkenaan, masuk ke surau itu tok imam kata “jaga-jaga kawan kita sudah balik, kasut dan juga basikal mesti kena jaga”. Jadi, *perception* masih ada menyebabkan dia malu dan akhirnya dia terpaksa membawa diri. Tetapi kalau masyarakat boleh terima dia, begitu juga di pusat serenti, hanya 10% daripada waris, ibu bapa yang datang melawat anak-anak, tidak pernah datang. Begitu juga apabila mereka hendak keluar daripada pusat serenti, yang menyambut mereka di luar ialah bukan daripada ibu bapa, yang datang ialah rakan-rakan sebaya mereka, ibu bapa tidak datang. Ini yang kita menghadapi masalah di pusat-pusat serenti.

Sekarang ini, pusat-pusat serenti pun kita sedang memikirkan bahawa satu cara lain iaitu kalaulah orang daripada Kelantan, kita hanya hantar ke Kelantan, tidak lagi akan hantar ke tempat-tempat yang jauh misalnya kalau di Kelantan, pusat serentinya di Kelantan, Kedah untuk Kedah. Supaya kita hendak waris ibu bapa datang selalu untuk berjumpa dengan mereka ini semasa di pusat serenti. Kadang-kadang kebanyakan mereka si pusat serenti ialah orang buangan, ibu bapa tidak pernah tengok dan sebagainya. Inilah menyebabkan kerja pemulihan ini sukar yang dilakukan pihak AADK. Jadi, saya berharaplah kerjasama dari semua pihak terutama sekali ahli-ahli politik dan pemimpin-pemimpin masyarakat perlu dalam usaha untuk memulihkan mereka yang terlibat dalam penagihan dadah ini. Terima kasih.

4. **Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan produk-produk berada di pasaran yang dihasilkan melalui kaedah nanoteknologi dan apakah kesan sampingan yang tidak baik kepada pengguna produk-produk tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat. Pada masa kini, nanoteknologi digunakan secara meluas di dalam bidang perubatan, IT, industri pembuatan dan komunikasi. Antara produk-produk yang dihasilkan adalah seperti pemangkin bagi bahan api hidrokarbon yang mesra alam, membran berstruktur nano yang digunakan bagi rawatan sisa dan MEMS maksudnya *microelectromechanical system* untuk peralatan diagnosis perubatan. R&D bagi nanoteknologi tertumpu pada nano partikel, 'micromachining' dan publikasi sensor elektronik, komunikasi, automobil dan industri kimia. Walaupun produk-produk yang dihasilkan adalah berskala nano, namun fungsi yang dihasilkan adalah asas bagi mencipta sistem yang lebih kompleks. Banyak penyelidikan masih dijalankan terhadap keselamatan dan kesesuaian penggunaan teknologi ini terutamanya yang melibatkan bidang perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia satu Jawatankuasa Teknikal Nano-Teknologi Kebangsaan di mana SIRIM Berhad bertanggungjawab sebagai urus setia ditubuhkan untuk mengkoordinasi dan menetapkan standard dalam pembangunan bahan *single wall carbon nanotubes*, *multi wall carbon nanotubes*, *carbon nano-materials* dan beberapa bahan lain yang pada ketika ini masih di peringkat *new works item proposal* di peringkat ISO.

■1030

Bahan-bahan ini akan digunakan dalam mencipta produk-produk dalam sektor industri. Jawatankuasa ini akan membangunkan standard bagi terminologi dan '*normantracher*', metrologi dan *asimuntasi*, spesifikasi rujukan, *methodology* pendidikan, modeling dan simulasi kesihatan berasaskan sains dan alam sekitar.

Terdapat tiga *working groups* di bawah jawatankuasa ini iaitu:

- (i) *Double G-1* yang menumpukan kepada terminologi dan '*normantracher*';
- (ii) *Double G-2* yang menentukan pengukuran dan *categorization*; dan
- (iii) *Double G-3* yang membangunkan standard nano teknologi dalam aspek kesihatan, keselamatan dan alam sekitar.

Dengan kewujudan jawatankuasa ini maka spesifikasi ciptaan bahan-bahan nano ataupun penggunaan teknologi nano dapat dipastikan mengikut standard yang ditetapkan, dan ini akan memastikan bahan ataupun *delgini* adalah selamat untuk digunakan dengan kesan sampingan yang minimum sekiranya ada.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kalau kita lihat *nano particle* ataupun zarah nano, ia amat kecil kalau

dibandingkan dengan satu meter ia 1,000 juta di dalam satu meter. Bayangkan saiz yang amat kecil itu, ada pihak yang mengatakan apabila *nano particle* ini kerana ia boleh masuk melalui liang kulit dan *membrane* dalam tubuh badan kita. Ia bercampur dengan darah dan ia boleh mengganggu DNA bila ia berjalan hingga ke otak kita.

Adakah pihak jawatankuasa yang sedia ada sekarang juga melihat perkara ini kerana *nanotechnology* diguna pakai dengan meluas dalam bidang perubatan yang memang mengagumkan saya dalam *nanotechnology* ini adalah kegunaan di dalam menghasilkan seluar dalam, kerana *nano silver particles* ini ia boleh membunuh kuman di seluar dalam kita kepada mereka yang kurang menjaga kebersihan. [Ketawa]

Saya mahu jawapan.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Sehingga dia bunuh yang lain pula? [Dewan riuh]

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Memang sebenarnya *nano particle* ini terlalu kecil. Sebagai contoh, kita ambil yang positif, yang memberikan manfaat kepada masyarakat sekarang ini. *Nano silver* digunakan di dalam peti sejuk dan juga alat penyaman udara yang mana *particle* ini digunakan untuk membunuh bakteria-bakteria yang datang daripada luar supaya bahan makanan kita dalam peti sejuk boleh dipreservakan.

Begitu juga di dalam *air-condition* digunakan di dalam ruang pengudaraan dan juga pada penapis, di mana untuk memastikan udara *air-condition* atau hawa dingin yang keluar yang disedut oleh kita itu tidak ada mengandungi unsur-unsur bakteria, kerana sudah dibunuh oleh *nano silver* ini. Ini sebagai contoh penggunaannya yang terbaik.

Begitu juga di dalam bidang perubatan, kita menggunakan *probe* yang boleh *search* dalam *body* kita, yang mana *probe* ini terdiri daripada *nano traducer* ataupun *sensor*, *nano camera* dan sebagainya masuk dalam *body* kita, di *screen* kita boleh tengok apa yang ada di dalam badan kita. Ini adalah teknologi nano, bahan nano yang memberi manfaat kepada manusia secara amnya, tetapi seperti yang dicakapkan oleh Yang Berhormat tadi, yang itu saya rasa belum lagi sebarang kajian dibuat sama ada *nano particle* yang dibuatkan ataupun sebagai agen-agen yang digunakan boleh merosakkan manfaat ataupun *body*, itu telah pun dikenal pasti, tetapi yang telah kita bangunkan. Kita akan membangunkan standard nano teknologi dalam aspek kesihatan, bermakna jikalau kita menggunakan kaedah nano atau bahan nano, adakah buangan ataupun sisa daripada ini akan memberikan kemudahan kepada manusia.

Itu sebab kita perlu menyediakan standard ataupun piawai bagaimana teknik ini dan bahan perlu digunakan dan boleh digunakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sains, teknologi dan inovasi tentunya sudah ataupun perlu kita jadikan sebagai nadi kepada pembangunan negara kita menuju Wawasan 2020.

Baru-baru ini kita berasa begitu bahagia dan gembira kerana adanya anak Malaysia di UK dalam bidang nano teknologi yang telah dijemput oleh Parlimen Britain untuk beliau membentangkan hasil kajiannya. Ini merupakan sesuatu yang cukup memberi pengiktirafan yang tinggi kepada anak Malaysia di luar negara.

Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, tidakkah mungkin kementerian juga memikirkan bahawa kita juga boleh mewujudkan tradisi seperti ini, di mana kita memberi penghargaan kepada penyelidik yang terbaik di negara kita ini untuk membentangkan hasil penyelidikannya di Parlimen ini. Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju kalau ada cadangan daripada Ahli-ahli Parlimen untuk menjemput bukan sahaja beliau malah ramai lagi saintis-saintis yang berada di Malaysia sekarang, profesor-profesor yang telah menghasilkan penyelidikan-penyelidikan, yang *genius* yang maksudnya tempatan dan asli - ramai.

Kalau Parlimen memikirkan ini adalah suatu kaedah yang memberikan pendedahan kepada Ahli-ahli Parlimen. Saya setuju mereka ini dijemput jadi kalau ini hendakkan MOSTI menjadi koordinasi daripada program ini pun kami rasa tidak ada masalah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Buat sahajalah.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Itu bergantung kepada Parlimen sebab kita punya sesi terhad, jadi bergantung kepada Tuan Yang di-Pertua untuk menentukan bila dan sebagainya. Terima kasih.

5. Dato' Firdaus bin Harun [Rembau] minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan rakyat Malaysia yang menghidap penyakit kronik seperti sakit jantung, darah tinggi dan kencing manis mengikut umur, kaum dan negeri dan langkah jangka panjang kementerian bagi mengatasi masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Peratus penduduk yang mempunyai penyakit kronik atau penyakit tidak berjangkit seperti sakit jantung, darah tinggi, diabetes dan kanser secara relatifnya di Malaysia. Kajian faktor risiko penyakit kronik yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan pada tahun 2006 di kalangan mereka yang berusia 25 hingga 64 tahun menganggarkan sejumlah 3.8 juta orang daripada kategori umur berkenaan mempunyai tekanan darah tinggi.

Sejumlah 50% dari jumlah tersebut adalah:

- (i) Melayu - 1.56 juta orang;
- (ii) Cina – 635,000 orang; dan
- (iii) India – 244,000 orang.

Daripada jumlah tersebut sejumlah 1.64 juta adalah lelaki manakala 1.44 juta adalah perempuan.

Bagi penyakit kencing manis, kajian tersebut menganggarkan sejumlah 1.33 juta orang mempunyai penyakit kencing manis. Sebanyak 56% dari jumlah adalah:

- (i) Melayu - 736,000 orang ;
- (ii) India – 227,000 orang; dan
- (iii) Cina – 155,000 orang.

Seramai 608,000 adalah lelaki manakala 717,000 adalah perempuan. Langkah-langkah jangka panjang yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan untuk mengawal penyakit tersebut yang selari dengan Rancangan Malaysia Kesembilan adalah sebagaimana berikut:

- (i) melaksanakan kempen cara hidup sihat yang memberikan penekanan kepada lima aspek utama iaitu pemakanan sihat, hidup cergas dan aktif, tidak merokok, tidak atau kurang meminum alkohol dan minda sihat;
- (ii) melaksanakan pemeriksaan saringan faktor risiko bagi penyakit kronik seperti tahap gula dalam darah, tekanan darah, tahap kolesterol darah, kegemukan dan tabiat merokok yang dilaksanakan di klinik-klinik kesihatan;
- (iii) melakukan rawatan bagi faktor risiko penyakit dan pemulihan komplikasi penyakit kronik yang dilakukan di klinik-klinik kesihatan dan hospital-hospital kerajaan secara percuma; dan
- (iv) menganjurkan kem-kem kesihatan yang bertujuan untuk menggalakkan orang ramai menjalani pemeriksaan saringan kesihatan di samping meningkatkan kesedaran orang ramai supaya meningkatkan tahap penjagaan kesihatan ini.

Sekian, terima kasih.

■1040

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memang berasa bimbanglah dengan angka-angka yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi, bolehkah Yang Berhormat sebutkan kepada kita iaitu bagi setiap orang yang ada di dalam statistik kita ada berapa orang lagi yang belum kita kenal pasti, ini biasanya statistik pihak kerajaan bukan membayangkan keadaan yang semuanya dan di samping itu dengan itu tanda-tanda kegemukan di negara ini termasuklah di Jerai pun ramai kanak-kanak dan pelajar-pelajar yang gemuk.

Peratusannya meningkat kerana tahap kehidupan di Malaysia yang meningkat. Ini memang dengan amalan makanan dan sebagainya tidak selaras dengan ...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, menteri dah jawapan Tuan Yang di-Pertua, kenapa diulang lagi?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: dia... Tuan Yang di-Pertua, ada dua di sini sekarang... Ya...ya...ya..Jerai pun dia nak tanya juga, soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan soalan pelajar.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada kita untuk jangka panjang, misalnya dari segi kegemukan di sekolah-sekolah dan sebagainya bagaimana pihak kementerian selain daripada empat langkah yang digunakan untuk mencegah iaitu tanda-tanda yang tidak baik, risiko-risiko yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan statistik kegemukan di kalangan rakyat kita pada sekarang puratanya adalah 2% daripada rakyat Malaysia adalah lebih berat, lebih keberatannya dan atau *obes*. Kita memang sudah ambil tindakan yang banyak, umpamanya kita bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran untuk mengadakan program-program kesihatan di sekolah-sekolah kita, supaya kita dapat menyebarkan maklumat mengenai kesihatan.

Berkaitan dengan statistik yang tidak dapat saringan, secara amnya, kita memang sentiasa mengadakan kem-kem kesihatan di mana kita akan adakan saringan yang percuma untuk rakyat kita, tetapi konsep kesihatan kita, untuk rakyat kita apabila kita tidak sakit kita memang dianggapkan tidak ada penyakit. Ini konsep rakyat jelata. Tetapi dari Kementerian Kesihatan ini adalah satu konsep yang salah kerana untuk isu kesihatan ini walaupun kita sihat, kita kena juga jaga kesihatan kita dan kita mesti merangka atau merancang bagaimana kita akan terus sihat. Sekian, terima kasih.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada kementerian kerana telah menggariskan langkah-langkah jangka panjang untuk menangani masalah ini. Soalannya setakat mana keberkesanan program-program yang telah dijalankan, berapakah kumpulan sasaran yang telah diliputi dan bagaimana dengan kempen anti merokok, "Kempen Tak Nak" yang telah pun juga dijalankan setahun dua yang lalu. Apa kesannya setakat ini?

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih. Berkaitan dengan kempen keberkesanan kempen yang kita telah kan, ini adalah seperti kempen-kempen yang lain, tidak semestinya berkaitan dengan kesihatan, kita mesti mendapat sokongan yang kuat daripada masyarakat kerana tanpa sokongan ini susah kita menyebarkan maklumat kita yang pertama, yang kedua adalah kebanyakan rakyat kadang-kadang mereka seperti yang saya katakan tadi, apabila mereka sihat, mereka selalunya tidak menekankan kepentingan untuk menjaga kesihatan mereka.

Seperti isu yang dibangkitkan iaitu merokok. Kita semua tahu merokok itu adalah satu tabiat yang tidak baik dari segi kesihatan dan juga dari segi kewangan, tetapi cabaran kita bersama adalah bagaimana untuk meyakinkan masyarakat umum supaya menegah menghisap rokok, tetapi ini adalah satu cabaran yang kita hadapi bukan senang kita untuk menjayakan kempen-kempen ini tetapi usaha kita akan teruskan dan kita harap dengan usaha yang berterusan dan juga dengan sokongan masyarakat kita akan dapat meyakinkan satu masyarakat yang lebih besar untuk bersetuju dengan kempen kita. Sekian, terima kasih.

6. Tuan Lau Yeng Peng [Puchong] minta Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi menyatakan apakah sebab-sebab dan langkah-langkah diambil oleh kerajaan di sebalik unjuran kadar pertumbuhan ekonomi negara dalam keadaan baik dan mencecah KDNK 6% tetapi hakikat bahawa keadaan ini tidak dinikmati dan rakyat di peringkat akar umbi khususnya usahawan-usahawan bumiputera SMI dan peniaga-peniaga kecil.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, menurut laporan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia melalui bancian pertumbuhan dan enterprise tahun 2005 menunjukkan bahawa 518,996 pertumbuhan perniagaan, ataupun 99.2% adalah merupakan perusahaan kecil dan sederhana (SMI). Daripada jumlah ini 193,355 pertumbuhan perniagaan atau 37.3% daripada kaum bumiputera manakala bakinya iaitu 325.621 pertumbuhan perniagaan atau 62.7% merupakan kaum bukan bumiputera.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat juga pertumbuhan ekonomi negara yang baik pada masa ini sebenarnya telah dapat dinikmati oleh rakyat jelata. Berdasarkan banci pertumbuhan dan enterprise pada tahun tersebut itu juga, usahawan kecil dan sederhana telah dapat mengecapi nikmat tersebut di mana golongan ini telah menyumbang sebanyak 47.3% daripada KDNK (Keluaran Negara Kasar) bernilai RM154 bilion. Sungguhpun begitu, tidak semua rakyat di peringkat akar umbi terutamanya usahawan kecil dan sederhana menikmati pengagihan yang seimbang. Sehubungan itu untuk memperbanyakkan bilangan usahawan dan mempertingkatkan sumbangan mereka dalam pelbagai bidang ekonomi, kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan telah menetapkan sasaran-sasaran seperti berikut:

- (i) Membudayakan 1.5 juta masyarakat dengan tumpuan diberikan kepada golongan pelajar, belia, siswazah dan wanita;
- (ii) melahirkan 150,000 usahawan baru;
- (iii) memantapkan 25,000 enterprise yang sedia ada; dan
- (iv) memantapkan keupayaan 600 buah koperasi sedia ada dan mengujudkan 800 buah koperasi yang baru;

Bagi mencapai hasrat tersebut dan memastikan pembangunan usahawan yang lebih mantap, kementerian telah menggariskan langkah dan strategi:

- (i) memperluas dan memperkukuhkan rantai nilai;
- (ii) membangunkan lagi kemahiran profesional dan teknikal yang sedia ada;
- (iii) mewujudkan inkubator bagi mencambahkan nilai perniagaan dan perkhidmatan baru ditujukan khusus kepada graduan-graduan universiti;
- (iv) mempergiat program penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang pengeluaran dan peningkatan kualiti;
- (v) menambah inisiatif pembiayaan atau dana;
- (vi) menyelaraskan dan memantau program-program pembangunan usahawan sehingga ke peringkat akar umbi melalui Majlis Pembangunan Usahawan Daerah; dan
- (vii) memperluaskan dan menyediakan kilang bimbingan dan premis perniagaan melalui UDA dan juga Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri dan seterusnya menggalakkan penglibatan usahawan dalam pelbagai bidang di wilayah-wilayah pembangunan ekonomi yang baru diwujudkan.

Terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng: terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Daripada jawapan-jawapan yang telah diberikan, memang cantik, okey tetapi tahukah apakah situasi sebenar di peringkat akar umbi Tuan Yang di-Pertua. Walaupun negara kita telah mencapai jumlah perdagangan lebih daripada satu trilion ringgit, dan jumlah lebih dagangan kita lebih kurang 18% daripada Keluaran Negara Kasar, ini baik, bagus, negara kita sebagai sebuah negara membangun, tetapi projek-projek yang dilaksanakan bukan sahaja untuk usahawan-usahawan bumiputera ataupun bukan bumiputera.

■1050

Saya bangkitkan ini kerana dalam era globalisasi ini, dalam masa terdekat ini, kita tidak akan lagi bersaing antara satu sama lain. Kita akan bersaing dengan negara-negara lain yang sedang giat membangun. Itu kebimbangan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak bertanya adakah kementerian bersedia untuk mengkaji semula konsepnya, sebab bagi saya konsep seperti mana yang kita selalu dengar, kita hanya memberikan ikan. Bagaimana kalau kita mengajar mereka untuk memancing ikan supaya mereka boleh hidup dan semangat keusahawanan mereka dapat dipertingkatkan tanpa mengira kaum di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan buat ucapan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya apakah kementerian bersedia untuk mengkaji semula program-program yang tertentu ini. Program-program ini baik tetapi adakah akan dikaji semula apakah hasil dan implikasi sebagai contohnya TEKUN, dan seterusnya. Itu soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebagai maklumat tambahan, antara strategi-strategi langkah sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi iaitu kementerian menunjukkan strategi pertama sekali melalui pembudayaan keusahawanan di mana program pembudayaan ini dimulakan daripada awal lagi iaitu di peringkat sekolah menengah, di peringkat usahawan siswazah universiti dan kemudian itu strategi dari segi peluang-peluang perniagaan. Peluang-peluang perniagaan ini kita sediakan.

Strategi yang ketiga ialah khidmat sokongan dan juga bantuan dana. Ini yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi menyebut mengenai TEKUN dan lain-lain lagi. Setakat ini, sebagai maklumat tambahan, dalam bidang pembiayaan, kementerian telah pun mengeluarkan peruntukan kepada seramai 174 usahawan yang telah mendapat manfaat dengan dana sejumlah RM1.5 juta. Dalam program premis perniagaan pula sebanyak 13,825 unit premis telah pun disediakan, syarikat vendor sebanyak 340 usahawan dalam pelbagai bidang telah dibangunkan dan dalam program francais seramai 102 francaisor dan 807 francais telah dapat dibangunkan. Dalam sektor pembinaan seramai 46,511 kontraktor kerja awam dan 2,525 kontraktor elektrik telah dibangunkan. Dalam bidang usahawan pengangkutan sebanyak 358,616 permit lesen telah dikeluarkan dalam pelbagai kelas.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa antara strategi yang dirancang bukanlah lengkap, tepat dan memenuhi sasaran. Walau bagaimanapun, oleh sebab itulah Kementerian Pembangunan Usahawan mengamalkan prinsip yang untuk sedia terbuka, maka beberapa gerak usahawan dan *showcase* dijalankan dan melalui ini kita mendapat beberapa maklum balas (*feedback*) daripada orang ramai dan usahawan untuk menambah baik strategi, program yang dijalankan.

Oleh itu kementerian pada masa ini berpuas hati dengan strategi yang diadakan, tetapi dari semasa ke semasa kementerian juga bersedia untuk mengubah ataupun menambah baik.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak lihat semangat keusahawanan, itu yang penting.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, Yang Berhormat.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih. Soalan tambahan, apa kekangan ataupun halangan besar yang dihadapi oleh usahawan bumiputera yang tidak boleh berkembang lebih dari 50% dan berapa banyak jumlah usahawan-usahawan ini yang gagal. Itu soalan saya.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat, dari segi angka yang tepat, yang diminta oleh Yang Berhormat, kementerian

boleh memberikan maklumat secara bertulis kemudian, tetapi salah satu daripada kekangan dan halangan yang selalu menghambat usaha untuk memperluaskan atau menambah nilai usahawan kecil bumiputera, antara yang dinyatakan ialah dari segi kekurangan modal. Begitu juga dari segi persaingan sesama sendiri dan di peringkat luar dari Kuala Lumpur untuk usahawan bumiputera dan bukan bumiputera. Rata-rata yang kita dapat maklumat bahawa berlakunya ketirisan di dalam program tersebut sama ada dari segi penyediaan ruang niaga ataupun dana bantuan yang diberikan, lesen permit dan sebagainya yang dikeluarkan.

Maka ini semua bukannya berpunca daripada masalah luar tetapi masalah dalaman di kalangan usahawan itu sendiri. Maka untuk memperkasakan, membolehkan supaya ketirisan itu tidak berlaku beberapa tindakan telah diambil oleh pihak kementerian iaitu dari segi sebelum dana ataupun lesen permit dikeluarkan maka mereka yang betul-betul berminat hendaklah ditapis melalui mengadakan kursus-kursus kesedaran dan sebagainya. Diharap dengan adanya program-program ini dapat mengurangkan ketirisan dan masalah kegagalan di kalangan usahawan. Walaupun ini bukan 100% berjaya tetapi kementerian Insya-Allah akan terus berusaha memperbaiki.

Terima kasih.

7. Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan berapakah laporan polis yang dibuat oleh pelancong yang menjadi mangsa jenayah atau ketidakpuasan hati terhadap pegawai penguat kuasa sejak Tahun Melawat Malaysia 2007 ini. Nyatakan jenis jenayah di mana pelancong menjadi sasarannya.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]:

Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada statistik Polis Diraja Malaysia kes-kes yang sering dilaporkan melibatkan pelancong, pertamanya adalah kes ragut - 342 kes, kecurian - 243 kes, curi dalam bangunan - 94 kes, samun - 38 kes dan peras ugut - 29 kes. Jumlah kes jenayah yang dilaporkan melibatkan pelancong di seluruh negara sehingga Julai tahun 2007 adalah sebanyak 793 kes. Jumlah kes yang paling banyak dilaporkan adalah kes jenayah ragut iaitu sebanyak 342 kes atau 43.13% di mana Kuala Lumpur merupakan negeri yang tinggi dilaporkan iaitu sebanyak 268 kes atau 78.36% dan diikuti oleh Pulau Pinang 47 kes atau 13.74%.

Secara keseluruhan menunjukkan Kuala Lumpur merupakan negeri tertinggi dilaporkan berlakunya kes-kes jenayah yang melibatkan pelancong di mana 532 kes atau 67.09% telah dilaporkan diikuti oleh Pulau Pinang iaitu sebanyak 117 kes. Trend menunjukkan negeri-negeri yang mempunyai tarikan pelancong mempunyai kadar kes jenayah yang agak tinggi dilaporkan memandangkan negeri-negeri ini juga merupakan tumpuan pelancong untuk melancong sempena melawat Malaysia. Terima kasih.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri masih ingat kerana Yang Berhormat berkata dalam Dewan ini kalau pukul 3

pagi masih selamat di Kuala Lumpur. Statistik ini jelas menunjukkan bahawa bukan sahaja orang tempatan tetapi pelancong juga merasa tidak selamat dan tidak bebas dari menjadi mangsa jenayah.

Jadi, saya hendak tahu dari kes-kes ini apakah keputusannya, apakah tindakan yang telah diambil dan yang melibatkan pegawai penguat kuasa yang telah gagal menghormati dan melindungi hak-hak orang tempatan dan juga pelancong ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan, saya harap saya boleh bersama-sama berdoa agar adik Nurin Jazlin yang berumur 8 tahun, yang masih hilang ini dapat dijumpai dengan selamat dan pulang ke pangkuan ibu bapanya. Jadi, saya mohon jawapan kepada soalan tambahan ini.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih, Yang Berhormat di atas perhatian Yang Berhormat berhubung dengan pelancong-pelancong asing ini. Sebenarnya memang kita sentiasa mengambil berat tentang keselamatan pelancong yang ada di negara kita ini.

■1100

Saya ingin menarik perhatian bahawa akhir-akhir ini kita telah menyediakan CCTV di seluruh Kuala Lumpur ini dan dalam proses pemasangan. Sekarang kita ada di Cheras 10, Sentul - 19, Brickfields - 10, Dang Wangi -10 dan IPK - 19, dan kita sedang dalam proses pemasangan lagi 50 CCTV di kawasan-kawasan yang selalunya yang berlaku jenayah seperti itu. Walau bagaimanapun, kadang-kadang benda-benda ini berlaku di tempat-tempat yang bukan di dalam bandar betul tapi di tempat-tempat, jalan raya besar dan sebagainya, walau bagaimanapun kita sentiasa memantau dan untuk pengetahuan Yang Berhormat juga selain daripada kita menghadapi masalah pelancong, ada juga pelancong yang masuk di negara kita ini yang melakukan jenayah, ada juga. Ada juga pelancong masuk ke Malaysia, tetapi melakukan jenayah samun dan sebagainya.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat kita ada juga lebih kurang 51 kes yang mana pelancong-pelancong yang masuk ke negara ini melakukan jenayah seperti rogol pun ada, ragut, curi dan sebagainya, ada juga. Ini yang secara pelancong. Yang masuk cara lain melalui proses-proses lain bukan melalui dari pelancong itu lagi banyak. Jadi sebenarnya memang perkara-perkara ini berlaku tapi namun demikian dengan peruntukan baru-baru ini diumumkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam bajet diumumkan, saya rasa dengan adanya bajet yang begitu besar, insya-Allah masalah ini dapat kita selesaikan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Boleh saya tanya daripada kes ini, apakah kedudukan kes ini? Saya minta, jangan pelancong-pelancong buat laporan polis selepas itu tidak ada siasatan. Saya hendak tahu apa kedudukan kes ini dan berapakah kes ini melibatkan pegawai penguat kuasa? Itu soalan asal saya tidak dijawab. Jadi jangan beritahu saya apa telah di buat, saya hendak tahu apa kedudukan kes. Ini soalan asal.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat saya tidak boleh beri laporan berkenaan dengan 700 kes yang ada direport itu. Saya kena dapat *detail* daripada pejabat polis.

Nak bagi tiap-tiap kes apa yang berlaku itu tidak termampu untuk saya buat dalam Dewan yang mulia ini.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Berapa kes telah siasat, telah selesai, telah dihadap ke mahkamah, berapa kes telah dijatuhi hukum? Itu soalan asal paling asas.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Tapi kalau tengok soalan asal itu tidak macam itu, lain. Tapi soalan tambahan tapi walau bagaimanapun saya akan bagi secara bertulis kepada Yang Berhormat, okey.

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tiga malam lalu, pelancong-pelancong yang menginap di Hotel *Park Inn* Kuala Terengganu, menyaksikan dengan penuh ketakutan akibat daripada rusuhan jalanan. Di sini menunjukkan kepada kita bahawa kawalan dan juga keluhuran undang-undang itu seolah-olah telah menipis dengan berlakunya rusuhan di jalanan itu yang melibatkan kerugian yang agak besar kepada harta awam. Apakah tindakan-tindakan yang tegas kepada pihak-pihak tertentu yakni, pihak-pihak yang terlibat dalam agenda politik apabila acara untuk mengadakan ditegah oleh polis tapi masih juga mereka berkeras untuk mengadakan agenda mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya ingin mencadangkan tindakan tegas diambil sehingga membakar bendera Malaysia yang kita hargai.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat. Ini terpulang kepada Yang Berhormat hendak menjawab atau tidak.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat soalan ini telah keluarlah, walau bagaimanapun untuk pengetahuan Yang Berhormat di negara kita ini siapa sahaja yang melanggar undang-undang kita akan ambil tindakanlah.

8. Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta Menteri Pelajaran menyatakan kenapa tempoh perkhidmatan seorang guru ketika di tangga gaji DG29 (bukan siswazah) tidak diambil kira setelah seseorang itu menjadi guru siswazah setelah tamat pengajian dari IPTA iaitu pada tangga gaji DG41. Apakah langkah Kerajaan untuk membantu guru siswazah tersebut yang tidak menikmati kenaikan gaji sebenar disebabkan tempoh perkhidmatan semasa DG29 tidak diambil

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, kaedah penetapan gaji permulaan bagi guru bukan siswazah, pegawai perkhidmatan pendidikan lepasan siswazah yang dilantik sebagai pegawai perkhidmatan pendidikan siswazah atau PPPS gred DG41 akan diberi gaji pada satu mata gaji yang lebih tinggi dalam skil gaji DG41 pada tarikh pelantikan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tempoh perkhidmatan pegawai ini tidak diambil kira dalam kekananan untuk kenaikan pangkat dalam gred DG41, kerana skim pegawai perkhidmatan pendidikan lepasan diploma dan skim pegawai perkhidmatan pendidikan siswazah adalah dua skim yang berbeza. Walau bagaimanapun perkhidmatan

pegawai tersebut diambil kira bagi tujuan untuk mendapat faedah-faedah persaraan. Terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tuan Yang di-Pertua, soalan asal saya adalah mengenai kebajikan guru. Kita tahu bahawa kerajaan sentiasa hendak memperkasakan profesion perguruan dan dengan itu kita juga memperkenalkan skim bouncer tuisyen untuk menambah pendapat guru juga, tapi saya hairan, adakah Kementerian Pelajaran betul-betul komited dalam soal ini? Semalam apa yang berlaku di Bakri dan Muar, Pejabat Pelajaran Daerah Muar bawa Jabatan Pelajaran Negeri Johor, bawa BPR pergi ke rumah guru, dia buat *raid* kerana buat tuisyen. Terima RM40 untuk 4 jam satu bulan. Adakah ini cara kita memperkasakan profesion perguruan? Mereka mengajar Fizik, mengajar Matematik untuk STPM, dua bulan lagi akan STPM. Saya hendak bertanya, Menteri dan Timbalan sudah kata kita hendak memperkasakan profesion perguruan. Kenapa pegawai ini masih lagi bermaharajalela? Kenapa hendak bawa BPR? Saya tidak faham. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak berkait dengan ini, dengan soalan asal.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah terkeluar daripada tajuk. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ketereh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Soal asal adalah bertanya mengenai profesion perguruan. Saya tahu kementerian telah usaha banyak untuk meningkatkan profesion ini. Sehingga sekarang cikgu-cikgu sudah dapat apa yang dia hendak pun. Dah lebih daripada patut. Ada skim bouncer tuisyen bukan dapat pada ibu bapa tapi dapat pada guru, ada tambahan. Soalan tambahan saya ia begini, kita tengok masalah disiplin yang banyak dalam sekolah ini, orang salahkan kepada guru tapi sebenarnya tanggungjawab disiplin ini kepada guru hanya dalam waktu persekolahan, di luar sekolah dah tak jadi masalah guru. Jadi saya hendak tahu sistem melatih guru ini sebenarnya, sistem melatih guru dan hendak melahirkan guru siswazah ini, adakah kementerian betul-betul latih orang yang berminat atau dia latih orang masuk guru ini kerana tidak ada kerja lain. *No other option* maka pilih jadi guru. Akhirnya kita dapat *influx* orang yang sebenarnya minatnya tidak ada tapi terpaksa kerja juga kerana tiada kerja lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Beri jawapan.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, memang minat daripada graduan untuk menjadikan guru adalah begitu tinggi dan apabila kita ada *vacancy* untuk 2,000 kita kadangkadangkang dapatkan permintaan daripada 70,000 lebih graduan yang *applied*. Dari jumlah ini, sejumlah yang besar akan kita melalui dengan izin, satu peperiksaan di mana kita cuba buat *assessment*, penilaian dari segi psikologi sama ada pemohon itu betul-betul hendak jadikan guru itu ataupun seolah-olahnya sebab tidak dapatkan kerja lain. Jadi yang bakinya juga akan

diperlukan melalui beberapa *interview* dan kami setakat ini kami dapati bahawa sistem pemilihan ini adalah berkesan tetapi sukar untuk kementerian tahu secara betulnya apakah dalam hati seseorang pemohon itu, tetapi kami harap dengan sistem yang kita ada yang kita telah amalkan setakat ini, kita akan berterusan. Sekian terima kasih.

9. Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun] minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) apakah nisbah doktor dan pesakit klinik dan pesakit di kawasan luar bandar; dan
- (b) adakah benar kebanyakan doktor yang ditugaskan di luar bandar tidak berminat untuk bertugas di kawasan ini dan kemudiannya menggunakan alasan menyambung pelajaran untuk keluar dari kawasan berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan bahagian (a), pada masa ini nisbah di antara doktor dan pesakit dilakukan berdasarkan kepada jumlah doktor dan populasi penduduk negara ini. Pada masa sekarang nisbah doktor kepada bilangan rakyat adalah satu doktor kepada 1,300 orang rakyat.

Untuk menjawab soalan bahagian (b), sebagai anggota perkhidmatan awam, doktor-doktor di Kementerian Kesihatan boleh ditugaskan untuk berkhidmat di mana-mana tempat yang diperlukan termasuklah di kawasan luar bandar. Beberapa insentif telah disediakan termasuklah memberi keutamaan kepada mereka untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang kepakaran dan sub-kepakaran. Sekian.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada jawapan pihak kementerian. Yang saya hendak kemukakan di sini ialah soal minat, kadangkala memang kebetulan tiga, empat bulan seorang doktor ditugaskan di luar bandar tiba-tiba mendapat kelulusan untuk melanjutkan pelajaran. Bermakna kekosongan berlaku di klinik tersebut. Jadi walaupun dia cara kebetulan tetapi meninggalkan kesan sebab pertukaran ganti doktor selanjutnya mengambil masa yang agak lama. Adakah kementerian bercadang untuk mengenakan, walaupun bukan syarat tetapi merupakan insentif, sekurang-kurangnya ditempatkan ataupun ditugaskan tiga tahun di kawasan pedalaman luar bandar dan ini merupakan kriteria penting untuk kenaikan pangkat dan juga doktor-doktor di pedalaman ini mungkin mereka akan menjalankan beberapa tugas sampingan yang lain seperti didikan ataupun bertemu dengan pesakit-pesakit yang menjadikan, semua ini adalah ciri-ciri penting untuk ke arah kenaikan pangkat. Pohon penjelasan.

■1110

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Kita sentiasa memang menggalakkan doktor-doktor dan juga kakitangan-kakitangan dari Kementerian Kesihatan untuk

bertuas di luar bandar. Untuk menempatkan doktor-doktor ini pada masa ini kita mempunyai syarat supaya mereka mesti menjalani masa wajib mereka iaitu sebelum mereka didaftar boleh menjadi doktor, supaya mereka boleh keluar daripada kementerian kita.

Dalam tiga tahun itu sentiasa mereka memerlukan *supervision* oleh pakar-pakar yang tertentu. Apabila mereka sudah habis tempoh tiga tahun wajib ini bermakna mereka boleh meninggalkan perkhidmatan kerajaan. Jikalau kita paksa mereka atau daripada pandangan Yang Berhormat iaitu kita memberi insentif kepada mereka supaya mereka terpaksa bekerja di luar bandar ini kadang-kadang mereka memilih untuk meninggalkan perkhidmatan kita, ini adalah keadaan yang kita hadapi.

Namun Kementerian Kesihatan memang mengambil banyak langkah supaya mereka dapat terus bekerja dengan Kementerian Kesihatan dan insentif seperti elaun-elaun kita telah bagi banyak kepada mereka. Kita juga memperbanyakkan lagi jawatan dan peluang untuk naik pangkat doktor-doktor kita dan juga jururawat-jururawat kita. Dari segi itu kita rasa suatu masa yang akan datang kita dapat menarik lebih ramai lagi orang dari segi doktor atau jururawat untuk berkhidmat dengan kerajaan. Sekian.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan tentang doktor, saya nak menarik tajuk kepada doktor pakar.

Memang kita dapati bahawa doktor-doktor pakar ini amat berkurangan sedangkan kes-kes penyakit yang begitu banyak pada hari ini. Kadang-kadang pesakit-pesakit itu 'terpaksa' meninggal dunia ataupun meninggal dunia disebabkan oleh belum sampai masa untuk perubatan kerana kekurangan doktor pakar, jadi dia terpaksa matilah [*Ketawa*] pasal dia tak dapat perubatan.

Jadi, bagi pandangan saya apakah alternatif kementerian supaya buat permulaan ini atau sementara ini kita bawa masuk doktor-doktor pakar dari negara-negara lain untuk membantu keperluan doktor pakar bagi mengatasi masalah pesakit-pesakit ini, di samping kita memperbanyakkan lagi doktor-doktor kita ini melibatkan diri dalam menjadi pakar.

Jadi dengan cara ini saya kira ia akan dapat mengatasi masalah *backlog* yang begitu banyak sekali terutama sekali jantung, penyakit kanser, kencing manis dan sebagainya yang hari ini kita merasa amat risau. Jika kita pi di klinik jantung Tuan Yang di-Pertua, kita tengok pesakit-pesakit memang saya pun risau tetapi mereka ini kadang-kadang tidak dapat sempat untuk berubat dan mereka kembali ke rahmatullah.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi lagi satu, adakah puasa juga akan memberi manusia itu dari segi kesihatan diri dia kerana kita berpuasa Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan doktor pakar ini saya rasa kita akan sentiasa menghadapi kekurangan. Ini adalah kerana dari segi *training* mereka sekarang ini pakar ini kita sudah ada sub-sub pakar.

Apa yang saya katakan misal kata *surgeon*, tiap *surgeon* itu dia ada pakar pembedahan tetapi kita ada *heart surgeon* pula iaitu ia cuma buat pembedahan jantung sahaja. Sekarang kita ada sub-sub kepakaran pula iaitu *heart surgeon* ini boleh melanjutkan pelajaran mereka menjadi *pediatric heart surgeon* iaitu dia akan hanya membuat pembedahan kepada kanak-kanak tetapi untuk jantung sahaja. Ini bermakna pakar-pakar kita terpaksa atau dia ada peluang untuk jadi *sub specialist*.

So, ini bermakna kita memerlukan lebih ramai lagi doktor-doktor supaya mereka boleh dilatih menjadi pakar lepas itu sub pakar, sub-sub pakar lagi. So, saya rasa untuk masa yang akan datang kita akan menghadapi juga cabaran untuk memenuhi semua jawatan yang kita wujudkan.

Dari segi Kementerian Kesihatan itu adalah mengapa kita menekankan bahawa kita kena mempertingkatkan aspek dan usaha kita untuk mempromosikan pencegahan, pencegahan itu adalah sangat penting.

Dari segi itu puasa ini adalah satu amalan yang baik tetapi saya rasa bukan hanya untuk satu bulan saja tetapi berterusan. Dari segi Kementerian Kesihatan bukan puasa seperti yang kita adakan untuk agamalah tetapi kita kurangkan makanan kita untuk sentiasa masa itu jangan berlebihan makan, apabila kita berlebihan makan atau minum kadang-kadang ia akan mendatangkan kesan yang tidak baik untuk badan kita. Sekian, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Doktor pakar dari luar tadi tak jawab soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Tak apa, Kuala Pilah.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Peraturan 36(12) berhubung dengan mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Setiausaha Parlimen bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan apabila menjawab soalan tambahan dari Ahli dari Kalabakan dia berkata bahawa Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam terpakai juga bagi negeri Sabah. Saya sudah semak dengan rang undang-undang ia cuma terpakai di Semenanjung, Labuan dan Putrajaya sahaja dan tidak terpakai di Sabah atau di Sarawak. Jadi ini menunjukkan Setiausaha Parlimen telah membuat satu kenyataan yang amat mengelirukan dan salah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kalau...Yang Berhormat ada lagi? Tak ada. Ada di sini? Ya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr S. Subramaniam]: Saya boleh tarik balik kenyataan itu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Ini satu kesilapan bukan mengelirukan dan kesilapan boleh dibetulkan. Ya, sudah pun dibetulkan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itu tak boleh kacaulah..

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Sedangkan lidah lagi tergigit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Inikan pula manusia.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, cukup.

10. Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan langkah-langkah yang telah diambil dan cadangan masa depan untuk memastikan sumber air tidak tercemar sebelum digunakan sebagai air mentah untuk tujuan bekalan air.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pihak kementerian telah mengambil pelbagai langkah dalam usaha memastikan sungai-sungai sumber air utama tidak tercemar. Beberapa program khusus telah dijalankan dalam usaha menangani pemuliharaan sungai-sungai yang tercemar tersebut. Ianya merangkumi dua aspek penting iaitu pendekatan melalui kaedah pencegahan dan juga kaedah pemulihan.

Dalam aspek pencegahan masalah pencemaran lembangan sungai tindakan pemantau dan penguatkuasaan dijalankan dari masa ke semasa. Oleh itu pihak kementerian mengambil pendekatan pengurusan lembangan sungai secara bersepadu melalui pelbagai agensi dan jabatan di bawah kementerian dengan menetapkan garis-garis panduan, rujukan undang-undang, peraturan dan polisi supaya kawasan lembangan sungai merupakan kawasan tadahan air dapat diurus, dibangun dan dipelihara dengan baik.

Selain itu pihak kementerian melalui jabatan-jabatan di bawahnya juga akan menjalankan program pemerksaan Ahli-ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri iaitu Kempen Kesedaran Alam Sekitar dan Pemuliharaan Sungai yang berjumlah RM9.09 juta untuk 219 kawasan Parlimen dan 576 kawasan DUN. Terima kasih.

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasihlah di atas jawapan yang diberikan oleh pihak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang menceritakan kepada saya tentang soal-soal rancangan yang telah dan sedang berjalan di pihak kementerian, dalam soal memastikan air-air mentah tadi akan dapat keluar bersih supaya kerana air ini adalah sangat penting bagi manusia.

■1120

Saya masih ingat lagi kalau tidak silap saya dari segi rujukan yang saya baca, dua tiga tahun yang lepas ada satu keputusan yang dibuat oleh Majlis Perhutanan Negara untuk memastikan dan menyeru supaya kerajaan-kerajaan negeri dapat mewartakan tadahan-tadahan air ini supaya ianya tidak diganggu ataupun dibuat apa-apa pembangunan bagi memastikan air tadahan air ini dalam keadaan yang cukup bersih dan selamat untuk digunakan.

Jadi saya mahu tahu setakat mana pemantauan dan juga setakat mana respons daripada kerajaan negeri, daripada hasil keputusan Majlis Perhutanan Negara ini. Terima kasih.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sememangnya di dalam Majlis Perhutanan Negara pada mesyuarat yang kesembilan belas kalau tidak silap saya pada dua tahun yang lepas. Memang telah ditetapkan oleh majlis supaya kerajaan negeri mulaewartakan kawasan-kawasan yang difikirkan perlu sebagai kawasan tadahan air. Jadi saya tidak ingatlah seksyen berapa, tapi salah satu daripada 12 pengesyoran yang dibuat oleh Majlis Perhutanan Negara melalui Akta Perhutanan Negara supaya dijadikan, diwartakan dalam enakmen kerajaan-kerajaan negeri.

Setakat ini terdapat lebih daripada 500 ribu hektar daripada jumlah sebenar yang diperlukan adalah sebanyak 800 ribu hektar sebagai kawasan tadahan air telah pun diwartakan oleh kerajaan-kerajaan negeri seperti Negeri Sembilan, Selangor, Pahang dan beberapa negeri lagi tetapi ada juga kerajaan-kerajaan negeri yang bersetuju untukewartakan kawasan tadahan tersebut tapi masih belum berbuat demikian, ini termasuklah negeri Kelantan sebanyak 42 ribu hektar masin belum diwartakan sebagai kawasan tadahan air.

Oleh itu kita lihatlah sungai-sungai di Kelantan semuanya berwarna oren sekarang ini.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Lama dah tu, sudah lapuk, alih-alih Kelantan.

Dato' Sazmi bin Miah: Terutama sekali sungai negeri. Jadi saya berharap kerajaan-kerajaan negeri yang masih belumewartakan kawasan-kawasan tadahan air terutama negeri Kelantan untukewartakan kawasan tersebut dengan segera supaya kita mendapat air yang bersih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Lima negeri tidak lagi.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Hulu Langat.

Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, memang jawapan Yang Berhormat daripada Setiausaha Parlimen berkenaan dengan pewartaan, usaha untuk mengawal pencemaran dalam lembangan sungai untuk tujuan pengambilan air mentah bagi tujuan minuman adalah satu usaha yang baik, tetapi Tuan Yang di-Pertua saya melihat dengan mata dan kepala saya sendiri terutama sekali sungai Langat yang melalui kawasan saya sendiri. Terdapat pelbagai punca pencemaran terutama sekali disebabkan oleh kilang-kilang haram yang didirikan di lembangan sungai, setinggan, rumah-rumah perkampungan yang menyumbang kepada pencemaran sungai dan akibatnya beberapa kali tempat pengambilan air sungai ini terpaksa ditutup kerana pencemaran.

Saya hendak tanya kementerian, setakat manakah hubungan serta kerjasama kementerian dengan kerajaan negeri bagi tujuan menghapuskan punca pencemaran itu? Selagi

kilang itu ada di situ, selagi itu pencemaran akan berlaku dan saya hendak minta jawapan daripada pihak kementerian.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Dari segi hubungan di antara pihak kementerian dengan kerajaan-kerajaan negeri dan juga pihak berkuasa tempatan, saya akui memang masih lagi longgar. Kita masih ada lagi pertindihan di antara jabatan-jabatan di bawah kementerian dan juga di bawah negeri serta majlis-majlis perbandaran tempatan dari segi pengurusan sisa-sisa pepejal dan juga pengurusan sisa-sisa toksik. Seperti sekarang ini kita lihat di bawah kementerian kami Jabatan Alam Sekitar mengendalikan sisa toksik, tetapi kalau sisa pepejal dikendalikan oleh kementerian yang lain. Jadi ini menimbulkan satu, bukan masalah tetapi satu koordinasi yang perlu dilakukan oleh pihak kementerian.

Jadi apa yang berlaku dari segi pencemaran sungai kebanyakan apa yang kita lihat adalah dari segi sisa pepejal yang dapat dilihat. Kalau sisa toksik ia bercampur air dan itu kita buat test kualiti dan sebagainya. Dari segi sisa pepejal apa yang pihak kementerian dan saya hanya boleh menjawab bagi pihak kementerian kami, kita mengadakan pembinaan perangkap-perangkap sampah dan sebagainya. Sebagai contoh Sungai Klang bukan sahaja Sungai Langat, Sungai Klang sahaja kita mengumpul lebih 200 tan sampah satu hari, ini sampah sisa pepejal. Jadi maksudnya memang kesedaran yang ada di peringkat akar umbi pun masih belum begitu tinggi lagi dan kita berusaha dari semasa ke semasa untuk kerjasama yang lebih erat di antara jabatan-jabatan dan juga pihak kerajaan negeri dan tempatan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bagaimana dari segi perancangan, kilang tidak dibina dekat dengan lembangan sungai ataupun dikurangkan?

Dato' Sazmi bin Miah: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya dari segi Rancangan Malaysia Kesembilan ini memang input daripada Jabatan Alam Sekitar adalah amat penting sekali. Dari segi perancangan bandar kita meminta pihak perancangan bandar supaya mengkhususkan pembinaan kilang-kilang tersebut di satu-satu kawasan tertentu sahaja. Jadi apa yang berlaku ialah kilang-kilang ini dibina lebih awal daripada akta kita yang ada. Seperti Akta Alam Sekitar tahun 1984, kebanyakan kilang dibina tahun 70-an dan sebagainya berada di situ. Jadi terima kasih.

11. Tuan Lim Hock Seng [Bagan] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan bagaimanakah hak pengguna dapat dipertahankan apabila pihak pengguna mendapat award dari Tribunal Tuntutan Pengguna tetapi defendan kemudian pula memfailkan tuntutan dari pengguna di mahkamah yang lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut seksyen 104, Akta Perlindungan Pengguna 1999, jika pengguna telah memfailkan tuntutan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia, tuntutan tersebut tidak boleh difailkan di mana-mana mahkamah lain kecuali jika tuntutan itu di tribunal ditarik balik, ditinggalkan ataupun dibatalkan. Di mana pengguna telah

mendapat award daripada tribunal, seksyen 116(i)(a) Akta Perlindungan Pengguna 1999 terpakai dengan menetapkan setiap award yang dibuat oleh tribunal adalah muktamad dan mengikat semua pihak kepada prosiding itu.

Dengan itu mengikut kedua-dua seksyen di atas, semua tuntutan pengguna didengar dan diselesaikan di peringkat tribunal sahaja. Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, mengikut undang-undang sivil, semakan kehakiman ataupun *judicial review* saya ulangi sekali lagi, semakan kehakiman, penentang ataupun defendan di tribunal boleh memfailkan permohonan semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi terhadap *award* tribunal yang memihakkan kepada pengguna.

Akan tetapi, mengikut statistik hanya sejumlah kecil award tribunal difailkan permohonan semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi. Misalnya pada tahun 2006, cuma 0.18% *award* tribunal difailkan permohonan semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi dan bagi tempoh 1 Januari 2007 hingga 30 Jun 2007 hanya 0.16% award tribunal difailkan permohonan semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi.

Bagi semua permohonan semakan kehakiman tersebut, tribunal membekalkan notis prosiding dan sebab keputusan kepada Mahkamah Tinggi bagi menjelaskan *award* di tribunal itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Mengikut kenyataan, selama ini ada 250 kes yang defendan telah mengingkar perintah dari tuntutan tribunal. Jadi adakah sebarang tindakan diambil terhadap mereka dan jangka masa untuk membuat demikian. Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Yang Berhormat Bagan. Tuan Yang di-Pertua, kalau ikut akta ini, mana-mana pihak yang gagal mematuhi award selepas 14 hari dari award dibuat oleh tribunal adalah merupakan satu kesalahan jenayah dan juga disabitkan kesalahan boleh didenda tidak lebih dari RM5 ribu ataupun penjara selama tempoh tidak lebih dari dua tahun ataupun kedua-duanya.

Saya masih ingat apabila saya jawab dalam *supplementary bill* yang lalu saya ada sebut biasanya kita dapat 5% hingga 10% daripada *award* yang dikeluarkan tidak dibayar kerana banyak tapak perniagaan ataupun kedai-kedai gulung tikar ataupun mereka sudah tamat perniagaan. Jadi cuma 5% hingga 10% sahaja bukan kata mereka masih berniaga tidak mematuhi *award* ini cuma mereka sudah pun gulung tikar dan tidak dapat dikesan lagi. Sekian, terima kasih.

■1130

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai keputusan tribunal kepada pemaju yang ingkar, saya ada satu kes dalam kawasan saya. Bila pemaju tidak mahu bayar, dia jadi kesalahan jenayah, kata kerajaan tadi, tetapi hendak tentukan kesalahan jenayah, adakah kena *report* kepada polis pula? Kena berbicara lain

pula. Ertinya tertanggung lagi kehendak pengguna itu, sedangkan tujuan akta ini dibuat ialah untuk mempertahankan pengguna. Tribunal sudah buat keputusan, sepatutnya dia automatik. Boleh terangkan dengan lebih jelas? Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Saya dengar tadi you sebut tribunal perumahan. Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia dengan Tribunal Perumahan ada sedikit berlainan. Mengikut Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia, cuma kita boleh memfailkan kes-kes mengenai barangan ataupun perkhidmatan tidak melibatkan Tribunal Perumahan. Jadi mungkin dari sudut itu saya tidak dapat jawab sebab ini dari segi Tribunal Perumahan, boleh rujuk kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, selesai soal jawab lisan pagi ini.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**PERISTIWA RUSUHAN
DI PANTAI BATU BUROK, KUALA TERENGGANU**

11.31 pg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya Salahuddin bin Haji Ayub (Kubang Kerian), mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan dan membincangkan peristiwa keganasan polis pada 8 September 2007 di Pantai Batu Buruk, Kuala Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari Sabtu, 8 September 2007, lebih kurang jam 11.45 malam, seorang anggota polis yang tidak beruniform telah bertindak melepaskan beberapa das tembakan dengan sengaja menggunakan peluru hidup dan akibatnya dua orang awam telah mengalami kecederaan yang sangat serius. Mangsa pertama, Encik Suandi bin Abdul Ghani, 77 tahun, telah mengalami kecederaan parah dan sehingga usul ini dikemukakan, beliau telah dipindahkan daripada Hospital Besar Kuala Terengganu ke Hospital Kubang Kerian, Kota Bharu. Beliau masih dalam keadaan yang amat kritikal. Mangsa kedua, Encik Mohd. Azman bin Abdul Aziz, 21 tahun, juga mengalami kecederaan parah dan masih dirawat di Hospital Besar Kuala Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini seharusnya diberikan peluang yang sebaiknya dan seadilnya untuk isu dan tragedi ini dibincangkan dan diperbahaskan secara

terbuka agar keadilan dan maklumat sebenarnya dapat ditegakkan. Pihak Kementerian Keselamatan Dalam Negeri perlu memperjelaskan kepada seluruh rakyat Malaysia, kenapa peluru hidup perlu digunakan ke atas orang awam yang tidak bersenjata.

Integriti pihak polis sangat-sangat dipersoalkan dalam peristiwa ini di mana seolah-olah budaya, dengan izin, '*trigger happy*', diaplikasikan ke atas orang awam tanpa memperhitungkan nyawa dan keselamatan awam. Persoalannya, adakah penggunaan peluru hidup ini telah menjadi satu pendekatan baru pasukan Polis Diraja Malaysia. Tragedi hitam dan sedih ini tidak mungkin akan berlaku sekiranya pihak keselamatan memberikan keizinan, permit kepada mana-mana pihak yang berhasrat untuk menganjurkan perhimpunan aman seperti mana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Negara dan semangat demokrasi di dalam negara kita.

Saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Kubang Kerian pada hari Isnin, 10 September 2007. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi memenuhi tiga syarat iaitu:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini perkara tertentu dan ia adalah bagi kepentingan orang ramai, walau bagaimanapun, perkara ini tidak perlu disegerakan. Apa yang berlaku adalah pengawalan oleh pihak polis atas rusuhan sahaja.

Oleh yang demikian, saya menolak usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN 2007

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1989, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1997, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2008****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2008**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2008 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada empat puluh lapan bilion satu ratus lapan belas juta dua ratus enam puluh sembilan ribu ringgit (RM48,118,269,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2008, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan 2008, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 13 Tahun 2007, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut. **[10 September 2007]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Ipoh Timor untuk menyambung ucapan.

11.35 pg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mahu bermula dengan satu kenyataan yang ada dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri akibat daripada peristiwa Batu Burok di mana beliau mengumumkan mengharamkan segala perhimpunan awam sehingga pilihan raya besar. Saya rasa ini tidak elok, tidak adil dan tidak mengikut semangat Perlembagaan kita supaya menghormati hak asasi. Tidak pernah ada apa-apa perhimpunan awam atau rapat umum pun oleh parti-parti pembangkang atau sesiapa yang menjadikannya rusuhan.

Tidak pernah berlaku oleh kerana kita semua parti pembangkang, semua yang mahu mengadakan perhimpunan awam, kita ada tanggungjawab dan kita ada keupayaan untuk menentukan dan memastikan bahawa ini dijalankan secara aman dan tertib. Kalau apabila berlaku peristiwa yang tidak diingini selalunya oleh kerana provokasi pihak polis atau halangan daripada pihak polis, *mishandling* oleh pihak polis dan saya rasa ini tidaklah patut diadakan dan saya harap bahawa pengumuman ini ditarik balik.

Kita mahu menunjukkan bahawa kita lebih matang sebagai satu negara selepas 50 tahun merdeka, untuk khasnya mengenai hak asasi dan demokrasi bahawa perhimpunan awam dibenarkan. Apa yang kita perlu ialah satu rundingan meja antara semua pihak polis, parti-parti politik dan pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk menguatkuasakan undang-undang supaya ketenteraman dijamin. Ini pun ada disahkan oleh Suhakam dan *Royal Police Commission Inquiry*.

Tuan Yang di-Pertua, semalam apabila kita menangguhkan, saya rasa amat kesal bahawa satu *personal attack* ada dibuat terhadap bekas IGP, Tun Haniff Omar, bukan tanggungjawab saya untuk membela beliau, tetapi sekurang-kurangnya dalam masa beliau memegang jawatan sebagai IGP, tidak ada tuduhan-tuduhan personel dibuat terhadap IGP mengenai korupsi. Yang sekarang ada dibuat terhadap IGP yang sekarang, Tan Sri Musa Hassan, khasnya mengenai RM22 juta melibatkan kegiatan-kegiatan atau penglibatan dengan *crime syndicate*. Sungguhpun Peguam Negara membebaskan beliau daripada tuduhan-tuduhan, ini masih menjadi satu persoalan bagaimana perkara ini boleh berlaku.

Sebenarnya kalau tengok laman *blog* Raja Petra Kamarudin ada menulis mengenai penglibatan IGP dengan sindiket jenayah dengan artikel bertajuk "*Malaysia organizes crime syndicate all routes to Putrajaya. The roaches are scaring and the reds are haring and the wall is crumbling down, again of cat and mouse.*" Ada kertas siasatan pengakuan ASP Hong Keng Hock, ada akuan berkanun Detektif Sarjan Raja Kumar, ada akuan berkanun Sarjan Mohd. Yasin bin Malik, ada akuan berkanun ASP Meor Fahim Ahmad, ada akuan berkanun Pemangku Sarjan Mejar Manimaran, ada akuan berkanun ASP Mohd. Yusof bin Ahmad, akuan berkanun Sarjan Mohd. Yassin Manit dan akuan berkanun Chai Boon Cai. Semua ini perlulah ada satu siasatan yang terbuka, satu akauntabiliti yang penuh, mengadakan satu kertas putih *tabled* di meja Dewan yang mulia ini.

Bagaimana boleh berlaku nampaknya kes itu. Apa yang berlaku sekarang ialah bukan *the police at a war itself*, kem-kem dalam pihak polis, kem IGP, kem penggera *commercial crime* sehingga ada cakap-cakap, sebut-sebutan bahawa Commercial Crime Director, Ramli Yusof akan ditangkap oleh IGP dan lain-lain.

■1140

Pun begitu bukan sahaja *police at war with itself, the police at war* dengan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri di mana arahan Perdana Menteri pun tidak dihiraukan, sungguh pun dia sebenarnya ditugaskan atas tanggungjawab pihak polis. Oleh sebab Menteri sepenuhnya tidak ada masa tetapi *the security is totally ignored* dan kalau tidak silap bahawa arahan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri mengenai kes dan fail tiga orang yang tercatat dalam sejarah, oleh sebab kali yang pertama mereka sungguh pun ada ditahan di bawah Ordinan Darurat 1969, oleh sebab tuduhan penglibatan dalam *crime syndicate*.

Telah dibebaskan selepas tujuh hari sahaja ditahan, dan yang biasanya akan menunggu tamat 60 hari. Dalam tujuh hari dibebaskan atas arahan IGP. Siapa yang salah? Kalau mereka *innocent*, mereka yang keluar tahanan, tatatertib patut diambil. Kalau IGP tidak ada sebab untuk melepaskan mereka, tindakan patut diambil terhadap IGP tetapi bagaimana sekarang? *Police at war with itself, the police at war with the Internal Security Ministry*. Akhirnya mangsa ialah orang ramai sehinggakan tengok apa yang ada dalam surat khabar semalam, CPO Johor berkata, "keadaan jenayah di Johor, dia rasa malu, *pass cross coast way*, selamat, balik daripada *coast way*, tidak selamat". Apa keadaan semacam ini?

Tuan Yang di-Pertua, dan inilah apa yang kita patut memberi minat khasnya tengok apa yang berlaku baru-baru ini. Saya tidak mahu ulangi apa tuduhan ini atau tulisan yang dibuat oleh Hadi Omar, ini kita semua tahu. Namun begitu, apa reaksi mengenai IGP Tan Sri Musa? Dia kata dengan izin, "*do not just look at corrupt policemen, government servants who are involved in corruption should also be investigated. He said that there are government servants who live beyond their need on will gotten money. And that this people have got to be caught*". Benar, apa dia kata benar tetapi ini tidak boleh jadi alasan kenapa *corrupt policemen*, tindakan tidak diambil. Ada *corrupt civil servants* patut pun tindakan diambil, tetapi tidak boleh menjadi alasan oleh sebab ada *corrupt policemen*, ada *corrupt minister* mungkin, sebab itu sehingga mereka ditangkap, tidak perlulah apa-apa tindakan diambil terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua, profesional berkata perubahan *up in arms* Tuan Yang di-Pertua, atas skim e-kesihatan yang diumumkan semalam oleh Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan, Solah Mat Hassan semalam yang meminta para pemandu kenderaan komersial bermula bulan depan untuk menjalankan satu ujian perubahan di klinik-klinik yang dilantik oleh syarikat bersekutu FOMEMA ialah Supreme System Sendirian Berhad. Supreme System Sendirian Berhad telah pun diberi satu monopoli untuk menjalankan ujian-ujian perubahan yang akan membolehkannya menyapu beratus juta ringgit dan memonopoli selama 15 tahun yang diberi oleh Kementerian Pengangkutan. Ini merupakan contoh terbaru kejadian *rent-seeking* yang mengorbankan kepentingan orang ramai. ... *rent-seeking* Tuan Yang di-Pertua kerana sebelum ini sudah ada satu sistem ujian perubahan untuk pemandu-pemandu kenderaan komersial yang melibatkan JPJ sendiri secara langsung yang mana ini boleh terus diperbaiki untuk menangani penyalahgunaan kuasa atau kelemahan-kelemahan dan bukannya membentuk satu bagi sistem yang lebih bersifat *rent-seeking* daripada memupuk keusahawannya.

Saya telah menerima satu e-mel daripada seorang pengamal perubahan terhadap satu surat pendaftaran yang dihantar oleh Supreme System Sendirian Berhad iaitu satu anak Syarikat Pantai Holdings Sendirian Berhad kepada doktor-doktor di Lembah Klang untuk membayar RM100 sebagai yuran pendaftaran dan meminta maklumat terperinci dari setiap klinik. Surat ini menyatakan bahawa untuk menyertai pemeriksaan perubahan lesen pemandu baik atau *good driving license* dan lesen kenderaan perkhidmatan awam, *public service vehicle* yang perlu

diperbaharui setiap tahun oleh pemandu-pemandu kenderaan komersial. Doktor-doktor swasta mesti menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi mereka, ICT mereka. Surat ini meminta maklum balas dan bayaran dibuat dalam 10 hari.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Di antara kandungan e-mel ini dengan cepat dengan izin, "*currently, the annual renewal is done using a gateway which is linked to e-kesihatan of JPJ. A user friendly gateway system was proposed to the Ministry of Transport. This gateway which protects the Malaysian citizens of their confidentiality and the doctors hippoctaes Oath of secrecy and only payment of RM2 is traffic charge to transmit the medical certification with an encryption code...*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, bila hendak berhenti ni?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *...used by each doctor to JPJ via the gateway.*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Berapa lama dah? Orang lain tidak ada *chance*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *There is a bridge of medical...*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita pun hendak berucap juga. Takkan dia hendak habis satu bulan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Nanti saya beritahu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *There is a bridge of medical confidentiality of patients medical records to third parties when Pantai Supremme becomes a third party to collect the data and there is a bridge of Malaysian citizens human right.*

The proposed system demands payment of RM80 at the post office by the driver. Pantai Supremme chargers a service fee of RM30 per driver, Laboratory test for urine cannibinoids, ATS and Oppiatee RM20. Payment to doctors for medical examination RM30 after 90 days.

Dengan izin akhirnya, *there are 1,200,000 commercial vehicle drivers and the active drivers are approximately 1,000,000 in number. Pantai Supremme will be entitled to siphon off RM28 million per year after deducting RM2 Ringgit per driver as their overhead cost expenses.*

We are perturbed about the status of the drivers vis a vis the laboratory report. The verification of these results and the poor standards of batch entry and quality control used by laboratories to conduct the urine for substance abuse test is questionable. The laboratories use this method to save cost. Is there a mechanism to rehabilitate these driver and how long will these drivers be suspended and what is the grievance mechanism?"

Pada masa kini, pemandu komersial perlu membayar RM50 bagi permohonan baru, RM20 bagi tujuan pembaharuan pemeriksaan perubatan di mana kini boleh meningkat kepada RM80 bagi tujuan pembaharuan di bawah sistem monopoli Supremme System Sendirian Berhad.

Saya memahami bahawa Koperasi Doktor Malaysia Berhad telah menghantar satu cadangan yang komprehensif kepada kementerian tahun lepas dengan dua skala bayaran yang lebih rendah daripada monopoli Supreme System Sendirian Berhad. Namun cadangan Koperasi Doktor Malaysia Berhad tidak diberi pertimbangan serius sebaliknya Supreme System Sendirian Berhad muncul dan seterusnya diberikan monopoli ini di mana tindakan ini seolah-olah telah menginstitusikan satu sistem orang tengah, *middle-man system*, *rent-seeking system* hanya menambahkan kos perniagaan dan kos hidup bagi negara ini.

Saya menyeru supaya konsesi monopoli e-kesihatan 15 tahun oleh JPJ terhadap Supreme System Sendirian Berhad untuk menjalankan pemeriksaan perubatan tahunan bagi pemandu kenderaan komersial digantung bagi memastikan perkara ini bukan satu lagi kejadian *rent-seeking* yang menyapu ratusan juta ringgit hanya untuk kepentingan sesetengah kroni dan mengorbankan kepentingan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, profesion...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sila gulung Yang Berhormat, habiskan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dengan cepat, saya tahu masa untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagi yang semalam Yang Berhormat, sekarang sudah tinggal dua minit. Habiskan dalam masa dua minit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Lagi 15 minit boleh habiskan. Dalam Bajet nya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan mengatakan bahawa tahap prestasi perkhidmatan awam adalah kritikal untuk mengekalkan daya saingan negara khususnya dalam konteks globalisasi. Beliau berkata bahawa sudah tiba masanya amalan terbaik dan budaya prestasi tinggi diguna pakai untuk meningkatkan lagi prestasi perkhidmatan awam untuk mencapai peningkatan dalam prestasi kerja.

Walaupun begitu, dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006 yang menilai kepimpinan Yang Amat Berhormat untuk tahun yang ketiga dipenuhi dengan laporan tentang pembaziran wang rakyat yang mencecah puluhan malah ratusan juta ringgit. Ini menunjukkan bahawa bukan sahaja budaya perkhidmatan awam ini tidak bertambah baik, malahan barangkali bertambah serius di mana Parlimen selalunya diingatkan tentang kebocoran yang sering kali berlaku biar pun sebanyak RM200 juta telah dibelanjakan untuk pembaikpulihan bangunan Parlimen di mana satu lagi kebocoran kecil berlaku di bilik media semalam.

Sungguh pun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata pada pagi Ahad yang lalu bahawa kementerian-kementerian yang berkenaan mesti menjawab laporan-laporan penyelewengan seperti yang dinyatakan di dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006. Menteri Kewangan Kedua juga mengarahkan supaya semua jabatan di bawah Perbendaharaan untuk menyemak kes-kes yang dibawa dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006. Seorang demi seorang menteri telah cuba membatalkan tuduhan seperti yang disebut dalam

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006 seperti bayaran RM224 untuk satu set pemutar skru yang hanya berharga RM32. Bayaran sebanyak RM1,146 untuk satu set pen yang hanya berharga RM160.

■1150

Bayaran sebanyak RM5,700 untuk sebuah jek kereta yang hanya berharga RM50 dan PTPTN yang membayar RM5.59 juta kepada 4,183 orang pelajar secara *advance* biarpun mereka tidak memohon pinjaman itu. Semua reaksi menteri-menteri ini bukan sahaja satu tindakan sudah terhantuk untuk satu *locking the stable door after the horse has bolted* dengan izin, tetapi juga merupakan reaksi yang tidak bermakna.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Timor, habiskan ucapan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, saya akan habiskan ini. Termasuk Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri kerana beliau merupakan Menteri Pertahanan yang harus menjelaskan kes penyalahgunaan wang rakyat tunggal berisiko besar di dalam Laporan Ketua Audit Negara 2006 iaitu skandal RM6.75 bilion untuk enam *offshore petrol vessels* yang belum lagi diterima dengan beroperasi dan kenaikan harga kontrak mereka yang berlipat ganda iaitu daripada RM4.9 bilion ke RM6.75 bilion ataupun 38% .

Sebenarnya Laporan Ketua Audit Negara disiapkan pada 28 Jun 2007 dan seharusnya telah diserahkan kepada kerajaan sejurus selepas itu. Mengapakah Menteri-menteri Kabinet hanya sedar tentang penyelewengan, pembaziran dan penyalahgunaan wang rakyat ini yang berlaku di kementerian masing-masing dua bulan selepas Laporan Ketua Audit Negara ini disiapkan. Adakah menteri-menteri akan mengambil tindakan terhadap penyelewengan ini sekiranya ianya tidak dilaporkan dalam media massa? Adakah semua menteri sedar bahawa dan telah meluluskan penjelasan yang dibuat oleh pelbagai jabatan kerajaan terhadap tuduhan yang dilakukan terhadap Laporan Ketua Audit Negara yang kebanyakannya tidak boleh diterima.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Ipoh Timor, sudah. Cukup.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, saya akan habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, gulung!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya gulung di sini. Adakah Menteri bersedia mencuri atau menjana kuasa wang Kira-kira Wang Negara dan secara peribadi bertanggungjawab terhadap penyelewengan wang rakyat yang ditekankan dalam Laporan Ketua Audit Negara dan akhirnya adakah cadangan diumumkan oleh Perdana Menteri bahawa Ketua Setiausaha dan kementerian dan Ketua Jabatan ditawarkan kontrak selama tiga tahun dan prestasi mereka akan dinilai berdasarkan PKPI. Memang indah dilihat dari muka tetapi jikalau kita mengambil kegagalan teruk kerajaan untuk menunaikan janji-janjinya empat tahun yang lepas yang mengaitkan dan mengakibatkan kehilangan keyakinan sama ada perubahan-perubahan yang besar dalam prestasi akauntabiliti dan integriti perkhidmatan awam akan berlaku

dan apa yang akhirnya ialah adakah ini serius bahawa tidak benarkan *miss-manage of fund* dalam yang diumumkan oleh Ketua Audit Negara dan kalau serius, bagaimana boleh serius kalau Kabinet boleh membenarkan skandal Port Klang Free Zone RM4.6 bilion tanpa apa-apa tindakan diambil terhadap menteri-menteri berkenaan khususnya bekas Menteri Pengangkutan Lim Liong Sik, menteri sekarang Chan Kong Choy oleh kerana mereka ada memberi sokongan gerenti kerajaan yang tidak sah, tidak diberi kelulusan oleh Kabinet atau *authorization from Treasury* RM4.6 bilion yang akibatkan satu *bailout* dan kalau tindakan tidak diambil terhadap menteri-menteri, bagaimana boleh *convince* kakitangan kerajaan bahawa tindakan akan diambil terhadap mereka kalau ada *mismanagement of fund* semacam Ketua Audit Negara. Kalau menteri-menteri tak beri contoh, tidak ada guna. Sebab itu kalau akhirnya mahu ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, berapa kali akhir Yang Berhormat? Empat kali lima kali akhir dah. Cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ... menyebarkan satu mesej mendakwakan Lim Liong Sik, mendakwakan Chan Kong Choy atas Port Klang Free Zone, barulah boleh sampai mesej kepada *all civil servant, no mismanagement of fund, kalau tidak, chicken-feed* itu sahaja apa yang dibongkar oleh Ketua Audit Negara, *chicken feed compared to the RM4.6 Port Klang Free Zone* skandal. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Larut.

11.54 pg.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut membahaskan Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Jumaat yang lalu. Tahniah diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk Bajet yang disifatkan sebagai Bajet Mesra Rakyat walaupun barangkali mungkin ada mengatakan ini Bajet menjelang pilihan raya, saya tak tahulah.

Apa pun, kita amat terharu dan berterima kasih kerana keprihatinan kerajaan dalam pembentangan Bajet ini lebih-lebih lagi Bajet ini dibentangkan Bajet yang dianggarkan RM176.92 bilion ini dibentangkan menjelang kita nak menyambut bulan Ramadhan tidak beberapa hari lagi dan juga pembentangan Bajet ini ketika kita masih lagi dalam suasana kegembiraan merasa syukur dapat menyambut hari ulang tahun kemerdekaan yang merupakan satu kemerdekaan yang bersejarah untuk rakyat jelata yang begitu aman sejahtera dalam negara yang kita cintai ini. Di mana kita lihat sambutan meriah yang diadakan di serata tempat. Dalam Dewan ini pun kita turut melaungkan kemerdekaan, menunjukkan bahawa itulah semangat jitu tentang cintanya kita kepada kemerdekaan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ketereh nak tanya?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ketereh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat sebut soal kemerdekaan. Yang Berhormat sebut sekarang kita masih belum habis pun perayaan kemerdekaan. Perayaan kemerdekaan rasmi kita adalah akan tamat pada 16 September kemudian disambung lagi sehingga jadi setahun. Itu kalau ikut *official* nya begitu tapi sekarang disambung kerana ini kejayaan 50 tahun dan kita telah mencorakkan negara kita selama 50 tahun dan sekarang melangkah ke 50 tahun akan datang.

Saya nak tanya Yang Berhormat, apa pandangan Yang Berhormat dalam kita merayakan kemerdekaan ini, ada pula insiden tercemar di mana ada rakyat kita sanggup membakar bendera sendiri! Sanggup membakar bendera sendiri kerana marahkan kepada satu peristiwa kecil. Di mana sebenarnya silap kita? Adakah silap mendidik rakyat? Silap pembangkang? Silap kerajaan? Silap di mana sebenarnya sampai bendera sendiri dibakar! Sikit saya nak tambah Yang Berhormat. Soal bendera ini adalah soal maruah. Bendera adalah panji-panji. Dalam Islam, dalam sejarah, Sayidina Jaffar bin Abu Bakar bawa bendera dalam peperangan Mutah, tangan kanan, tangan kanan putus, potong. Pegang tangan kiri! Tangan kiri putus, peluk dua-dua! Akhirnya dia terkorban. Bendera adalah negara! Orang bakar bendera ertinya derhaka pada negara. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat boleh jawab sekali ke?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Okey

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dulu sebelum kemerdekaan Yang Berhormat, sebelum menyambut kemerdekaan, dalam ambang kemerdekaan, saya telah menyentuh tentang perilaku seorang warga Malaysia, Wee Meng Chee. Hari ini ada lagi Wee Meng Chee yang kedua. Saya tidak kira apa bangsa dia tetapi Yang Berhormat harus menegaskan kepada kerajaan, hendak diambil tindakan yang sewajarnya kepada mereka yang derhaka kepada negara. Membakar bendera bererti membakar negara! Ini negara dia! Halau dia daripada negara Malaysia sebab dia tidak bertanggungjawab dan memalukan anak bangsa, generasi bangsa kita! Saya meminta Yang Berhormat mencadangkan kepada mana-mana agensi kerajaan, gunakan apa juga akta yang ada untuk mengajar orang yang kurang ajar ini!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Larut, biar saya sambung sikit kalau boleh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ha ada lagi? Sila.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya ingat Larut boleh mencadangkan kerajaan,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat terpakai.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: ... kalau adalah personaliti-personaliti macam ini, satu dua orang yang tak reti nak menjaga maruah negara, bangsa dia sendiri, saya kira kerajaan tarik sajalah kerakyatan dia. Malaysia tak ada rugi kalau tak ada orang macam ini! Tak akan rugi negara kita, tarik sajalah kerakyatan dia. Tak rugi kita. Apa pendapat Larut?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Setuju sangatlah. Cukup setuju. Terima kasihlah kepada Ketereh, Kinabatangan,

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Nanti bagi. Yang Berhormat nanti tersangkut.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sama, sama. Sekali gus boleh jawablah. Sama-sama.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat baru saja Yang Berhormat. Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sama-sama. Ya, sama-sama. Supaya boleh jawab sekali gus!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Okey, okey. Saya boleh, sekejap, sekejap. Biar saya ulas sikit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, ya. okey.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat baru saja. Rehatlah dulu. Ambil, tarik nafas sikit. Nanti saya akan bagi. Biar saya ulas sikit dulu. Terima kasih lah Ketereh, Kinabatangan dan Jasin. Memang saya setuju sangat. Ini bukan perkara main-main, Tuan Yang di-Pertua. Ini satu dosa yang amat besar. Menderhaka kepada negara sendiri, tak kira siapa! Dia tak kira parti mana asalkan mereka yang telah cuba menjatuhkan maruah negara ini, moral negara ini apatah lagi membakar bendera kita. Tidak ada kompromi. Saya ingin menekankan di sini bahawa pihak berkuasa tidak lagi boleh berdiam diri. Siasat! Sampai ke akar umbi siapa yang sebenarnya. Apakah puncanya menyebabkan berlaku. Adakah ada dalang di belakang ini? Kalau ada, dedahkan!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduk dulu Yang Berhormat. Sri Gading.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dedahkan! Hadapkan mereka ini kepada undang-undang, kita ada undang-undang. Tak kira siapa! Tak kira siapa sekalipun, bangsa apa sekalipun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, nak bagi jalan?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Termasuk waima kalau ada di dalam Dewan ini sendiri. Kita tidak tahu. Sri Gading.

■1200

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dari zaman dahulu Tuan Yang di-Pertua, dari zaman dahulu Yang Berhormat Larut bendera ialah lambang maruah kedaulatan sesebuah negara. Dalam peperangan orang yang membawa bendera ini dipilih. Kalau putus tangan kanan dia beralih bendera ke tangan kiri, soal bendera hendak gugur tidak sekali-kali dibenarkan. Ini rakyat negara yang tercinta 50 tahun sewenang-wenang bakar bendera ini, ini bukan sahaja penderhaka, pengkhianat malah sepatutnya hukuman yang seberat-beratnya.

Saya hendak tegur kerajaan, siapa yang membakar bendera ini ambil tindakan terus, ambil masuk ISA masuk apalah saya rasa seluruh rakyat yang taat setia kepada negara ini bersetuju sangat kerana maruah negara tercemar, oleh warga negaranya yang tidak bertanggungjawab. Kita kena ambil tindakan, tindakan yang serius sebagai pengajaran kepada warga negara yang tidak cinta kepada lambang kebesaran negara.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya setuju Yang Berhormat Sri Gading.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan sekarang, sudah bagi Sri Gading. Yang pertama mengenai peristiwa yang membakar Jalur Gemilang semalam saya ada membuat pendirian saya mengutuk tindakan-tindakan semacam ini.

Yang kedua, saya rasa tidak adil untuk mengaitkan isu ini dengan Wee Meng Chee. Oleh kerana satu, Wee Meng Chee tidak pernah membakar Jalur Gemilang dan kedua sebenarnya Wee Meng Chee, apabila dia pergi ke luar negeri untuk meneruskan pengajian tinggi, membawa Jalur Gemilang dan dalam apa-apa pertandingan di mana ada menang, apabila pasukan beliau menang dia ada mengeluarkan Jalur Gemilang...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ipoh Timor ini *double standard*..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ... yang merasakan.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Wee Meng Chee dia menghina lambang negara....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini bakar bendera pun

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *You double standard...*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini bukan soal perkauman, bukan soal Cina, soal Melayu, tetapi menghina kedaulatan negara ..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Jangan campur tangan, saya hendak teruskan..... ini langgar tata tertib, apa ini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini yang kita pertikaikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa ini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tolonglah Ipoh Timor. Berlaku adillah kepada semua pihak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ini jalan Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya bangun oleh kerana tadi Yang Berhormat Kinabatangan ada bangkit hal ini Wee Meng Chee dan saya mahu membetulkan, oleh kerana tidak adil kepada Wee Meng Chee bahawa beliau tidak taat setia kepada bendera negara kita, oleh kerana apa yang berlaku ialah dia ada bawa...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau merendah-rendahkan simbol martabat negara, apakah itu tidak menderhaka, tidak setia kepada negara?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ... apa bukti....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ... tidak setia pada negara, kalau setia kepada negara semua lambang...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Teruskan berucap, tidak jelas]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sudah faham...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading... Sri Gading...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat,....

[Yang Berhormat Sri Gading dan Yang Berhormat Ipoh Timor, masing-masing terus bercakap pada masa yang sama]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini bukan soal kaum, ini soal perbuatan...

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Sri Gading...

[Dewan gamat seketika]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya sudah faham, Tuan Yang di-Pertua ini *floor* saya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini *floor* saya....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Cukuplah itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Semua Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat Larut, Yang Berhormat bagi jalan kepada Ipoh Timor, kalau Yang Berhormat kata cukup, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini *floor* saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Cukuplah Ipoh Timor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak hendak bagi Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sudah bagi betis hendak peha, cukuplah. Yang Berhormat Ipoh Timor, biasalahkan, Yang Berhormat Ipoh Timor...

Beberapa Ahli: *[Bangun] [Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila duduk, yang lain sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ... tarik balik... *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia sudah...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Cukup, cukup, cukup. Biar saya jelaskan, saya sudah faham. Saya sudah dapat mesej Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Cukuplah, saya sudah tidak bagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini *floor* saya, cukup. *This is my floor.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, apa kata kalau kita....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor dia tidak bagi jalan, dia tidak bagi jalan, cukup.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Cukup. Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduklah, saya bertugas di sini Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Inilah laku pembangkang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya panggil ambulan sambil dia....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tidak menghormati peraturan mesyuarat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Cukuplah, Yang Berhormat Ipoh Timor berucap daripada semalam, kita bagi peluang...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Peraturan, peraturan....*[sambil mengangkat buku Peraturan Mesyuarat]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukuplah. Ipoh Timor sila duduk.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Peraturan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya faham, saya pun baca peraturan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dia tidak duduk.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Menyampuk]*

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Cukup. Ipoh Timor sila duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila duduk.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini mengacau Tuan Yang di-Pertua. Duduklah orang tidak bagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa Peraturan Mesyuarat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ada orang sakit jiwa Tuan Yang di-Pertua, saya panggil ambulans bolehkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain diamlah, yang lain duduklah.

[Dewan kecoh]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sabarlah, duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Larut, yang lain sila duduklah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila duduk.

- Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Ini *floor* saya.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yalah, Yang Berhormat...
- Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Tidak faham-faham lagi ke Ipoh Timor? Ipoh Timor sila duduk.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah dia tidak bagi jalan.
- Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Ipoh Timor, cukup-cukup.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, cukuplah.
- Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Cukup.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*
- Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Hilang akal ke ini?
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yalah, sudah habislah, dia tidak bagi.
- Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Ipoh Timor ini hilang akal ke?
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sudah habis sudah Yang Berhormat, cukuplah.
- Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Sudahlah.
- Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Yang Berhormat, saya minta Dewan ditangguhkan kita bawa ambulans hantar kawan kita pergi....
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*
- Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Cukuplah.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Ipoh Timor cukuplah.
- Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Tuan Yang di-Pertua...
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, dia bagi jalan tadi, sekarang sudah habis.
- Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Sudahlah.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah.
- Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Inilah pengacau besar dalam Dewan Rakyat.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Itulah Yang Berhormat, kalau tidak hendak bagi jalan..
- Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** ... siapa dia?
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Semua Ahli Yang Berhormat, kalau tidak hendak bagi jalan, jangan bagi jalan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dia berucap kita tidak kacau. Dia minta penjelasan saya bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Ipoh Timor, Larut.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tengok. Tidak bagilah, cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukup. Ini arahan saya. Keputusan saya, Yang Berhormat sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk. Yang Berhormat boleh minta lagi nanti.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tidak ada disiplin ke Ketua Pembangkang ini, Ipoh Timor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Cukup, cukup.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ah, sila, sambung lagi, hendak tengok. *Saya gentleman, cakap.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cakaplah Yang Berhormat, sekarang Larut bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Cakaplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, sakit jiwa ini macam-macam Tuan Yang di-Pertua, dia ada macam-macam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain pun macam-macam sakit jiwa juga ada.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Okey, *now you* cakap, saya hendak dengar.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Pakai *mic*, pakai *mic*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Jangan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Macam itulah....Yang Berhormat, Ipoh Timor, sekejap...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Satu minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Macam itu, kalau diberi peluang, bagi bercakap, habis. Ini semua hendak bercakap satu masa macam mana? Ini semua sekolah tinggi-tinggi, rakyat tengok di belakang.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Makan cili padi terasa pedaskan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tetapi kita ikut tertib. Apabila bagi *floor*, tidak boleh tarik balik. Kedua, saya haraplah jangan mengaitkan isu ini dengan Wee Meng Chee oleh kerana ini tidak ada bersangkut paut. Itu keadaan yang berbeza, saya ada sebut tadi, dia cinta pada Jalur Gemilang dan keluar negara pun ada bawa Jalur Gemilang, siapa ada dalam sini...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Cukuplah Yang Berhormat, saya sudah bagi peluang sudahlah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat buang masa saya....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *You don't interfere, I already finish.*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya sudah faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

[Dewan riuh]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Inilah contoh Ketua Pembangkang yang ada dalam Dewan Rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat jangan bercakap *because* yang lain-lain pun sama. Apabila yang lain bangun, minta penjelasan sahaja. Bukan berucap.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sudahlah saya tidak bagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Habiskan ayat saya. Bukankah setuju bahawa...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya tidak setuju, pandangan Yang Berhormat saya tidak setuju.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ... tidak boleh dikaitkan dengan kes Wee Meng Chee.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Biar saya jawab, duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ... dia ... negara daripada semua orang lain dari Barisan Nasional di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Ipoh Timor sila duduk.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat Ipoh Timor...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Macam ini Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi orang lain berucap, selepas itu Yang Berhormat ulaslah. Yang Berhormat cakap pun jangan cakap panjang, pendekkan. Tanya minta penjelasan sahaja.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini hendak berucap pula sudah. Bagi lama berucap orang tidak kacau, kenapa terasa tidak puas sangat ke? Makan cili terasa pedas kot. Yang Berhormat, saya hendak sebut di sini apa yang disebutkan oleh Kinabatangan sahabat saya tadi. Dia bagi contoh, tentang sikap biadab, kurang ajar, tidak bermoral terhadap negara kita. Sebagai yang disebut tadi, walaupun bukan soal membakar bendera, Negaraku lagu kita, apa Yang Berhormat tidak menghormati lagu Negaraku ke? Kalau orang mencemarkan lagu Negaraku kita, sebagai seorang rakyat Malaysia...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *No, no, no.* Tidak boleh cukup.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau tidak berani, jangan tanya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Cukup, cukup.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tanya kita mahu jawab.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya tidak takut kepada Yang Berhormat.

[Dewan riuh]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau tidak berani bagi jalan, jangan tanya. Itulah, berani tanya berani dengar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Memang saya berani.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Berani tanya berani dengar.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Berani, sebab itu saya bagi peluang, tetapi ketika Yang Berhormat berucap saya tidak kacau Yang Berhormat.

[Dewan riuh]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau mahu tanya berani bagi jalan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau tidak berani jangan tanya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bukan saya tidak berani bagi jalan, memang saya berani.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Duduk dahulu. Jangan hendak jadi sikap kurang ajar, duduk dahulu, minta hormat pada saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta hormat pada saya, kalau hendak minta, saya tidak bagi, duduk.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Biar saya ulas dahulu.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Janganlah. Hendak jadi *world class*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain dengarlah apa yang hendak diucapkan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Hendak jadi *world class* Parlimen, inilah sikap dia Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Macam zoo.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ha, dengar-dengar. Tunjuklah satu kebaikan. Kita ada pegawai kita di sini. *[Dewan riuh]*. Malulah sikit... Nak cari *political mileage* yang terlalu murah. Menjadi seorang ahli politik murahan!! Malulah!!

■1210

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan, penjelasan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bukit Mertajam jangan nak jadi hero di sini. Duduk!! Duduk dulu!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dengar dulu penjelasan saya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dia tak bagi ya??

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tak bagi jalan. Okeylah. Dia tak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya tak bagi!!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kalau nak berlaku sikap tidak bermoral, saya tak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk..

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: FAM kalahkah, FAM...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *No*, duduk, saya tak bagi!!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat, yang lain Ahli Yang Berhormat kalau tak bagi jalan, fahamlah Yang Berhormat. Dia tak bagi jalan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya dah bagi peluang, minta penjelasan, tanyalah baik, baik...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Ha, ini hak yang baik. Baik-baik punya ini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tunggu dulu!! Belum lagi, belum!

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Tak apa, lepas ini bagilah ya?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Belum! Duduk! Saya belum bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Rantau Panjang sila duduk ya..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Point of order* Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Duduk, duduk, duduk...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah Peraturan Mesyuarat membenarkan seseorang naik angin oleh kerana kalah dalam *football association* semalam. Kena keluar!! Habis!!

Beberapa ahli: Kalah, kalah, kalah...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tak naik angin, tak naik angin. Tengok. Tak ada isu, tengok!!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu tak ada isulah!!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tak ada isu, tengok!! Tak ada isu!!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Yang Berhormat, kalah pilihan raya, apa mahu cakap? Berapa negeri?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jerai, Jerai tak ada isu!!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ipoh Timor, Ipoh Timor...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jerai selalu mengamuklah..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tak ada isu, janganlah. Yang Berhormat lompat sana, lompat sini, apa macam?

Seorang ahli: Hoi, katakakah?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dari Melaka pergi Pulau Pinang. Orang tolak pergi ke Perak, apa ni?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Itu kita punya hal...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tapi kita menang juga... Ha, ha, ha, ha!!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Nasib baik... Tapi macam katak. Si katak...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Si katak boleh kalah!! Macam mana boleh kalah semalam?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ikutlah peraturan, bangun tanya baik-baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain, ya..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ha, minta penjelasan..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Belum lagi, saya tak mahu bagi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Minta penjelasan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Belum, tak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam dia tak bagi jalan, dia tak bagi jalan. Yang lain sila duduk ya...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Dato' ini baik tanya. Soalan baik, soalan baik Tuan Yang di-Pertua..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta penjelasan apa? Saya belum habis berucap!!!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ha tengok!! Tak bagi, bagi...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Biasanya orang yang terasa ini, dia memanglah gelisah. Bila saya katakan tadi siasat sampai ke akar umbi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Makan lada..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Makan lada.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia terasa pedas.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terasalah pedasnya. Kita nak tunggu laporan pihak berkuasa. Siasat, ini bukan perkara main-main yang memakai bendera ini. Kita nak tengok, siapa dalangnya kalau ada. Malu kita!!! Pelancong datang ke negara kita. Menghormati negara kita. Saya tengok, Tuan Yang di-Pertua, bila tengok bendera, wah! Dia kata cantik bendera kita ini. Dihormati, ditanya hendak tahu tetapi tiba-tiba ada orang yang berlaku biadap! Tidak siuman!!! Tidak bertamaddun!!! Apa jugalah kita katalah!!! Sanggup membakar bendera yang tidak bersalah ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sila.. [Ketawa].

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, semasa menyambut kemerdekaan yang ke-50, beratus-ratus ribu warga negara Malaysia dari pelosok bandar hingga ke desa termasuk pelancong-pelancong dari luar negara menghormati, memartabatkan negara kita, tetapi tiba-tiba dua orang warga negara yang biadap ini!! ! Wee Meng Chee dengan satu

orang ini, kita belum tentu siapa dia? Telah mengheret negara kita ke mercu yang tidak baik. Apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa polis tidak boleh melengah-lengah dan tangkap dia ini. Hukum dia mengikut undang-undang!!!

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Bakar semangat, biar terbakar!!!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ..dan siapa juga di belakang dalang dia, harus diseret bersama supaya perkara-perkara sebegini tidak berlaku lagi pada masa-masa akan datang!!!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Setuju sangatlah Yang Berhormat Kinabatangan. Kita ada undang-undang kita, ada ISA, lakukan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Soalan baik ya, satu sahaja.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tak payah Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Baik ini, baik, baik..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kalau Yang Berhormat kata soalan baik, tak payah beritahu..

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Tak ini hendak tambah...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya boleh menilaikan. Duduk dulu, duduk. Biar saya perelaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kita kalau bersikap baik, tak payah kita bagi tahu orang. Sekejap.. nanti dulu saya ulas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Rantau Panjang, dia tak bagi jalan. Sila duduklah, baik.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Inilah sikap. Sabarlah sikit!! Berimanlah sikit!! Berimanlah sikit!! *[Ketawa]*. Berimanlah sikit!! Nak menyambut bulan puasa, ini kira dah dekat ini..

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Amboi...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Maran Yang Berhormat..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya amat setuju dengan pandangan Kinabatangan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Maran Yang Berhormat bangun belakang.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini bukan main-main. Sedih kita untuk generasi akan datang. Apa kita lakukan pada hari ini akan direkodkan. Satu contoh, satu contoh. Jadi janganlah lengah-lengah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ambil tindakan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ambil tindakan seberapa segera yang boleh. Kalau ada dalang di belakangnya, jangan tunggu-tunggu.

Seorang ahli: Siapa dalang?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Wallahu a'lam, saya tidak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Maran Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, siapa?

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Maran, Maran.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Okey, sebelum Maran, kita *gentleman*. Bagilah kepada Rantau Panjang yang dia kata bagus tadi.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Ya, terima kasih, terima kasih. Saya hendak minta sedikit penjelasanlah. Masalah yang disebutkan, masalah lanyak bendera di Terengganu ini.

Seorang Ahli: Bakar, bakar..

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Bakar bendera Terengganu ini. Apakah hasrat yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu betul-betul dari hati dan nurani Yang Berhormat supaya akan disiasat oleh pihak kerajaan ataupun dengan perasaan emosi?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Saya nak tahu Yang Berhormat..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Cukuplah, cukup, cukup..

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Tak ada lagi. Satu lagi soalan..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Cukuplah, cukup, cukup..

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Sikit lagi, sikit. Bendera ini Malaysia Yang Berhormat, saya sendiri, parti saya, kalau perintah Malaysia pun, bendera itu juga saya nak gunapun. Kalau apa ini... kalau saya dah memerintah Malaysia.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sahabat saya daripada Rantau Panjang. Saya memulakan angkat sumpah di sini Yang Berhormat, itulah keikhlasan kita dalam Dewan ini. Tak kira siapa. Walaupun orang PAS sekalipun, orang UMNO sekalipun, orang DAP sekalipun, siapa juga!!! Yang melakukan kesalahan, hadapkan ke mahkamah. Kita tidak berpolitik Yang Berhormat. Macam tadi kata, sebut tiba-tiba saya kalah dua undi, saya tidak main politik. Saya tidak main politik. *[Disampuk]*. Tak payah tanyalah betul ke tak betul. Pembangkang kata apa pun selalu tak betul. Dia memang tak betul. Selalunya tak betul. Keikhlasan kita. Ini maruah negara kita. Sila Maran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Maran.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Apasal mahu lari? *[Ketawa]*.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Larut. Saya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Larut, saya juga malu sebenarnya. Malu dengan apa yang dikata pembangkang. Kita baru menyambut 50 tahun merdeka. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, di belakang saya ini, pemimpin-pemimpin kampung kita daripada Parlimen Maran, daripada Kemaman. *[Disampuk]*. Pesara-pesara yang datang ke mari, sudah hampir 100 tahun hidup mereka, mereka tidak pernah derhaka kepada negara kita. Mereka di kampung Tuan Yang di-Pertua.

Malangnya, di Kuala Terengganu di bandar, dengan seribu satu macam kemudahan, kemewahan, ini menandakan mereka tidak bersyukur kepada kerajaan negara kita ini. Yang Berhormat Larut saya hendak bertanya, kalau macam ini perangnya, saya mencadangkan supaya Yang Berhormat Larut, orang macam ini biar dia keluar daripada Malaysia sahaja. Kalau dia duduk di negara kita, tidak bersyukur, tidak berterima kasih. Terima kasih, minta dapat pandangan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih sahabat saya daripada Maran. Memang saya setuju.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jenis ini, semua dunia pun tak mahulah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya ingat kalau hantar mana-mana negara pun..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jenis ini, mana-mana negara pun tak terima. Neraka sahajalah yang boleh dia terima..*[Ketawa]*.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Biar jadi satu pengajaran dan iktibar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, minta kebenaran dahulu bercakap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jadi, sila Jerai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sahaja sebagai catatan dan ingatan kepada seluruh rakyat Malaysia Tuan Yang di-Pertua. Untuk mengibarkan negara jalur gemilang ini, titisan darah mengalir Tuan Yang di-Pertua. Di atas perjuangan kemerdekaan, maka terciptalah bendera jalur gemilang kita. Jadi bendera itu adalah maruah, maruah di atas perjuangan para-pejuang kemerdekaan dahulu. Maka kita ada bendera. Itu adalah panji-panji maruah kemegahan dan ketuanan negara kita.

Malah panji-panji ini harus kita tidak boleh menyentuh bumi Tuan Yang di-Pertua. Kalau dari segi adatnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, jangan berucaplah Yang Berhormat..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi Yang Berhormat, kalaulah rakyat kita sudah semacam itu perangnya, tidak mengendahkan... Kalau dia marah kepada kerajaan, apakah bendera itu menjadi satu benda yang harus dibakar?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, saya sudah bagitahu jangan berucap, minta penjelasan. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya. Ini penjelasanlah Tuan Yang di-Pertua. Jadi Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Penjelasan..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kita sudah tahu..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi saya mencadangkan bahawa selain daripada kerajaan mengambil tindakan, saya ingat parti-parti yang ada dalam negara kita ini harus juga memberi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...tunjuk ajar dan taklimat kepada penyokong-penyokong mereka bahawa mereka harus menghormati panji-panji negara. Dalam peperangan Tuan Yang di-Pertua..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ..kalau bendera itu jatuh, satu orang lain patut sambar pegang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: DAP kah, part-parti PAS kah, parti KEADILANKah, dia harus menghormati bendera itu kerana itu bendera kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Benderaku, negaraku, tanah airku. Kalau mereka tidak menghormati bendera panji-panji negara, mereka harus keluar daripada negara kita ini. Kerana menghina negara kita, menghina negara dan bendera kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah ya Jerai. Tadi pun dia cakap..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya setuju dengan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, minta jalan Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...setuju dengan Maran. Ini orang semua dihantar ke luar negara. Semua negara tidak mahu terima. Mana kita hendak hantar?

Agak kalau boleh kita hantar pergi neraka, agaknya Ipoh Barat boleh tunjuk jalanlah macam mana boleh hantar dialah.

■1220

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya pun setuju. Eh, mintalah kepada... kalau kebetulan, macam saya katakan tadi, tidak kira siapa, kalau seperti mana Yang Berhormat bagi Jerai kata melibatkan parti-parti, saya setuju, supaya parti-parti meminta penyokong-penyokongnya kerana kita tahu tujuan kita berpolitik ini adalah untuk kebaikan dan bukan untuk mencari jalan melakukan sebarang kekacauan. Kita tidak tahu siapa yang terlibat, siasat sampai ke akar umbi, tidak kira waima kalau ada orang dalam ini terlibat pun, tangkap. Hadapkan ke mahkamah. Jangan tangguh-tangguh lagi.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Penjelasan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kami pandang serius, tidak boleh berkompromi. Ini maruah negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tidak boleh memperkecil-kecilkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Terengganu, Pasir Puteh dan Tangga Baru sila duduk dulu...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya bagi Kuala Terengganu, dulu dia bangun lama dah.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya orang Kuala Terengganu. Saya hadir dan melihat sendiri peristiwa yang amat mengharukan dan memalukan saya. Yang pertama, dia telah menghindari dan mengganggu pelancong-pelancong yang menginap di Hotel Park Inn di situ. Ada yang tidak boleh masuk ke hotel sampai pukul 3:00 pagi dan mereka melihat sendiri perkara yang cukup ganas di situ. Membakar tayar di tengah jalan, seolah-olah sudah ada perancangan awal untuk menanti saat dan ketikanya untuk melancarkan serangan-serangan ini.

Tadi telah disebut seolah-olah menyalahkan polis. Sebenarnya polis adalah kerjanya mengawal keselamatan dan ketenteraman. Kalau tidak dicabar tentu polis tidak bertindak. Saya orang Terengganu, saya tahu bahawa tertib dan adab orang-orang Kuala Terengganu itu.

Yang Berhormat, saya ingin pandangan di sini apakah wajar orang yang menjaga keselamatan itu dipersalahkan? Kita harus cari puncanya dan saya lihat di sini, tradisi membuat membakar bendera ini adalah satu kerja pengkhianatan yang luar biasa yang perlu diambil tindakan. Juga saya nak tanya di sini, kalau sekiranya PAS mengatakan dia tidak terlibat, apa peranan mereka untuk menghindari, mencegah, kawal balik penyokong-penyokong mereka itu supaya reda atau pun berundur. Tetapi mereka menyorok dalam semak di kawasan perumahan di situ, apabila polis sudah seolah-olah reda, muncul balik. Ini ada seolah-olah satu gejala yang

pernah berlaku pada tahun 1998 ketika gerakan reformasi. Kita jangan izinkan kekacauan, kekusutan seperti ini mengancam keselamatan bumi bertuah Terengganu Darul Iman. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasihlah Yang Berhormat bagi Terengganu. Ha, kita dengar penjelasan tadi. Jangan kita menuding jari kepada sesiapa, dan kalau boleh janganlah ada pihak-pihak yang tertentu, waima siapa juga. Ya, saya nak sebutkan di sini menanggung di air yang keruh, membaling batu sembunyi tangan.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: *[Bangun]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya ada dua yang bangun, nak bagi jalan? Tangga Batu, Pengkalan Chepa Yang Berhormat,

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kita tunggu siasatan polis, pihak berkuasa yang terlibat, barangkali sudah ada dalam siasatan mereka, tetapi kita nak tahu siapakah dalang, dalang di belakang berlakunya.

Datuk Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun dan menyampuk]* Kalau ikut Terengganu, macam PAS dalangnya!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya tidak mahulah sebut sebab...

Datuk Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak, kalau ikut....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: tidak kiralah siapa jugak.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: *[Bangun]* Sangkaan jahat tu, tarik balik.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tiga yang bangun, hendak bagi jalan?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Janganlah emosi Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tak emosi, tuduh tu.

Datuk Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kan saya kata macam. Kalau ikut cerita Kuala Terengganu macam.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dia sebut kalau.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya tak tuduh PAS.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Kalau saya cakap UMNO marah tak?!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya bagi pada Tangga Batu dulu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya Tangga Batu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila duduk.

- Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Yang Berhormat Kubang Kerian...
- Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Kalau saya cakap UMNO macam mana? Boleh macam tu?
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, sila duduk Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, dia tidak bagi jalan.
- Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Jangan tuduh-tuduh, minta tarik balik.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup, cukup. Tangga Batu
- Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Tarik balik. Jangan cakap PAS.
- Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Siapa, siapa tarik balik?
- Datuk Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kalau ikut cerita Kuala Terengganu macam. Saya kata macam...
- Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Ini *floor* Tangga Batu. Yang Berhormat.
- Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Saya harap jangan ulangi macam itu. Tidak baik.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Kubang Kerian sila duduk.
- Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Sebab itu saya bawa secara peraturan untuk saya masuk usul dalam Parlimen. Parlimen tolak dan saya patuh. Tetapi jangan tuduh, tuduh tidak boleh.
- Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Kubang Kerian!
- Datuk Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya kata macam, tak kan saya hendak tarik balik, macam!
- Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Ini maruah!
- Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kalau ikut Kuala Terengganu...
- Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Kubang Kerian, sabarlah. Yang Berhormat saya beri Yang Berhormat bagi Tangga Batu dulu, biar Yang Berhormat Tangga Batu buat penjelasan
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Kubang Kerian, yang lain sila duduk. Bercakap sorang-soranglah Yang Berhormat dalam Parlimen dia bercakap sorang-sorang. Bila yang lain bercakap, yang lain diam dengar.
- Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pasti pula bila Yang Berhormat Kubang Kerian jadi Yang Berhormat Tangga Batu? Bila Yang Berhormat bagi Larut minta bercakap, Yang Berhormat Kubang Kerian bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan, daripada Yang Berhormat Larut berkait rapat dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Ada sekumpulan parti politik yang menampakkan bahawa falsafah BN '*Justify the Means*' (matlamat menghalalkan cara). Tak kira apa cara pun asalkan kita dapat negara ini, tetapi apa yang berlaku pada tiga hari yang lepas, ia adalah merupakan satu manifestasi daripada ketidakpuasan tentang sebuah negeri yang dahulunya dipimpin oleh satu kumpulan parti pembangkang, hari ini terlepas keseluruhan negeri tersebut. Jadi Yang Berhormat boleh setuju dengan saya, ini ciri-ciri menunjukkan ketidakpuasan hati satu pihak Yang Berhormat

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bersetuju, setuju Yang Berhormat Tangga Batu. Kita serah pada rakyat. Bila tiba pilihan raya, bila pilihan raya dah buat keputusan Barisan Nasional memerintah pada hari ini, kita terimalah. Kita ada agenda kita, kita tahulah nak atur macam mana. Ikutlah, ikutlah

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Penjelasan.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: [*Bangun*]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Nantilah saya belum habis bercakap. Sabarlah Yang Berhormat. Inilah tidak sabar, dengar saya bercakap dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tunggulah nanti saya bagi. Yang Berhormat pun berdua bangun sekali, saya pun tidak tahu nak pilih yang mana satu. Inilah dia, saya setuju kita ada undang-undang dan peraturan, kita ikutlah. Buat apa nak buat kacau bilau. Kita nak pelancong datang ke negara kita. Tidak usahkan pelancong, masyarakat tempatan pun naik takut bila berlaku kacau bilau, melanggar undang-undang. Bila pihak polis memberikan permit untuk mengadakan ceramah, buatlah ikut peraturan. Bukan buat perhimpunan, kita dah tahu *rally* (rapat umum) tidak dibenarkan kerana ini boleh mencetuskan pergaduhan. Ikutlah tapi ada pihak-pihak yang tidak ikut. Seolah-olah negara kita ini negara polis.

Itulah pandangan pihak-pihak yang tidak bersetuju. OK kalau katakan hari ini tidak berpuas hati, tunggulah pilihan raya. Bila ada pilihan raya kita sama-samalah beradu tenaga, memberi penjelasan, memberi satu hujah yang baik untuk diterima oleh rakyat. Itu caranya, bukan menimbulkan kacau bilau, menakut-nakutkan orang datang ke negara kita.

Pelancongan telah membawa satu hasil yang besar Tuan Yang di-Pertua. Kita kena ingat, kalau berlaku macam ini orang akan bimbang, bagaimana kalau laporan yang tersiar dalam media-media di luar negara, tentang menakut-nakutkan apa yang telah berlaku dalam negara kita. Orang tidak datang. Siapa yang rugi? Bila tiada pelaburan bagaimana kita nak menuju ke arah kemajuan dan pembangunan? Nak mendapatkan hasil pendapatan yang cukup bagi

kepentingan rakyat miskin terutamanya yang nak kita bela dan bina. Sila sahabat saya daripada Pengkalan Chepa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Pengkalan Chepa.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Ada dua tiga perkara yang nak saya minta penjelasan. Pertama saya ini memegang pistol ini selama 20 tahun. Saya rasa Yang Berhormat pun ramai yang memegang pistol. Waktu kita membawa pistol, polis mengajar kita sekiranya ada ancaman, mesti tembak ke atas tiga das. Sekiranya ancaman itu dengan menggunakan parang ke dengan apa, dia kata tembak, tetapi tembak itu adalah di bawah paras pinggang. Saya nak tanya peristiwa di Terengganu ini adakah amaran itu dibuat? Tidak, dia tembak ke tidak?

Seorang Ahli: Ada! Empat das dia tembak.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Ha, itulah nak siasat. Saya dapati bahawa polis tidak menembak, beri amaran. Waktu menembak itu ditembaknya kat sini sebelah atas. *[Sambil menunjukkan ke arah bahu kirinya]* Kenapa tidak tembak sebelah bawah. Saya nak tanya, ini polis yang mengajar saya, sebab itu saya nak minta penjelasan.

Yang keduanya ialah iaitu kedaulatan. Bendera ini saya setuju, dengan sesiapa pun tidak kira siapa, mesti dihukum, termasuk 'wicimi', termasuk sesiapa yang terlibat. Saya sokong. Tetapi saya nak tanya Yang Berhormat, kita tengok bendera di jabatan-jabatan kerajaan, di agensi kerajaan setengah itu dah koyak. Adakah ini menggambarkan bahawa maruah, apakah pandangan Yang Berhormat? Bukan sahaja bakar, patut ini pun kena sama. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Kita tunggulah siasatan, kenapa kita nak mendahului siasatan? Kita ada undang-undang, macam saya katakan tadi, siapa yang terlibat dihadapkan ke mahkamah. Undang-undang kita ada.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Yang Berhormat, penjelasan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya bagi pada Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bab bendera tu, balik bab bendera itu. Jangan bimbanglah, kesetiaan kita sebagai rakyat kepada negara ini, saya rasa itu tidak boleh dipertikaikan.

■1230

Kita mengadakan muktamar, perhimpunan agung kami ada bendera Malaysia. Kita sambut merdeka bersama, kibar Jalur Gemilang tidak ada masalah. Dalam Muktamar Pemuda kita menyanyikan lagu Negaraku. Maknanya siapa pun perintah itulah benderanya, itulah lagu rasminya. Saya rasa tidak timbul masalah satu kes yang terpencil begitu, kita hendak tuduh satu parti ini melakukan dalang dan seumpamanya. Saya rasa ini perkara yang tidak baik. Adakah kita boleh jamin setiap rakyat, setiap orang dan setiap ahli kita itu? Kalau satu kes, kita hendak

tuduh PAS yang bertanggungjawab? Jangan tuduh macam itu! Itu yang saya tidak setuju. Saya pun boleh tuduh! Siapa pun dia boleh tuduh.

Jadi, kalau Larut tadi mengatakan, tunggu siasatan polis, saya rasa itu satu pandangan yang sangat bernas. Nampaknya selepas dia sudah kalah FAM ini semakin bernas. Itu saya setuju dengan sahabat saya. [*Dewan riuh*]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Itulah pandangan cetek Kubang Kerian. Dia hendak kaitkan dengan benda yang lain. Tidak payahlah hendak kaitkan dengan benda lain, kita bagi satu pandangan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Minta penjelasan sikit, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya ulas sikit sahaja yang Kubang Kerian tadi. Kita tidak nafikan bahawa PAS menyanyikan lagu Negaraku, lagu PAS sendiri. Kita tidak nafikan, tetapi yang kita sebut ini ada satu perhimpunan yang sanggup membakar Jalur Gemilang kita, lambang kemegahan kita. Bukankah ini satu kemegahan, Yang Berhormat? Ini satu kemegahan yang sesiapa tidak boleh nafikan. Yang disebut oleh Sri Gading itu disalahtafsirkan oleh Yang Berhormat. Dia cuba memberi penjelasan/pandangan oleh kerana ia dilakukan dalam satu perhimpunan, maka ia dianggap kalau itu. Kalau, Yang Berhormat. Kita kena faham. Kita tidak tuduh sesiapa, saya katakan tadi kita serah kepada polis. Barangkali polis sudah ada siasatan yang dibuat. Cuma kita minta di sini, desak sampai ke akar umbi kerana ini maruah kita. Silakan, Ketereh.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Penjelasan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih. Saya dulu, Kuala Terengganu. Dalam sambutan kemerdekaan pada 31 Ogos baru-baru ini semua negeri sambut, termasuklah Kelantan, negeri saya. Di Kelantan ada dua sambutan, satu yang dibuat oleh kerajaan negeri dan satu lagi yang dibuat oleh UMNO, di bahagian saya dibuat.

Saya baca dalam surat khabar - ini tolong betulkanlah. Saya baca dalam surat khabar sambutan yang dibuat oleh kerajaan negeri itu sepatutnya Menteri Besar yang menerima tabik hormat, naik ke atas pentas, tetapi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan tidak hadir. Bila surat khabar tanya dia kenapa tidak hadir, jawapan yang diberinya ialah dia beri peluang kepada pemimpin baru belajar naik pentas. Itu jawapannya.

Mula-mula saya baca, saya tergelak. Saya tidak berapa faham. Jadi, adakah sambutan hari kemerdekaan hendak beri peluang kepada orang muda? Sepatutnya kitalah - tetapi itu perangai masing-masing. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tidak tahulah kalau...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Malam di stadium dia sudah hadir, pagi bagilah kepada budak-budak, tidak apa.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini apa pula ni? [Ketawa] Rantau Panjang ini kenapa pula ni? Yang Berhormat, kalau tidak - sila pergi *check* dulu, Yang Berhormat.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Panas punggung.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya bersetuju dengan pandangan Ketereh. Kita amat dukacitalah kalau benda ini betul.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Boleh saya...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Nanti sekejap, Yang Berhormat. Macam mana saya hendak jelaskan kalau tersangkut sana tersangkut sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sabar, Yang Berhormat. Ini masalahnya kalau kita tidak sabar. Kami di sini cukup sabar dengan telatah-telatah pembangkang di sebelah sana. Memang Yang Berhormat, sepatutnya. Ini saya setuju dan kita rasa amat dukacitalah kalau benda ini benar-benar berlaku. Itulah yang saya katakan tadi.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Minta penjelasan sedikit.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sabar, Yang Berhormat. Kalau ya pun Yang Berhormat hendak perbetulkan fakta yang mungkin Yang Berhormat katakan itu tidak betul, sabarlah. Kita faham. Ini biasalah, keadaan dalam politik. Jadi ini amat mendukacitakan. Tidak seharusnya kalau betul-betul berlaku. Ini berdasarkan apa yang dilaporkan oleh akhbar. Silakan Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih. Tadi saya mendengar Pengkalan Chepa mengatakan tentang bendera yang koyak rabak. Saya kira ini persoalan yang lain, bukan masalah bendera yang koyak dan carik itu, tetapi satu perbuatan yang disengajakan. Malah bukan itu sahaja, wajah-wajah, gambar-gambar, sepanduk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Besar habis dikoyak. Ini adalah vandalisme. Ini adalah satu sindrom gengsterisme yang tidak boleh dimaafkan.

Saya ada, saya hadir ketika itu dan saya rasa begitu cemas sekali suasana ketika itu. Daripada hampir pukul 11.00 malam sampai pukul 2.00 pagi saya berlegar-legar di situ. Saya lihat betapa pelancong yang tinggal di Hotel Park Inn itu begitu resah gelisah. Kerosakan harta awam, harta benda, malah lampu trafik pun dikoyak-rabak. Ini adalah vandalisme dan perbuatan membakar bendera itu adalah perbuatan yang sengaja. Bukan dia ambil yang telah terseret, yang telah koyak rabak, tidak! Ini adalah bendera kita yang meraikan hari kemerdekaan dan hari kebesaran kita. Ini adalah satu perbuatan yang tidak wajar, Tuan Yang di-Pertua. Kita perlu cegah! Kita perlu pastikan perkara yang serupa ini tidak berulang lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Larut, Yang Berhormat tidak ada isu lain?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ada. Sekejap saya hendak habiskan. Ini isu yang amat penting, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Boleh saya potong sedikit.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Biar saya jawab sedikit. Ini penting, Tuan Yang di-Pertua. Saya memang ada isu lain, memang saya hendak masuk. Memang cukup menyedihkan apabila peristiwa ini berlaku ketika kita menyambut kemerdekaan yang ke-50 tahun sekali, tiba-tiba perkara ini boleh berlaku. Sama ada ia didalangi oleh mana-mana pihak atau adakah ia satu perancangan untuk memburukkan sambutan yang telah kita sama-sama kecapai baru-baru ini.

Yang Berhormat Kuala Terengganu tadi - kalau laporan polis telah dibuat barangkali kita minta jugalah perbuatan ini dapat diambil tindakan supaya jangan jadi satu budaya. Kita tahu mahu budaya, kelakuan seperti ini berterusan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bera bangun, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya bagi kepada Pengkalan Chepa dulu.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya selari juga dengan pendapat Ketereh tadi. Kalau Menteri Besar atau Timbalan Menteri Besar itu tidak keuzuran tidak ada, memang tidak wajar, tetapi saya hadir di atas *stage* itu. Saya tanya balik, saya tanya Tok Guru sendiri kenapa tidak hadir dan Timbalan Menteri Besar pun tidak hadir; Timbalan Menteri Besar tidak ada dalam negeri. Menteri Besar ini dia sudah hadir pada malam itu dan dia uzur. Ini penjelasan daripada mulut dia sendiri, sebab itu dia wakilkan kepada orang lain. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat pun sudah beri penjelasan, tidak payahlah saya hendak perelaskan perkara itu. Minta Yang Berhormat Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat yang mengatakan ia mungkin dirancang dan ada dalang. Ya, kita boleh tunggu laporan polis, tetapi daripada awal lagi kita lihat, program ceramah ini adalah dianjurkan oleh parti pembangkang. Jadi tentu sahaja secara logiknya yang pergi itu adalah ahli parti pembangkang tersebut. Jadi, kita boleh ada kaitan dari segi itu, tetapi saya tidak mahu menuduh sesiapa.

Kedua, kita dengar di dalam rusuhan tersebut ada bom *molotove* dan sebagainya dilemparkan. Jadi kalau kita hendak kata ia dirancang, kita boleh kata dirancang sebab bom *molotove* tidak boleh dibuat begitu sahaja. Ia mesti dibuat lebih awal dan dibawa sewaktu ceramah pembangkang yang tidak mendapat permit tersebut.

Jadi, Yang Berhormat, saya bercakap dari segi logiknya. Walaupun siasatan masih dibuat, tetapi dari segi logiknya membawa bom *molotove* yang dibuat di rumah, bukan dibuat di situ, dibuat di rumah dan bawa waktu itu tentunya ia dirancang.

Ketiga, dalang. Saya tidak mahu tuduh sesiapa, takut nanti Yang Berhormat Kubang Kerian melenting sekali lagi, tetapi soalnya dalang atau tidak dalang, kita boleh lihat dari segi siapa yang menganjur dan siapa yang datang itu, dari parti mana dan sebagainya. Jadi, bolehkah Yang Berhormat bersetuju bahawa kita katakan memang dirancang dan ada dalang.

■1240

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum itu saya tertarik dengan Yang Berhormat katakan bahawa perhimpunan itu tidak ada permit. Bererti ia satu perhimpunan haram. Kalau begitu polis kena ambil tindakan.

Saya minta supaya dikaji balik Tuan Yang di-Pertua, tentang pengeluaran permit ini. Kalau tidak ada permit bagaimana mereka boleh buat satu perhimpunan? Ini satu perhimpunan haram sebagaimana yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat Bera tadi. Memang mereka tidak ada permit. Ditambah pula dengan bahan-bahan letupan tapi kita mahu menggambarkan. Kita tidak mahu menuding jari kepada sesiapa Tuan Yang di-Pertua, kerana kita ada undang-undang.

Kita serah pada pihak Badan Penguatkuasaan kita yang berhak untuk menyiasat. Kalau kita benar, kita tidak perlu bimbang dan saya sekalilah merayu, menyeru kepada pihak berkuasa supaya siasat hingga ke akar umbi. Kita hendak tahu siapa, apakah puncanya, apakah benar-benar rakyat kita terlibat atau mungkin ada orang lain yang cuba seolah-olah digambarkan sebagai rakyat kita. Kita serahkan kepada pihak berkuasa supaya perkara ini tidak berulang dan berlaku lagi di masa akan datang. Ya sila Bukit Gantang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bukit Gantang.

Dato' Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Larut. Daripada insiden membakar Jalur Gemilang dengan insiden Wee Meng Chee di sini kita dapati bahawa yang sebenarnya rakyat tidak tahu membezakan di antara negara dengan pemerintah. Sebab bagi kita, Negaraku, lagu kebangsaan ini adalah kita kaitkan dengan negara. Begitu juga dengan Jalur Gemilang adalah bendera negara. Iaitu kita sebagai rakyat yang cinta kepada negara dan kita juga mesti menghormati negara dan sebaliknya pemerintah ini adalah kerajaan dan sekiranya rakyat tidak puas hati dengan kerajaan dia tidak boleh membakar Jalur Gemilang ataupun mengecil-ngecilkan lagu negara kita. Sebaliknya sekiranya rakyat sendiri tidak puas hati dengan kerajaan, iaitu pemerintah, kita tentukan dalam pilihan raya. Apa pendapat Yang Berhormat Larut?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Macam saya katakan tadi Yang Berhormat, saya sudah kata tadi. Saya sudah sebut tadi awal-awal tadi bahawa kita serah kepada rakyat apabila tiba pilihan raya. Bukan dengan cara menimbulkan kekacauan seolah-olah rakyat akan menyalahkan kerajaan yang ada, dan ...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sikit Yang Berhormat, sikit sahaja.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sekejap saya sentuh. Ibarat orang kata, marahkan pijat bakar kelambu, saya setuju Yang Berhormat. Ini maruah negara kita. Jadi kalau mereka tidak puas hati - pihak pembangkang, tunggulah pilihan raya. Jangan mencetuskan kekacauan. Pihak-pihak mananya jugalah sehingga membuatkan rakyat benci kepada kerajaan. Ini kita tidak mahu. Sila, *last* saya beri sebab saya hendak pergi pada tajuk yang lain.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Fasal ini *last*, saya hendak bangun ini. Apabila saya masuk ke Parlimen, kita dapat lihat di atas bangunan Parlimen kita ada bendera Jalur Gemilang yang besar. Jadi saya hendak mencadangkan kepada Parlimen supaya dikekalkan ataupun ruang itu dicat dengan lambang Bendera Jalur Gemilang. Bermaknanya kita menjunjung kita punya maruah bendera kita itu. Jadi adakah Yang Berhormat sebagai Pengerusi BBC ini bersetuju supaya dikekalkan bendera itu dan kalau tak kita guna bendera kain kita cat ruang itu dengan lambang bendera yang besar. Itu menunjukkan kemegahan panji-panji negara kita. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih juga saya setuju. Sila Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya hanya ingin bertanyalah dengan Yang Berhormat Larut, pandangan daripada Yang Berhormat Bukit Gantang tadi. Soalan membakar bendera, soalan mengadakan ceramah yang diberi kebenaran. Dua perkara yang berasingan. Yang pertama soalan membakar bendera. Kalau rakyat negara lain membakar bendera adalah satu penghinaan rakyat negara itu kepada negara yang mempunyai bendera itu. Iaitu satu penghinaan yang tidak ada bandingannya.

Jadi ini kalau didapati bahawa yang membakar bendera ini adalah rakyat Malaysia itu sendiri, tak ubahlah dia orang asing yang membakar simbol, membakarkan lambang kenegaraan, lambang martabat dan lambang negara ini sendiri. Jadi saya memang sebagaimana Yang Berhormat sebut, bermohon kepada pihak yang berwajib untuk membuat penyelidikan yang sehabis-habisnya. Apabila telah didapati nanti, tanya dengan mereka ini sama ada dia hendak jadi rakyat Malaysia ataupun dia hendak jadi rakyat negara lain. Kalau dia tidak boleh menghormati bendera, tak boleh menghormati lagu, simbol negara, lambang negara ini, tawar kepada mereka suruh dia nyah daripada negara ini. Tidak ada tempatnya di negara ini kepada mereka yang sedemikian.

Kerana kalau melanggar undang-undang negara macam mengadakan ceramah tidak betul memang berlaku kesalahan jenayah dan sebagainya, selidik secara jenayah tetapi bukan soal menghinakan negara. Bukan merendah dan membakar ini. Penghinaan kepada penulis buku ialah dengan membakar buku Yang Berhormat. Penghinaan kepada negara ialah

membakarkan lambangnya. Tidak ada penghinaan yang lebih daripada itu selain daripada membakar. Jadi saya berharap pihak penyelidik buat penyelidik sampai habis dan tanya dengan orang ini sama ada dia hendak jadi rakyat Malaysia ataupun tidak. Kalau tidak suruh dia nyah daripada sini kerana kita tidak mahu lambang negara ini dibakar.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Santubong, saya setuju. Macam saya katakana tadi, biarlah undang-undang kita ada, kita siasat sampai ke akar umbi, kita tunggulah apa juga keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakana tadi, bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meliputi semua aspek. Pendidikan, agama, bagaimana hendak membantu memperbaiki sistem pengangkutan kita, pembangunan wilayah, bagaimana hendak membasmi kemiskinan dan banyak lagi hinggakan pada kala ini kita lihat ia cukup mendapat sambutan daripada masyarakat keseluruhan.

Cuma yang agak mengejutkan ialah apabila kita tinjau tentang bonus yang tidak disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, perlu diperjelaskan perkara oleh kerana kita tidak mahu ada elemen-elemen lain. Pihak-pihak yang cemburu dengan kerajaan akan menggunakan isu bonus ini untuk meraih simpati dan kepentingan politik mereka. Barangkali tak semestinya sebagaimana yang kita tahu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, ianya perlu diumumkan oleh Perdana Menteri pada ketika pembentangan bajet tentang bonus ini. Barangkali mungkin tiba masanya nanti, ia dapat dipertimbangkan oleh kerajaan untuk memberi bonus kepada kakitangan kerajaan.

Namun demikian kita lihat bahawa, kerajaan telah pun mempertimbangkan tentang kenaikan gaji yang telah dibuat lebih awal lagi. Mungkin kalau bonus ini juga diumumkan, ini bukan masalah lain, mungkin kenaikan harga barang yang selalu ditunggu-tunggu untuk mereka yang cuba mencari kesempatan.

Saya juga melihat tentang pembentangan bajet oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini, buat kali pertama saya rasa, juga telah menyentuh tentang peruntukan bagi memajukan lagi sukan di negara kita ini termasuk pengecualian cukai RM300 pada mereka yang telah menggunakan wang ringgit untuk membeli peralatan sukan. Namun demikian, walaupun kita lihat industri sukan ini telah dapat membantu pembangunan atau menjadi satu budaya yang baik kepada negara kita, tapi saya merasakan RM300 ini kalau boleh dipertimbangkan lagi kerana RM300 ini kalau kita lihat untuk membeli peralatan tertentu tidak cukup. Barangkali mungkin di masa-masa akan datang, ia dapat di tambah mungkin ke RM3,000. Itu terpulangnya kepada pihak kerajaan. Saya cuma memberi satu cadangan.

Saya juga ingin menyentuh tentang ini, oleh kerana macam saya katakana dahulu di Dewan ini, kalau boleh kerajaan menimbang memberi pengecualian cukai kepada penaja-penaja, promoter-promoter, syarikat-syarikat gergasi untuk membantu persatuan-persatuan sukan, badan-badan sukan supaya tidak membebankan wang ringgit kerajaan. Dengan demikian kita

dapat lihat bagaimana era profesional dapat dipertingkatkan lagi kerana sumbangan-sumbangan besar.

Kita tengok bagaimana kerajaan apabila membenarkan perlumbaan *Formula One* diadakan di negara kita ini. Bagaimana sumber pendapat negara kita meningkat, membantu dan juga memberi peluang kepada peniaga-peniaga tempatan untuk meraih keuntungan hasil daripada pertandingan ataupun perlumbaan *Formula One* yang telah saya katakana tadi. Kerana negara-negara lain berebut-rebut Tuan Yang di-Pertua, untuk menganjurkan perlumbaan seperti ini. Kita mesti lihat daripada jangka panjang dan kita tahu bahawa pada hari ini sudah banyak syarikat-syarikat gergasi yang boleh membantu...

■1250

12.50 tgh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Penjelasan Yang Berhormat. Mengenai sukan, saya terpanggil untuk bangun kerana saya nak tahu pandangan Yang Berhormat.

Apakah pandangan Yang Berhormat mengenai *team* baru FAM ini yang presiden lama, tapi timbalan presiden dua-dua baru, naib presiden baru. Apakah pandangan Yang Berhormat sebagai bekas naib presiden, apakah Yang Berhormat berpendapat *team* baru ini akan berjaya melonjak kejayaan bola sepak dalam negara ini? Bagaimana harapan bekas naib presiden? Terima kasih.

12.51 tgh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana Yang Berhormat timbulkan saya tak naklah timbulkan benda ini nanti kata saya ada kepentingan. Apa yang penting di sini ialah saya tak bermain politiklah dalam mana-mana sukan, itu saya nak pastikan.

Setengah ada orang kata bila ada tokoh-tokoh politik menyebabkan kegagalan sesebuah persatuan sukan itu, oleh kerana orang politik main politik, sebenarnya tidak. saya terutamanya tidak, tetapi kalau ada orang lain yang main politik, itu individu lain nak main politik itu bukanlah satu hal yang boleh kita halang.

Soal tentang kebangkitan bola sepak kita sudah ada tanda-tanda, sebelum berlaku kongres ini pun sudah ada. Di mana pasukan remaja kita yang telah kita beri kepercayaan di bawah umur 21 tahun telah menampakkan kebangkitan apabila telah menjuarai Pesta Bola Merdeka yang baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua.

Soal siapa ada dalam siapa tidak ada dalam, itu adalah merupakan lumrah alam. Cuma apa pun yang kita hendak lakukan mestilah lakukan sejujur-jujur jangan ada agenda-agenda yang tertentu.

Bagi saya dalam soal membangunkan sukan ini kita mesti lihat dari segi komitmen kita, kerana Yang Berhormat sendiri pun dulu pernah berada dalam Kementerian Belia dan Sukan, jadi kita sama-sama faham. Jika kita memberi satu komitmen yang cukup insya-Allah kita boleh pergi bukan sahaja dalam bola sepak bahkan dalam bidang-bidang sukan yang lain. Ini kerana kita pun memberikan tumpuan kepada memajukan sukan kita.

Cuma dalam bola sepak ini memerlukan sedikit masa kalau tanya sayalah, kerana kita mesti lihat pemain-pemain yang perlu ada, material yang ada pada kita, kerana kita tahu bahawa kalau nak bandingkan dengan pemain-pemain yang terlibat dalam negara-negara lain jauh beza. Orang mengatakan kenapa Afrika bagus dengan negara yang mundur? Kita lupa bahawa pemain-pemain ini lari keluar kerana mereka bermain di Eropah. Bila memilih Eropah standard mutu bola sepaknya berbeza, berbeza dalam negara dia. Barangkali kalau pasukan-pasukan negara yang disebutkan tadi berada dalam negara mereka, mungkin mereka juga tidak boleh pergi ke mana-mana.

Oleh kerana seluruh bintang-bintang yang ada dalam dunia ini terkumpul sama ada dalam EPL atau dalam Liga Spanish atau Liga Itali. Contohnya saya katakan di sini kalaulah saya dibenarkan menjadi pengurus *Manchester United* tukar dengan Alex Ferguson mengambil *team national*, bagaimana agaknya keputusan yang akan kita ketahui? Sila Yang Berhormat.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat. Bolehkah Yang Berhormat bersetuju kalau saya katakan personaliti tidak penting orang tidak penting, yang penting ialah organisasi itu, mutu bola sepak itu, *officers come and go*, dengan izin pemimpin pergi masuk dan datang, tetapi yang penting mutu bola sepak negara mestilah kita pertahankan. Itulah cita-cita kita Yang Berhormat sebenarnya, terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Dalam hal ini saya nak menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Pahang. Bukan saya nak mengampu dan nak membodek, tidak!

Saya amat tabik kepada baginda kerana seorang yang berani, dia tidak berundur walaupun dalam keadaan situasi bola sepak dalam negara kita pada hari ini. Inilah tokoh yang kita perlu kerana dia melihat betapa dia tidak akan mengalah selagi kita tidak menuju kejayaan.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Krai bagi jalan?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Krai.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sila.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Sikit sahaja Yang Berhormat Larut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga terpanggil bila dah menyentuh sukan, tapi saya tidaklah nak sentuh semua bola sepak, saya nak sentuh keseluruhan sukan negara. Ini kerana 50 tahun sudah kita merdeka

maka sudah sampai ketikanya, masanya untuk diperkenalkan sukan-sukan yang bermutu, yang berkualiti lebih-lebih lagi di luar bandar.

Sesetengahnya kalau kita pergi ke sekolah padang nak main pun tak ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kuala Krai minta penjelasan.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Jadi, nak minta penjelasan, bagaimana setuju tidak Yang Berhormat Larut supaya diadakan satu kompleks sukan di tiap-tiap Parlimen memandangkan 50 tahun sudah merdeka kanak-kanak nak main bola, nak buat latihan pun tak boleh.

Jadi saya rasa sampai masa dan ketikanya diadakan kompleks satu kawasan Parlimen satu. Bagaimana Yang Berhormat Larut? Setuju atau tidak?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya setuju, tapi kalau tanya saya kalau bolehlah kita tahu bahawa yang penting di sini ialah bagaimana kita nak meng*upgredkan* lagi kemudahan-kemudahan sukan yang kita ada. Jika kita belanja satu Parlimen RM1 juta barangkali duit RM1 juta ini kita boleh mempertingkatkan padang-padang yang ada, daripada kita hanya mempunyai satu kompleks sukan. Ini mungkin menyulitkan lagi untuk mana-mana persatuan sukan di *centralized*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, di pusatkan.

Mungkin RM1 juta atau RM2 juta ini pandangan saya dirujuk kepada pihak Parlimen ataupun daerah bagi keutamaan, yang mana mereka nak gunakan wang ini daripada kita memiliki satu kompleks sukan yang hanya tertumpu di tempat itu sahaja.

Barangkali padang-padang yang kecil diperbesarkan, barangkali padang-padang yang ada boleh dipertingkatkan dengan dibuat tempat duduk atau bilik persalinan supaya dapat diperlebar lagi untuk aktiviti-aktiviti, tidak hanya satu pusat sahaja.

Memang saya setuju kalau boleh setiap satu tempat itu ada satu kompleks sukan, tapi kita kena ingat dari segi *maintenancenya* kerana kita boleh buat projek tapi nak bagaimana penyelenggaraannya.

Kita lihat bagaimana Stadium Bukit Jalil, sahabat saya daripada Arau di sini betapa wang peruntukan itu besar terpaksa dibelanjakan oleh kerajaan semata-mata untuk *maintain* kompleks ini. Alhamdulillah, oleh kerana bola sepak telah memberi satu sumbangan yang besar kepada penggunaan stadium ini, mereka dapat sedikit sebanyak satu pendapatan yang besar. Umpamanya pada pertandingan Piala Malaysia baru-baru ini untuk perlawanan Perak dan Kedah RM1 juta lebih dapat dikutip untuk satu perlawanan untuk 90 minit sahaja telah dapat memberi pendapatan RM1 juta lebih, kerana penggunaan Stadium Bukit Jalil. Ini saya setuju, tetapi kalau bolehlah dilihat balik tentang kepentingan satu kawasan satu kompleks sukan ini, kerana kita mesti lihat dari segi *maintenance* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ini memerlukan satu belanja yang besar. Jika wang itu dapat kita agih-agihkan, kita gunakan bagaimana nak mempertingkatkan lagi kompleks-kompleks sukan ataupun padang-padang yang ada.

Saya beri contoh di sini, kalau kita nak menggalakkan futsal umpamanya tak banyak belanja futsal ini, barangkali dalam sekitar RM100,000 atau RM150,000 kalau RM1 juta sudah berapa banyak padang futsal yang boleh kita sediakan di kawasan-kawasan di setiap kawasan Parlimen, daerah ataupun mukim.

Barangkali di sinilah Majlis Sukan Negara ataupun kementerian dapat melihat, jangan bila berlaku sesuatu itu kita menuding jari kepada orang lain, tak boleh. Kita mesti sama-sama melihat apakah masalah-masalah yang ada di peringkat akar umbi. Kita tak boleh menyalahkan kepada sesiapa dalam soal ini, saya setuju dengan Ketereh tadi. Kita mesti turun ke bawah melihat bagaimana masalah yang dihadapi oleh badan-badan sukan, bagaimana kita hendak membantu walaupun program-program yang ada sudah bagus dibuat, tapi kita mesti turun ke bawah kita tengok.

Barangkali inilah R&D (*research and development*) itu amat penting tapi kalau kita buat *research and development* tidak ada *follow up*, dengan izin dengan susulan tidak akan memberi manfaat yang besar, tidak kira jenis sukan apa sekali pun.

Saya sekali lagilah berharap agar perkara ini dapat dilihat, dikaji balik dan kalau boleh pembinaan kompleks sukan ini kita gunakan dari sudut di mana kepakaran di satu kawasan itu ada banyak - gunakan. Tak perlulah kita melantik hanya satu kontraktor induk dan akhirnya menimbulkan masalah apabila hendak pergi ke tempat-tempat yang tertentu. Kita lantik kelas-kelas F yang ada, bila kita nak menggalakkan kelas F kalau semua diambil oleh syarikat induk. Kita mesti lihat kerana kita tahu kelas-kelas F tidak ada kerja, inilah masanya. Kita minta Kementerian Belia dan Sukan dan kementerian-kementerian yang lain supaya memberi peluang kepada tempatan untuk juga menambahkan kepakaran, kemahiran yang ada.

Saya sekali lagilah menekankan bahawa kepentingan sesuatu daerah, mukim itu amat perlu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat nak habiskan atau nak sambung petang ini?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya ada sikit lagi Tuan Yang di-Pertua, kerana ada dua, tiga benda lagi yang belum masuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Nak habiskan sekarang ke? Saya boleh bagi Yang Berhormat masa.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh sambung?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sambung petanglah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ditangguh sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Dewan bersidang semula saya jemput Yang Berhormat Larut menyambung ucapan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kalau dulu Bajet 2007 telah melihat dengan pemansuhan yuran peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM atau setaraf dengannya, di semua di peringkat sekolah dan kali ini di ibarat satu pendidikan percuma sehingga diumumkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila yuran tahunan dan juga yuran peperiksaan SPM dihapuskan. Elaun guru pendidikan khas dan guru ganti juga ditingkatkan dan ini amat kita alu-alukan Tuan Yang di-Pertua.

Amat berbesar hati apabila pinjaman buku teks sekarang ini turut diperluaskan, tidak kiralah anak siapa pun sama ada orang kaya, orang berpendapatan rendah turut diberikan peluang untuk mendapat...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: *[Bangun]*

Dr. Junaidy bin Abd. Wahab [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ada tiga ahli bangun Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Pinjaman ini. Bagi Batu Pahat.

Dr. Junaidy bin Abd. Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Parlimen Larut. Ahli Parlimen Larut ada bercerita berkenaan dengan masalah yang berkaitan dengan sekolah. Jadi pada hari ini saya ingin mengalu-alukan kedatangan daripada golongan Persekutuan Orang Pekak Malaysia yang diketuai oleh Encik Sazali Shaari.

Kalau kita minta penjelasan Yang Berhormat, kalau kita tengok bahawa salah satu golongan orang yang terlibat dalam pendidikan iaitu anak-anak kita yang kurang upaya (OKU) yang mana kerajaan amat prihatin kepada masyarakat OKU. Kalau mengikut yang berdaftar kepada JKMM ataupun Kementerian Kemajuan Manusia dan Masyarakat, kita dapat 29,522 orang pekak yang berdaftar. Kumpulan minoriti ini memanglah kita dapati bahawa mereka tidak dapat mendengar, tidak dapat hendak melahirkan bahasa, melahirkan hasrat mereka.

Jadi salah satu hasrat mereka yang saya minta kalau dapat Yang Berhormat mengusulkan kepada kerajaan supaya bahasa isyarat Malaysia yang telah diselaraskan ataupun telah diusahakan oleh persatuan ini dapat dijadikan satu bahasa rasmi bagi komuniti masyarakat orang pekak di Malaysia. Kerana ini boleh juga melambangkan sebagai satu bahasa dan satu bangsa dan supaya berharap juga penggunaan bahasa isyarat ini dapat diperluaskan dalam

peringkat sekolah-sekolah dan dapat diterima oleh seluruh golongan, terutama golongan Ahli-ahli Parlimen.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Mereka mungkin tidak mendengar apa yang saya cakap, tapi saya harap adalah bahasa isyarat, kerana saya setuju. Kita tengok, terima kasihlah macam RTM setiap kali ada rancangan berita terutama RTM1, saya bersetuju kerana kita tidak boleh pinggirkan mereka ini. Mereka ini adalah merupakan sebahagian daripada rakyat kita yang juga perlu diberikan perhatian yang khusus dan tumpuan.

Dengan pemansuhan dan penambahan di dalam sistem peringkat ini...

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Padang Terap bangun Yang Berhormat

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kejap, saya habiskan sikit. Nanti saya akan bagi. Tiada alasan bagi setiap pelajar yang datang daripada isi rumah atau keluarga yang daif atau miskin bagi meneruskan pengajian masing-masing. Saya melihat usaha ini adalah sebagai salah satu ke arah mewujudkan masyarakat celik ilmu, termasuk Yang Berhormat kata tadi yang pekak, kalau ada barangkali mereka yang lain. Saya berharap agar tiada lagi di kalangan rakyat Malaysia ini buta ilmu menjelang Rancangan Malaysia Kesembilan. Sila Padang Terap.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Larut. Memang kita berterima kasih kepada kerajaan kerana mengumumkan yuran-yuran sekolah ini dikecualikan termasuk yuran peperiksaan pada tahun lepas. Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya supaya kerajaan, mencadangkan kepada kerajaan supaya yuran-yuran sekolah yang tertunggak, ada lagi orang-orang miskin di kawasan Yang Berhormat, mungkin kawasan saya dan ramai lagi di kalangan seluruh negara kita yang masih tertunggak. 2006 atau 2007 masih belum dibayar kepada sekolah. Adakah Yang Berhormat hendak mencadangkan supaya dihapus kira yuran tertunggak pada tahun 2007 atau 2006 ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Memang saya hendak pergi ke arah itu. Sebab itu saya hendak sebut di sini, kalau bolehlah kita bercakap fasal yuran tahunan, kita tidak begitu nampak sangat beban dan tidak begitu tinggi, tapi kita mesti melihat yuran-yuran yang lain. Yuran makmal misalnya yang dikenakan oleh sekolah-sekolah. Barangkali yuran PIBG akan dinaikkan dalam kesempatan ini. Sebab itu saya hendak bangkitkan ialah mengenai yuran PIBG...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Gajah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sekejap, tersangkut. Saya bagi, saya biar habis sikit lagi. PIBG yang mungkin mendapat kesan berikutan pemansuhan yuran tahunan sekolah. Maksud saya ialah kementerian perlu melihat kewajaran untuk ditetapkan pada kadar siling yang disesuaikan mengikut kategori setiap sekolah di seluruh negara.

Antara aspek yang perlu diambil kira dalam menentukan kategori sekolah untuk tujuan penetapan kadar siling yuran PIBG ialah kedudukan bandar atau di luar bandar. Lokasi sebenar dari saiz sekolah, penetapan kadar siling ini dapat meringankan beban ibu-bapa terutama yang tidak berkemampuan. Saya melihat di dalam yuran PIBG kadangkala agak keterlaluan dan tidak logik. Ada macam-macam jenis yuran, seperti yuran kecemerlangan, biar saya sebut, yuran latihan pelajar, yuran keceriaan, yuran pembangunan dan yuran bahan bacaan. Malah ada yuran tersebut mencapai sehingga RM200 ratus ringgit seperti yuran keceriaan. Apa sebenarnya keceriaan yang dimaksudkan bagi sekolah tersebut. Malah yuran bahan bacaan turut dikenakan ke atas pelajar membabitkan surat khabar dan bahan majalah di sekolah-sekolah MRSM. Jadi ini satu perkara yang perlu kita lihat sebagai satu tanggungjawab yang perlu kita bincangkan bersama. Sila Tangga Batu.

■1440

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Larut. Apabila Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan mengumumkan penghapusan yuran sekolah, Yang Berhormat Larut, orang kampung ingat sudah tidak ada yuran. Jadi bila sebut yuran-yuran, ada lagi yuran PIBG, yuran surau, yuran ini, yuran-yuran, jadi dia ingat apa yang kerajaan cakap hari itu hapus, yuran apa yang dia kena bayar? Mungkin kita boleh mencadangkan supaya yuran itu kita tukar kepada nama lainlah – sumbangan ke apa.

Yang kedua, Yang Berhormat Larut, tentang sekolah khas. Ini hendak bercakap pasal ada lebih kurang 50 orang daripada persatuan pekak ada di belakang kita, Federation of Deaf, yuran mereka pun kita minta kalau boleh kerajaan fikirkan macam mana boleh ada penghapusan kepada yuran-yuran khas yang dikenakan kepada mereka.

Baru-baru ini kerajaan pula menghalang penggunaan *hand phone* di kalangan anak-anak sekolah, sedangkan alat ICT ini, *hand phone* ini sudah menjadi alat komunikasi utama kepada orang-orang pekak ini. Mereka tidak boleh bercakap tetapi mereka boleh SMS. Jadi mungkin kerajaan boleh melihat semula kegunaan alat telefon ini kepada orang-orang pekak yang menggunakannya di sekolah.

Yang akhir sekali, Yang Berhormat Larut, kalau boleh, saya menyanjung tinggi Yang Berhormat Larut kerana bersetuju dengan usul bahasa isyarat Malaysia yang digunakan oleh kumpulan minoriti ini diterima sebagai bahasa rasmi komuniti orang pekak Malaysia sebagai

melambangkan satu bahasa dan satu bangsa. Apa kata kawan-kawan di sana? *[Mengangkat tangan ke arah Federation of Deaf di belakang]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya amat setuju. Macam saya kata tadi, kita tidak boleh pinggirkan mereka. Mereka tidak diminta lahir sedemikian rupa. Jadi kita jangan pandang ringan tentang mereka yang istimewa ini. Jadi perlu. Kalau boleh saya hendak cadangkan di sini, segala apa yang mereka sumbang kepada PIBG, sumbangan-sumbangan kepada badan-badan seperti ini dikecualikan daripada cukai.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Batu Gajah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sebagaimana kita lakukan kepada sesetengah sumbangan-sumbangan yang lain. Jadi saya amat bersetuju. Ya, sila Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih. Apakah Yang Berhormat Larut menyedari apakah halangan yang mereka hadapi di dalam memperjuangkan bahasa isyarat sebagai bahasa rasmi Malaysia? Apakah Yang Berhormat Larut tahu apa halangan mereka?

Yang kedua, kita mahu semua warga Malaysia terlibat bersama di dalam arus pembangunan negara ini dan tiada mana-mana pihak, mana-mana kaum termasuk OKU yang terpinggir. Tetapi baru-baru ini, apakah Yang Berhormat Larut menyedari ucapan bajet Yang Amat Berhormat ada memberi contoh meminta majikan agar sesetengah pekerjaan seperti pekerja di plaza tol, pemasangan di kilang, telefonis dan beberapa jenis pekerjaan yang lain, golongan OKU seharusnya diberi keutamaan untuk menyertainya. Ini seolah-olah memberi satu persepsi bahawa golongan OKU hanya mampu melakukan kerja-kerja ini, sebagai pemungut tol dan sebagai telefonis, bekerja di kilang sahaja. Jadi mungkin dalam aspek ini kerajaan perlu sensitif.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Okey, saya faham, saya faham.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: OKU, mereka memang...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...dan mengehadikan, memberi contoh ini seolah-olah mereka ini hanya mampu buat kerja seperti ini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya faham. Terima kasih Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Dan ini telah dibangkitkan oleh persatuan-persatuan OKU.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Okey, terima kasih Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya rasa kurang sensitif.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat pun ambil kesempatan. Terima kasihlah ambil kesempatan atas apa yang telah ada di depan mata kita ini. Saya faham apa maksud Yang Berhormat. Kita tidak main politik macam saya katakan tadi. Sebenarnya kita tidak pernah mengabaikan OKU. Yang Berhormat tengok hari ini berapa ramai OKU. Kita hanya sebut secara individu yang hari ini hebat kedudukannya. Ada yang menjadi profesor. Tidak nampak! Bukankah ini satu daripada kerjaya yang telah dibentuk oleh Kerajaan Barisan Nasional. Cuma yang kita bimbang, apa juga yang cuba dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional, ada gangguan-gangguan, halangan-halangan daripada pihak-pihak lain. Tepuk dada, tanya selera.

Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Lipis bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, sila.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Larut. Dia tidak nampak Lipis di depan ini. Jadi berkait dengan sekolah ini, yuran sekolah, ada sekolah yang bernasib baik kerana muridnya ramai, terletak di tempat yang sesuai dan ibu bapanya terdiri daripada golongan yang kaya-roya. Saya pernah melihat sebuah sekolah, ia boleh dirikan dua bangunan dewan, futsal dan sebagainya yang didermakan oleh pihak PIBG, dua buah dewan. Tetapi ada sekolah, kalau kita lihat, terutamanya sekolah-sekolah yang kurang murid yang terletak di kawasan-kawasan pedalaman.

Sebagai contohnya, di kawasan Lipis ada sekolah yang mempunyai sepuluh orang murid sahaja. Jadi ibu bapa PIBG dia 20 orang. Kalaulah kata yuran PIBGnya RM10 satu keluarga, jadi dapat 10 orang, RM100. Jadi RM100 itulah hendak dibuat segala-galanya. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Larut bagi kita menyeimbangkan peluang pendidikan ini di antara sekolah yang di luar bandar dengan sekolah bandar dan sekolah yang kurang murid yang pasti yuran PIBGnya kurang kerana jumlah muridnya kurang supaya mereka dapat peluang yang sama dari segi menikmati pendidikan di negara ini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Lipis. Saya nampak, bukan tidak nampak, Yang Berhormat besar kan? Saya nampak, tetapi oleh kerana orang lain bangun dahulu, saya terpaksa bagi keutamaan. Macam saya katakan tadi, Yang Berhormat, perkara yang baik ini perlu kita lihat. Tetapi cuma barangkali kadang-kadang kajian dibuat mengikut R&D, keutamaan-keutamaan. Saya rasa kerajaan tidak pernah mengabaikan tanggungjawab untuk mempertingkatkan bidang pendidikan.

Kita tengok dari segi modal insan, kalau kita sebut di sini betapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mempertingkatkan dan menekankan lagi modal insan ini supaya kita dapat melahirkan lebih ramai rakyat yang bermaruah, yang tidak bakar bendera. Mungkin adalah orang

cemburu sebab jalur gemilang ini lahir di tangan UMNO. Itu barangkali adalah yang cemburu, saya rasa.

Kita mengalu-alukan langkah kerajaan dari segi produktiviti, melantik pegawai-pegawai dari gred – ini saya sebut dari segi produktiviti kakitangan kerajaan, Tuan Yang di-Pertua – saya hendak pergi sebab ada dua, tiga perkara lagi saya hendak sentuh kalau tidak diganggu. Tentang lantikan pegawai-pegawai kerajaan, kakitangan kontrak ini. Ini amat mustahak. Pegawai-pegawai gred 41 secara kontrak untuk mengisi kekosongan jawatan bagi melicinkan urusan pentadbiran selain penawaran skim kontrak selama tiga tahun yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada ketua setiausaha semua kementerian dan ketua perkhidmatan.

Tetapi kenapa kerajaan atau agensi kerajaan menawarkan banyak jawatan kontrak di dalam akhbar berbanding jawatan tetap? Mengapa tidak sahaja ditawarkan pegawai tetap sahaja. Sekiranya banyak jawatan ditawarkan tetap, ini sebagai langkah proaktif mengatasi masalah pengangguran. Pihak JPA perlu serius kerana pegawai kontrak sememangnya berkebolehan, cuma tidak diberikan ruang dan peluang sahaja. Bukan setakat pegawai gred 41 sahaja tetapi ramai juga pegawai gred 44, gred 48 dan gred 52 yang statusnya kontrak masih ramai lagi dan mereka ini mempunyai kepakaran tersendiri.

Seperti di Parlimen, Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai ramai pegawai gred 48 yang mempunyai pengalaman lebih 10 tahun dan pakar dalam bidang tertentu. Kenapa mereka ini tidak diserapkan? Kadang-kadang kontrak dia sudah hendak habis. Saya difahamkan masih lagi yang belum menerima ketentuan hendak sambung atau tidak sambung. Jadi kita berharaplah supaya masalah ini dikurangkan sebab *delivery system* kita kena perbaiki. Barangkali bajet yang dibentangkan tidak akan kesampaian. Kalau kontrak masa sekarang hendak habis bulan 10, ini sudah bulan 9, tidak lama lagi hendak menyambut Ramadhan, mereka tidak tahu sambung atau tidak sambung. Di manakah silapnya? Apakah masalahnya? Sedangkan Menteri Kewangan Kedua memberi jaminan bahawa duit ada, tidak ada masalah tetapi kenapa masalah ini timbul di pihak JPA? Apakah sebabnya?

Saya menyebut perkara ini bukan dengan tujuan untuk memburuk-burukkan sesiapa, menuding jari kepada sesiapa, tetapi sebagai menimbulkan kenapa masalah ini masih lagi berlaku. Kita bercakap soal *delivery system* di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah sebut dari tahun 2004 lagi, sudah hendak masuk tiga tahun, empat tahun, Tuan Yang di-Pertua. Sudah hendak masuk hampir hendak pilihan raya akan datang, tetapi masih lagi perkara ini berlaku. Wang ada, peruntukan ada, tetapi kenapa perkara ini masih dilewat-lewatkan.

Seperkara lagi yang saya ingin bertanya ialah sejauh mana proses kenaikan gaji di kalangan kakitangan awam telah dilaksanakan.

■1450

Adakah setiap kakitangan jabatan dan agensi kerajaan telah benar-benar menikmati kenaikan gaji tersebut? Seperti mana yang diumumkan oleh kerajaan baru-baru ini kerana ada sesetengah timbul pertanyaan dan kekeliruan. Apakah badan-badan berkanun juga terbabit dengan kenaikan gaji ini? Saya bagi contoh; Bernama sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Penerangan masih belum melaksanakan sepenuhnya pemberian kenaikan gaji kepada kakitangan mereka. Saya tahu di bawah Bernama mempunyai Skim SSM dan komersial, tetap yang masalahnya sebahagian besar warga kerja Bernama adalah di bawah skim komersial dan mereka ini perlu menerima imbuhan kenaikan gaji. Bagaimanapun ini telah berlaku, dan perkara ini sudah masuk lebih tiga bulan seperti mana diumumkan oleh kerajaan. Jadi saya mintalah supaya perkara ini dapat diteliti kalau kita hendak meningkatkan kecekapan, produktiviti dan *delivery system* yang dilaungkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi kepada sistem pengangkutan. Di mana sistem pengangkutan ini amat penting dalam kita hendak meningkatkan produktiviti kakitangan kerajaan dan semua peringkat. Kerana kita lihat badan-badan utama seperti di London, di New York sebahagian besar warga negara mereka menggunakan pengangkutan awam. Kalau kita hendak menggalakkan perkhidmatan-perkhidmatan awam ini terus mendapat perhatian, kita mestilah melihat kemudahan-kemudahan yang disediakan itu benar-benar mendapat perhatian. Kita tengok bagaimana disiplin ataupun berlakunya kemalangan jalan raya sejak akhir-akhir ini. Terutama sekali ialah yang terbaru iaitu yang melibatkan 22 orang yang terbunuh di Lebuhraya Utara – Selatan dekat Bukit Gantang, di Taiping selain daripada kes-kes lain.

Jadi apakah langkah-langkah wajar kita lihat yang perlu kita cadangkan? Saya hendak sebutkan di sini ialah kita diberitahu bahawa ada kes pemandu ambil dadah, tidak cukup rehat, tekanan dan sebagainya. Saya hendak sebutkan di sini supaya kita sama-sama lihat kepentingan pemandu kerana pemandu ini amat penting apabila dia memandu bas ekspres yang membawa 40 penumpang, nyawa manusia Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat satu daripadanya ialah mereka ini tidak cukup rehat, barangkali sudah tiba masanya pihak-pihak tertentu ini memikirkan perjalanan bas ekspres ini tidak lebih daripada pukul 10.00 malam. Jadi selepas itu waktu rehat. Mungkin barangkali mereka mengantuk oleh sebab penumpang-penumpang yang lain, walaupun ada dua pemandu yang disyaratkan lebih daripada tiga jam barangkali. Sudah tiba masanya kita ingatkan supaya bas-bas ekspres ini tidak lebih daripada dua jam perjalanan, mesti berhenti dan digantikan pemandu supaya mereka mendapat rehat yang cukup selain daripada kesihatan seperti mana yang disebut, kursus-kursus dan juga langkah-langkah lain. Kebajikan pemandu ini mestilah dijaga.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kalau macam *pilot* kapal terbang Tuan Yang di-Pertua, jadi kita lihat pentingnya dengan tangga gaji yang ditetapkan, pemandu-pemandu bas ini juga penting, kita tidak boleh harap mereka ini sebagai kolar biru yang tidak begitu diutamakan.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih sahabat daripada Larut. Tentang pemandu bas yang kerap kemalangan ini, di dalam Akta Pekerjaan dan Kesihatan ataupun OSHA, kalau kita melihat seksyen 15 dan 17, memang jelas ini adalah tanggungjawab syarikat bas bagi menentukan bahawa pekerja mereka ada suasana yang baik. Mereka seharusnya tidak bekerja berlebihan, jadi ini adalah tanggungjawab syarikat. Kenapa seksyen 15 dan 17 dalam OSHA ini tidak dilaksanakan oleh syarikat-syarikat bas? Mohon penjelasan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, macam saya katakan tadi semua hendak cepat kaut untung tetapi tidak memikirkan risiko-risiko kemudian yang akan berlaku. Sebab itu saya menyarankan supaya pemandu-pemandu ini dijaga kebajikan mereka dengan tangga gaji yang ditetapkan syilingnya. Supaya mereka ini tidak terhambat sana, terhambat sini dengan terpaksa mengejar masa kerana untuk mendapatkan pendapatan yang mencukupi untuk menyara keluarga mereka.

Sebab itu kita tidak hairan kalau mereka mengambil bahan-bahan yang terlarang, oleh sebab mereka hendak menjaga kesihatan ketika memandu sebanyak yang boleh. Sebab itu saya dalam usaha kita mencegah ini amat penting Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sarankan di sini supaya mungkin sudah tiba masanya kita, saya mencadangkan *mayor* diletakkan di dalam bas-bas yang difikirkan boleh menyebabkan berlakunya kemalangan. Ini terpulanglah kepada pihak-pihak pengusaha yang ada, apa salahnya kita mencuba, masalah kita ialah kita tidak cuba lagi, kita tidak tahu. Masalah masing-masing mengatakan ini bukan tanggungjawab mereka, main pas-pas macam bola.

Kita lihat di negara-negara lain, di Amerika mereka telah menggunakan *mayor* dalam pengangkutan awam mereka untuk menjamin supaya mencegah. Kalau sudah berlaku tidak ada makna, tidak ada makna kalau sudah berlaku baru kita hendak siasat. Kita hendak mencegah sebelum berlaku kerana penumpang 40 nyawa. Kalau dah berlaku baru kita hendak siasat, ambil tindakan, macam berlaku kes baru-baru ini, masing-masing menuding jari, masing-masing cuba melepaskan tanggungjawab mereka. Kita mungkin boleh cuba meletakkan *mayor* dalam bas tersebut supaya mereka tahu ada penguat kuasa dalam bas, jadi mereka akan berhati-hati. Barangkali kalau mereka hendak melakukan kesalahan, kalau terpaksa kerana mereka telah dipengaruhi oleh bahan-bahan yang terlarang, mereka akan berfikir kerana sudah ada penguat kuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung-gulung.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sikit lagi hendak sentuh Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya berharaplah kita mesti melihat kepentingan penumpang. Sebab itu apa salah kalau kata bas terpaksa dua jam tukar penumpang.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Tukar penumpang? Pemandu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Pemandu, pemandu, kadang-kadang tersasul juga, jangan tersasul bakar bendera sudahlah. Tuan Yang di-Pertua, "*biar lambat asal selamat.*" 20 nyawa melayang, itu tidak termasuk kes-kes lain yang berkaitan. Saya hendak sebut fasal *post-mortem* selepas ini, 20 nyawa. Tidak kiralah sama ada mereka itu warganegara kita ataupun warganegara asing. Menakutkan hari ini, orang nak naik bas ekspres pun takut. Jadi kita mesti lihat, tidak apa lambat dua jam tukar pemandu sampai selamat. Selepas pukul 10.00 malam jangan lagi, bahkan kita lihat bandingkan pemandu bas, kemalangan yang membabitkan bas ekspres dan juga lori, jauh beza kes-kes yang membabitkan lori-lori yang menyebabkan kemalangan.

Selain itu dari segi teknikalnya, kita mintalah juga kalau bas-bas yang dah agak teruk jangka hayatnya mungkin dilarang daripada melebihi satu kilometer, dua kilometer. Kita harap orang ramai pun bekerjasama supaya janganlah terdesak hendak guna juga kenderaan-kenderaan yang tidak boleh digunakan ini. Apabila berlaku sesuatu kemalangan, hendak salahkan orang lain, ini amat penting. Jadi kita mesti lihat kepentingan keselamatan jalan raya ini dalam kita hendak meningkatkan produktiviti ekonomi kita, dan juga pembangunan kita.

Apabila berlaku kemalangan Tuan Yang di-Pertua, akan timbullah *post-mortem*. Ini satu lagi masalah. Saya hendak cadangkan di sini, apabila berlaku kemalangan, kematian, insurans sudah tentu terpaksa buat *post-mortem*, bedah siasat. Ini akan menimbulkan lagi kekusutan dan banyak masalah-masalah yang lain. Apa salahnya, orang dah mati Tuan Yang di-Pertua, dah tahu dah keluar surat khabar berlaku pelanggaran, tidak payahlah lagi buat *post-mortem*, bedah siasat apa lagi, mayat. Saya minta supaya Bank Negara melihat perkara ini, tentang insurans ini bagaimana kalau boleh dilonggarkan sebab ada mereka buat tuntutan insurans kadang-kadang sampai RM1 juta, RM50 ribu, bila buat bedah siasat, timbul pula masalah lain.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: [Bangun]

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dua bangun Yang Berhormat, Padang Terap dan Batu Pahat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya? Padang Terap dulu.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Larut. Kita tahu bahawa setiap kenderaan diwajibkan pemeriksaan di PUSPAKOM, tetapi kita sering mendengar bahawa ada pakatan antara PUSPAKOM dengan pemilik kenderaan - tuduhan. Tidak perlu ke PUSPAKOM tetapi diberi sijil yang lulus semuanya tidak ada masalah, breknya, tayar semua tidak ada masalah. Adakah Yang Berhormat Larut ingin mengesyorkan

supaya tindakan diambil terhadap pegawai PUSPAKOM jika ada pakatan antara pemilik kenderaan dengan pihak PUSPAKOM? Perkara ini banyak berlaku, kenderaan tidak sempurna tetapi diluluskan juga supaya dapat berjalan di jalan raya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1500

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Yalah, itu saya difahamkan pemeriksaan jarak jauh PJJ. Biasalah, kadang-kadang kita pun macam tu tak sihat, boom jatuh, hendak buat macam mana? Waktu diperiksa bagus, tidak ada apa-apa masalah, selepas itu berlaku. Itu yang saya kata tadi, apa yang saya cuba ketengahkan ialah pencegahan...

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Pahat nak bagi jalan?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ... daripada berlaku. Macam Yang Berhormat sebut tadi ialah pemeriksaan di PUSPAKOM. Memang dia buat, tetapi kalau kes-kes macam Yang Berhormat sebut tadi saya tidak tahulah barangkali ada, barangkali tidak ada, saya tidak tahu, kalau ada buatlah laporan, minta. Masalah kita kadang-kadang hendak buat laporan, kita tidak hendak, kita hanya bercakap, kata macam-macam tetapi bila sampai kita buat laporan, orang tidak hendak buat, selepas itu salah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang saya cuba ketengahkan tadilah pencegahan, bagaimana kita hendak mencegah daripada berlakunya kemalangan. Sudah berlaku kemalangan tidak gunalah Yang Berhormat, kita hendak cegah jangan berlaku kemalangan. Ini dekat musim-musim perayaan ini akan tibalah masalah. Masing-masing berebut, bila hendak berebut tidak tahulah. Sekarang lebuh raya kita pula satu Tuan Yang di-Pertua, Lebuh Raya Utara-Selatan, saya pun tidak tahu tahun 2008 baru hendak siap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...*maintenance* ini pun akan timbul masalah, kesulitan-kesulitan di jalan raya, bersesak-sesak dengan bas-bas yang banyak, sila Batu Pahat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat sebut berkaitan dengan *post-mortem*.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *Post-Mortem?*

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: *Post-mortem* Yang Berhormat. Jadi ialah dari segi perubatan *post-mortem* ini wajib dibuat untuk mengesahkan kematian walaupun Yang Berhormat kata diakibatkan oleh kemalangan. Kerana dalam kita hendak mendapatkan sesuatu kesahihan akibat kematian untuk dihantar kepada insurans, sama ada insurans peribadi atau insurans kenderaan, wajib disahkan dengan kenyataan oleh doktor. Jadi adakah Yang Berhormat

hendak supaya perkara ini dihapuskan dalam kes-kes kemalangan seperti Yang Berhormat nyatakan?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat, Yang Berhormat seorang doktor. Yang kita timbul ini jangan timbul kesulitan. Apabila bedah ini Yang Berhormat tahulah, kita sebagai orang Islam memang tidak setuju, kita sebagai Wakil Rakyat kita selalu terima kes-kes hendak mengelakkan daripada pembedahan. Apa yang saya maksudkan kemalangan, tetapi kalau kes-kes jenayah umpamanya teruskan.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Sebenarnya pembedahan itu tidak dibuat, *post-mortem* ini dia ada *external post-mortem*, *internal post-mortem*. Yang disebutkan itu *post-mortem* cara umum Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Itulah, maknanya buat jugalah. Jadi apa salah apabila Bank Negara melihat tentang ini, mungkin barangkali ada kelonggaran-kelonggaran yang boleh dibuat, dan bedah itu pun ambil masa hendak dapat tuntutan - *claim* insurans, ambil masa Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Belum tentu dapat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, habiskan ucapan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada lagi? Ya, Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Larut. Saya pun tertarik cerita hal pembedahan ini, sebab dia ada implikasi-implikasi lain daripada persoalan mati dan sebagainya. Yang kita banyak melihat khususnya barang siapa yang terlibat dalam pengurusan ataupun pengamalan undang-undang dan juga sebagai pegawai polis yang mentadbirkan, kalau berlaku kemalangan. lalah berhubung dengan tuntutan akhirnya.. walaupun pada masa kemalangan itu berlaku, mungkin keluarga itu masih rasa tertekan untuk mengadakan satu pembedahan kepada badan ataupun jenazah yang mati tetapi selepas itu apabila semua sudah *settle down* dia ingat membuat tuntutan atas kesalahan yang berlaku kepada berlaku kepada keluarganya. Pada ketika itu kalau tidak ada pengesahan soal kematiannya, bahawa penuntutan daripada segi undang-undang di mahkamah tetap tidak dapat dibuat kerana kematian ini akan...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, maksud saya tadi Yang Berhormat, ada pengesahan maksud saya doktor sah sudahlah mengatakan dia sudah mati, sudah berlaku pelanggaran, tidak payahlah hendak bedah-bedah lagi, itu maksud saya. Pengesahan memang ada, cuma janganlah sampai buat pembedahan dan macam saya katakan tadi ini bukan banyak kesulitan saya harap supaya perkara ini dapat dilihat oleh pihak yang terlibat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, minta gulung.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, satu lagi pasal dadah ini Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahulah apakah dadah kita ini sudah mula reda sebab dalam bajet tidak sebut tentang peruntukan tentang dadah ini. Saya akui bahawa kalau ikut tujuh bulan pertama tahun ini, angka dadah telah menurun. Barangkali daripada 13 ribu sampai ke mungkin dalam 6 ribu sekitar tetapi kita mesti ingat dadah ini ialah musuh utama negara.

Saya tidak mahu nanti oleh kerana tidak dimasukkan dalam bajet salah tanggapan daripada orang lain bahawa kita tidak pentingkan masalah membanteras dadah ini. Dadah ini amat mustahak, jadi mungkin satu penjelasan boleh dibuat oleh pihak kementerian kenapa dalam bajet ini tidak disebut khusus tentang usaha-usaha membanteras dadah dan saya juga ingin tahu setakat ini berapa banyak peruntukan yang telah kita belanjakan dan pencapaian-pencapaian dari segi membanteras dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tadi saya sentuh tentang rusuhan yang berlaku pasal bakar bendera, ini satu lagi isu yang saya nampak sebagai isu negara yang perlu diberikan perhatian walaupun tadi ada perbincangan dibuat dalam peringkat soal jawab.

Tentang kenaikan harga ini, setiap kali apabila tibanya hendak menyambut puasa, perayaan adalah harga barang naik, ini ayam.

Saya tidak faham kenapa ada pihak-pihak lain yang boleh mencabar, berani untuk menaikkan harga sedangkan ia perlu mendapat izin daripada kerajaan. Dalam akhbar ini ada disebut bahawa mereka akan naikkan harga ayam. Kenapa ini boleh berlaku? Sedangkan Yang Berhormat Menteri telah membuat pengumuman secara serius, tetapi tidak diendahkan. Di manakah silapnya? Jadi saya mohon supaya satu penjelasan yang lebih *detail* dapat diberikan. Kenapa masih ada pihak-pihak tertentu berani mencabar atau tidak mengendahkan keputusan penguat kuasa kerajaan dalam menaikkan harga barang? Kita tidak mahu berlaku macam pihak BERNAS hendak menaikkan harga beras. Ini bukan soal main-main, inilah saya katakan tadi bahawa kalau kita tidak membanteras perkara ini daripada sekarang sampai bila pun masalah ini tidak akan selesai.

Jadi, saya sekali lagilah berharap isu-isu yang telah disarankan oleh Yang Amat Berhormat supaya kita dapat mencapai keselesaan dalam bajet yang dibentangkan hari Jumaat lalu benar-benar akan menuju ke sasarannya. Kalau di atas sahaja cakap hebat, cukup hebat cukup baik, kita terima dengan begitu terhibur Tuan Yang di-Pertua tetapi kalau di bawah tidak melaksananya mengikut apa yang telah dirancang, kita akan tetap berada di tahap yang begitu. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih dan saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kota Melaka dahulu.

3.07 ptg.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbincangan pada petang ini. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita sedia maklum, negara kiat meraikan kemerdekaan yang ke-50 dan sejarah negara kita pun sudah ada tetapi bagaimana rupanya negara kita dalam masa 50 tahun lagi. Ini bergantung kepada bagaimana kita uruskan negara kita, bagaimana kita dapat mengukir dan juga mencipta sejarah bagi negara kita untuk 50 tahun yang kedua dan untuk selama-lamanya.

Jika wujudnya sesetengah pihak yang mengatakan bahawa negara kita tidak maju, saya rasa ini merupakan satu pembohongan yang besar dalam abad ini. Statistik dan juga perangkaan telah pun menunjukkan bahawa negara kita telah pun maju semenjak 50 tahun lalu dan angka-angka termasuklah negara kita merupakan negara perdagangan yang ke-19 terbesar di dunia ini dan nilai perdagangan bagi negara kita telah pun mencecah dan juga melebihi RM1 trilion untuk tahun 2006 dan selanjutnya jika hendak dibandingkan dengan 50 tahun dahulu pendapatan per kapita sebenarnya pada hari ini sudah wujudnya 26 kali ganda jika dibandingkan dengan pendapatan warga-warga kita 50 tahun dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu kadar kemiskinan dalam negara kita dalam tahun 57 hanya lebih kurang 50% daripada warga kita yang dianggapkan miskin, tetapi pada masa kini ia kurang daripada 6% dan pendapatan bagi warga kita telah pun mencecah lebih kurang RM21 ribu setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dalam negara kita wujudnya sistem pengasingan kuasa, iaitu kerajaan dan perundangan dan juga kehakiman tetapi jika kita hanya sekadar mewujudkan satu sistem pengasingan kuasa tanpa memperkasakan kekuatan dan juga peranan yang dimainkan oleh ketiga-tiga sektor ini, saya rasa adalah tidak cukup.

■1510

Saya ingin menyentuh sedikit tentang kehakiman. Saya tidak mahu memberikan satu gambaran seolah-olah saya menyerang kelayakan ataupun kebolehan hakim-hakim dalam negara kita. Tetapi satu isu yang sentiasa dibangkitkan oleh golongan intelektual dan juga golongan berpendidikan tinggi dalam negara kita ini, ialah proses pelantikan hakim dalam negara kita. Proses pelantikan hakim baik Hakim Mahkamah Tinggi ataupun Mahkamah Rayuan mahupun Mahkamah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu bahawa hakim ini memainkan peranan yang cukup penting, kerana keputusan dan juga pandangan yang diberikan oleh hakim-hakim dalam negara kita ini dalam hierarki mahkamah dalam negara kita ini boleh menentukan ataupun menggugatkan kehidupan generasi muda kita, dan juga dia boleh menentukan corak kehidupan rakyat kita.

Satu perkara yang saya ingin bangkitkan Tuan Yang di-Pertua, pada petang ini ialah keyakinan dan juga *legitimacy*, dengan izin iaitu kesahihan bagi sistem kehakiman sesebuah negara itu ia berasal daripada beberapa sektor.

Yang pertama ialah dari segi sama ada wujudnya satu struktur ataupun satu susun lapis dalam proses pelantikan hakim secara telus. Ya ataupun tidak?

Yang kedua adalah kriteria pelantikan sama ada kriteria-kriteria yang dipakai itu termasuklah integriti bagi hakim-hakim itu, sama ada hakim-hakim itu mempunyai kebolehan dan juga keupayaan menterjemahkan undang-undang, sama ada dalam undang-undang syariah ataupun di sebelah lain undang-undang *civil* dan tidak mencampuradukkan kedua-dua bidang kuasa dalam sistem kehakiman dalam negara kita.

Yang ketiga adalah sama ada wujudnya *seniority*, iaitu kekananan bagi seseorang hakim itu, sama ada seseorang hakim yang dianggapkan senior dalam sistem kehakiman itu akan diberi keutamaan dinaikpangkatkan dan sebagainya.

Akhir sekali sama ada wujudnya pelantikan yang kekal iaitu *security of tenure*, dengan izin sama ada hakim-hakim itu mempunyai kuasa ataupun budi bicaranya untuk membuat sesuatu keputusan *without fear or favor*, dengan izin sama ada pihak kerajaan yang terlibat dalam sesuatu kes ataupun orang-orang ternama pula yang terlibat dalam sesuatu kes itu, sama ada hakim itu boleh membuat keputusan itu dengan menyebelahi bukan mana-mana pihak, tetapi menyebelahi niat dan juga inti pati undang-undang dalam negara kita. Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita ada iaitu satu peruntukan yang sedia ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Santubong hendak bagi jalan?

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Ya Santubong, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Peguam dengan peguam.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Yang Berhormat, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa proses pelantikan hakim di negara Komanwel yang sedikit sebanyaknya berlaku ada perubahan amalan daripada satu negara ke satu negara dalam Komanwel. Tetapi hakikatnya sama, bahawa ketua kerajaan akan membuat cadangan kepada pihak-pihak yang tertentu untuk pelantikan. Kalau di Malaysia kita melihat bahawa dalam perlembagaan, Perdana Menteri akan membuat cadangan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk lantikan menjadi seorang hakim dan Yang di-Pertuan Agong akan mengeluarkan surat watakah untuk pelantikan ini.

Satu lagi yang disebut oleh Yang Berhormat memang wajar, iaitu soal *the security of tenure*, kalau kita lihat di England ada hakim-hakim ataupun pihak hakim-hakim yang tertentu di mana *security of tenure* ini seumur hidup tidak ada batasan hingga dia menjadi senior, tua, mati dan sebagainya.

Kalau di Amerika kita boleh lihat iaitu tidak ada, kadang-kadang hakim boleh melakukan kesalahan dan masuk jail masih menerima gaji hakim melainkan satu proses yang dilaksanakan membawa orang ini kepada satu badan yang tertentu di peringkat negara, untuk membuang hakim ini menerusi satu *process of impeachment*. Jadi dalam keadaan sedemikian juga ada kritikan-kritikan yang tertentu mengatakan bahawa hakim boleh menjadi *criminal*, tetapi dalam masa yang sama dia masih jadi hakim. Ini yang *security of tenure* dia memang dikatakan yang amat selamat sekali, amat *independent* prosesnya. Tetapi yang satu lagi disokong oleh Perdana Menteri dan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan *security of tenure* ini mungkin boleh dibuang dalam proses yang sama di bawah prinsip *the right to hire and fire*. Jadi dalam keadaan sedemikian apakah jenis pelantikan yang Yang Berhormat fikir yang elok dan kedua jenis *security of tenure* yang difikirkan wajar untuk memperimbang dalam konteks *the separation of power*, kuasa hakim sebagai *independent part of judiciary* ini dilaksanakan di negara ini.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat Santubong. Sebenarnya jawapan kepada kedua-dua soalan yang dikemukakan itu merangkumi sebahagian daripada ucapan teks saya.

Untuk menjawab soalan yang pertama berkenaan dengan pelantikan oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat yang diberikan oleh Perdana Menteri selepas *consultation* dengan Majlis Raja-Raja, tetapi sebenarnya mereka menggunakan satu perkataan yang begitu panjang, yang menyatakan seperti mana yang berbunyi di Perkara 122B ini iaitu Tuan Yang di-Pertua, ia menyatakan:

“The Chief Justice of the Federal Court, the President of the Court of Appeal and the Chief Judges of the High Courts and (subject to Article 122c) the other judges of the Federal Court, of the Court of Appeal and of the High Courts shall be appointed by the Yang di-Pertuan Agong...

seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi *“acting on the advice of the Prime Minister, after consulting the Conference of Rulers.”*

Tuan Yang di-Pertua, perkataan *“advice”* ia menunjukkan sebenarnya mengikut *constitutional of convention*, dengan izin dalam negara kita. Yang di-Pertuan Agong haruslah melantik atas nasihat ... Yang di-Pertuan Agong tidak ada, baginda tidak ada pilihan lain. Perkataan *“after consulting”*, *consulting* itu maksud *consulting* sahaja, tetapi ia tidak bermaksud *consent*. Jadi orang yang *autonomy*, yang akhirnya mempunyai bidang kuasa diberi kuasa untuk menentukan siapakah orang yang harus dilantik sebenarnya ialah Perdana Menteri sendiri di bawah Perkara 122B. Jadi untuk menjawab soalan...

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: [Bangun]

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tunggu sekejap nanti saya bagi laluan. Untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Santubong tadi, jadi saya rasa kita haruslah mewujudkan satu badan Suruhanjaya Pelantikan Hakim dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempertikaikan niat baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila beliau mencadangkan mana-mana pihak menjadi seorang hakim ataupun dinaikpangkatkan menjadi seorang hakim di Mahkamah Rayuan, di Mahkamah Persekutuan dan sebagainya. Tetapi kadangkala daripada organisasi yang memberikan kuasa kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencadangkan calon itu, ia telah pun melahirkan sebagai satu kesan sampingan, ia telah pun melahirkan satu tanggapan negatif kerana tidak wujudnya ketelusan.

Itu yang saya ingin ketengahkan kepada Dewan yang mulia ini pada petang ini, iaitu penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Hakim ini bukanlah sesuatu perkara yang luar biasa terutama sekali dalam negara-negara Komanwel. Saya tahu bahawa jawapan telah pun diberikan oleh pihak kerajaan dan saya sesesungguhnya percaya kadangkala saya pun teka juga mungkin jawapan yang diberikan itu mungkin telah pun diluluskan oleh pegawai yang sama setiap kali soalan ini dibangkitkan, kerana jawapan itu standard sahaja.

Jika kita lihat masalah ini, ini seolah-olah kita telah pun melahirkan satu kepompong, yang mana kita melahirkan kepompong itu dan kita duduk dalam kepompong itu dan kita berasa selesa dan kita berasa terlalu selesa, pada hal rakyat dan juga golongan berpendidikan tinggi dan golongan intelektual apabila mereka lihat proses pelantikan hakim ini, mereka akan mengetawakan kita kerana ini secara objektif ini bukanlah satu proses pelantikan hakim yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai lanjutan kepada jawapan saya kepada soalan tadi, saya cadangkan supaya satu suruhanjaya pelantikan hakim ditubuhkan yang terdiri daripada Ketua Hakim Negara sendiri, Hakim Besar Malaya Sabah dan Sarawak, juga merangkumi Peguam Negara kita, dua wakil daripada Majlis Peguam Malaysia kerana peguam-peguam merupakan pengguna-pengguna suka ataupun tidak, mereka merupakan pengguna-pengguna dalam sistem kehakiman dalam negara kita dan juga dua orang awam yang dicadangkan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita dapat menubuh...

■1520

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, hendak bagi jalan?

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Jika kita dapat menubuhkan... Tunggu kejam, nanti saya bagi laluan. Jika kita dapat menubuhkan Suruhanjaya Pelantikan Hakim ini, kita akan mengikis tanggapan-tanggapan negatif dalam kalangan rakyat kita kerana sehingga hari ini masih wujud lagi rintihan daripada kalangan peguam, daripada rakyat dengan menerusi telinga saya sendiri yang menyatakan mungkin ada hakim-hakim yang tidak ada kesopanan yang tertentu kepada orang ramai, orang awam, dalam mahkamah dan juga Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada calon-calon yang lebih baik daripada calon-calon yang telah pun dinaikkan pangkat. Sehingga hari ini, saya bagi laluan kepada Pengkalan Chepa dahulu..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pengkalan Chepa.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun].

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tak mengapa, tak mengapa. Nanti, saya masih dalam proses menjawab.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Kota Melaka dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam pelantikan hakim ini, saya satu masa dahulu berbincang dengan bekas Ketua Hakim Negara. Apakah 122(c) ini hanya *rubber stamp* sahaja Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-raja ini? Ia kata tidak. Roh atau *spirit* daripada 122(C) ini, Perlembagaan ini yang mensyaratkan bahawa Perdana Menteri hendaklah memberi nasihat selepas berbincang ataupun dibincangkan dengan Majlis Raja-raja ini barulah Yang di-Pertuan Agong boleh melantik. Ini sangat cermat. Perdana Menteri tidak ada kuasa sebenarnya dari segi kuasa yang sebenarnya dari segi roh ini kalaulah Majlis Raja-raja tidak setuju. Kalau Majlis Raja-raja tidak setuju dengan seseorang hakim itu, sepatutnya Perdana Menteri tidak boleh *over rule*, mengangkat untuk dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan Yang di-Pertuan Agong walaupun mempunyai autoriti untuk melantik tetapi kena mengambil kira roh semangat 122(c) ini.

Ini pandangan bekas Ketua Hakim Negara. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat dalam pelantikan baru-baru ini ada seorang hakim yang tidak disetujui oleh, dikatakan tidak disetujui oleh Majlis Raja-raja, tetapi dilantik juga. Apakah pelantikan ini selari dengan semangat dan tidak patut ataupun tidak patut dilantik? Kenalah Perdana Menteri mencari orang lain yang boleh dipersetujui oleh ketiga-tiga pihak. Apa pandangan?

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa bagi perkara 122(b) ini, kita tidak boleh mempersalahkan Yang di-Pertuan Agong kerana perkara 122(b) ini memberikan kuasa pelantikan tetapi ia tidak memberikan kuasa pentadbiran kepada Yang di-Pertuan Agong. Jadi apa yang kita lakukan menepati inti pati perkara 122(b) ini, iaitu pelantikan dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong tetapi atas nasihat yang diberikan oleh Perdana Menteri.

Selepas perbincangan, *consultation* dengan Majlis Raja-raja. Seperti mana yang saya katakan tadi, *consultation* ini bukan *consent*. *Consultation* hanya setakat perundingan, tetapi ia tidak semestinya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak semestinya mendapat persetujuan. Hanya kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun berunding dengan Majlis Raja-raja. Sebagai isu yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Santubong tadi atas *security of tenure*, sebenarnya saya rasa dalam Perkara 125, ia memberikan jawapan kepada kita kerana perkara 125 Perlembagaan Persekutuan, ia menyatakan *sanction* yang boleh kita bagikan kepada hakim-hakim jika wujudnya mana-mana kes *seniles* seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Jadi saya rasa *security of tenure* ini bukan sesuatu *security of tenure* dengan izin yang tidak terbatas dalam negara kita, tetapi ia tertakluk kepada Perkara 125 dalam Perlembagaan Persekutuan dalam negara kita. Silakan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya membaca peruntukan Perlembagaan, tetapi apa yang kita bincang bukan soalan apa yang telah dimaktubkan dalam perundangan ataupun Perlembagaan itu sendiri. Kalau kita hendak mencari jawapan ataupun *solution* kepada satu-satu problem, kita mesti *get out from the box*.

Maknanya di luar perundangan, di luar batasan dan di luar amalan yang kita buat. Jadi saya mengetahui Yang Berhormat sebagai seorang peguam yang amat terlatih berhubung dengan undang-undang, Perlembagaan dan juga amalan iaitu *conventional practise* yang ada dalam perundangan kita katakan *with the strength of law*. Jadi tidak boleh dinafikan. Jadi saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat itu tadi mengatakan yang Yang di-Pertuan Agong boleh dipersalahkan dalam rangka ini. Sebenarnya..

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya tidak mempersalahkan Yang di-Pertuan Agong tetapi Perdana Menteri kena ambil kira...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Kena ambil kira, dibincangkan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sambil cakap ini..

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Tidak saya nak betulkan ayat...

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ya, ya, saya mengatakan... tetapi kita tidak boleh memberitahu kepada Yang di-Pertuan Agong supaya okey, *you must remember the spirit of this. You cannot tell Agong. Agong is a inner symbol of the country*. Dia tidak *that to...* kalau dia ada kata macam itu, dia akan buat macam itu. Itu semangat sebenarnya Perlembagaan ini. *The person behind* penasihat ini supaya semangat itu dilaksanakan ialah Eksekutif, Perdana Menteri itu sendiri. *There is the Perlembagaan* itu.

Yang di-Pertuan Agong tidak akan wujud dengan dia sendiri dan bergerak dengan sendiri, memikir dengan sendiri kesalahan semua itu dia sendiri. Tidak, dia tidak boleh buat macam itu. Yang di-Pertuan Agong *is to be free from blame and* kelemahan. Dalam itu tadi... Jadi Yang Berhormat belum habis, minta maaf ya. Saya mencelah Yang Berhormat tadi. Jadi saya melihat soalan pelantikan lagi Yang Berhormat. Yang Berhormat menyatakan tadi supaya kita tubuhkan satu *commission* dan *commission* nanti *comprise ...* Ini *detail, detail* cadangan yang Yang Berhormat rangkakan. Adakah tidak juga kadang-kadang kalau satu-satu badan itu mempunyai kuasa yang tertentu juga akan mempunyai kelemahan-kelemahan yang tertentu. Kelemahan yang memang *inherent* dalam manusia punya melaksanakan *affair of human being*.

Jadi macam mana Yang Berhormat, boleh kita tidak memikirkan juga sistem yang dibuat oleh pihak di Amerika. Umpamanya, Perdana Menteri ataupun Presiden Amerika boleh melantik ataupun memberi nama...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: ...seseorang dan ini akan dilantik..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, panjang sangat itu Yang Berhormat.. Yang Berhormat..

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: ..menerusi satu proses. Satu proses, prosiding oleh *Cabinet Committee* dan proses ini melihat di mana letak kelemahan dan kepandaian seseorang orang yang bakal dilantik sebagai hakim. Kerana apa yang disebut oleh *Bar Council*, saya selalu berbincang dalam tiap-tiap kali saya berbincang dengan orang kanan *Bar Council*, perkara yang selalu disebut ialah satu, iaitu latar belakang pendidikan seseorang yang dilantik daripada hakim. Yang kedua, prestasinya sebagai seorang hakim ataupun apa bidang yang telah pun dia laksanakan dalam mengamalkan undang-undang dan dia punya kecekapan menjalankan bidang-bidang ... *the track record* dia, macam mana?

Jadi ada lima, enam ciri-ciri yang tertentu selain daripada keperibadian dia dan sebagainya akan diselidik dengan begitu rapi sekali. Baru orang itu layak menjadi. Itu kata-kata daripada pegawai-pegawai kanan daripada *Bar Council*. Tetapi dalam keadaan sedemikian, adakah *commission* ini mempunyai tugas ataupun mempunyai *mandate* sebagaimana yang dilaksanakan oleh *Cabinet Committee* semasa melantik hakim di Amerika itu lebih sesuai kalau dia dilaksanakan sedemikian.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat Santubong. Sama ada sistem yang mana yang lebih cekap. Ini mungkin pada masa kini ia merupakan satu perkara yang spekulasi, tetapi apa yang saya cuba ketengahkan ialah mungkin format yang digunakan di Amerika itu, ia tidak berasaskan sistem kehakiman dalam negara-negara Komanwel.

Jadi saya rasa penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Hakim ini, ia akan sedikit sebanyak menyelesaikan masalah tanggapan negatif golongan berpendidikan tinggi dan juga golongan intelektual dalam negara kita ini bahawa pelantikan hakim ataupun kenaikan pangkat hakim dalam negara kita ini tidak melalui satu proses secara telus dan secara adil. Memang kelemahan memang ada. Kelemahan ini merupakan sebahagian daripada insan. Sebahagian daripada dunia ini, tetapi cuma apakah struktur dan juga organisasi ataupun susun lapis yang harus kita wujudkan supaya memastikan bahawa wujudnya satu proses yang telus dalam proses pelantikan hakim dalam negara kita. Jadi saya ingin..

■1530

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Minta maaf Yang Berhormat, I...

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Boleh saya teruskan dulu?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya sikit saja. Saya masih belum dapat bersetuju dengan Yang Berhormat, kita melantik Suruhanjaya untuk melantik hakim oleh kerana kita nak mengelakkan daripada persepsi yang negatif. Pada saya, bukan persepsi negatif yang penting, pelaksanaan tugas kehakiman itu sendiri yang lebih penting daripada persepsi yang negatif. Jadi, dua-dua kena kita laksanakan. Bukan persepsi saja tetapi kecekapan seseorang yang telah dilantik menjadi hakim itu lebih besar maknanya daripada pelantikan yang akan mengeluarkan *negative perception*.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Santubong tapi seperti mana yang saya katakan tadi mungkin ini pilihan yang mana satu buah. Sama ada makan epal dulu ataupun makan oren dulu. Jadi saya rasa kedua-dua pun untuk kebaikan kesihatan kita. Jadi, saya ambil maklum pandangan daripada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus pergi ke satu perkara iaitu Perkara 122 (A)(B). Saya rasa pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman ini harus dimansuhkan. Saya tidak faham mengapa sehingga hari ini, kita masih melantik yang dikatakan Pesuruhjaya Kehakiman iaitu *Probationary Judge* yang dikatakan *probation under probation* yang mempunyai kuasa dan juga kekebalan yang sama seperti mana-mana hakim dalam negara kita tapi mereka tertakluk kepada *probation* kerana bagi saya, selagi kita telah pun menentukan siapakah calon yang sesuai untuk dilantik ataupun dinaikkan pangkatkan, dilantik sebagai seorang Pesuruhjaya Hakim di Mahkamah Tinggi, maka kita akan teruskan.

Saya tidak melihat apakah sebabnya kita masih wujud lagi Perkara 122 (A)(B) ini yang dikatakan kita melantik seorang hakim *probation* dan selanjutnya satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa baru-baru ini saya dapat rintihan daripada rakyat yang mengatakan bahawa di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur sekarang, satu tarikh bicara penuh diberikan dalam tahun 2007 dipohon tapi tarikh yang diberikan 2010. Tiga tahun, jadi saya tak pasti mengapa wujudnya perkara sebegini. Satu tarikh bicara penuh diberikan dalam masa tiga tahun. Dia pohon 2007, tarikh bicara dia ditetapkan dalam tahun 2010. Sehingga tahun 2010, Melaka sudah menjadi negeri maju tapi dalam masa tiga tahun ini Tuan Yang di-Pertua, memang banyak perkara boleh berlaku. Sama ada saksi masih ada ataupun saksi telah pun meninggal dunia ataupun saksi tak boleh dikesan ataupun macam-macam *excuse* ataupun alasan bahawa kes itu mungkin lagi tidak boleh dijalankan dalam tahun 2010.

Jadi saya rasa kita haruslah meninjau perkara ini dengan serius sebelum masalah sebegini di luar kawalan kerana seperti mana kata pepatah Inggeris, '*Justice delay is justice*

deny'. Jika kita melewati proses kehakiman dalam negara kita, maka ini akan memberikan satu gambaran yang negatif kepada orang-orang awam dan juga menggugat keyakinan mereka terhadap sistem kehakiman negara kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin balik ke satu isu iaitu *English Common Law*. Baru-baru ini wujudnya cadangan daripada Ketua Hakim Negara yang mencadangkan bahawa kita mansuhkan seksyen 3 dan juga seksyen 5 *Civil Law Act* iaitu Akta Undang-undang Sivil tahun 1956. Saya rasa cadangan itu adalah tidak praktikal kerana apakah itu *Common Law*? *Common Law* itu cuma terdiri daripada keputusan-keputusan daripada hakim-hakim luar negara, daripada *England*, daripada Australia, Kanada, India, Singapura dan sebagainya yang telah pun dijadikan sebagai bahan rujuk kepada peguam-peguam dalam negara kita setiap hari. Ini merupakan satu perkara yang biasa, peguam-peguam di Malaysia misal kata di Mahkamah Persekutuan,

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya,

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: mereka akan rujuk, rujuk *Common Law*.
Tunggu kejap, nanti saya bagi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Aman.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Mereka akan rujuk *Common Law-common law* ini iaitu keputusan-keputusan daripada luar negara, tidak semestinya daripada *England* untuk memujuk hakim-hakim dalam negara kita. Oleh kerana *doctrine of stare decisis* dengan izin, wujudnya pengalaman-pengalaman daripada luar negara dalam satu *setting* fakta yang sama, maka mereka cuba memujuk peguam-peguam dalam negara kita untuk mengguna pakai *English Common Law* ataupun *Australia Common Law* ataupun *Canadian Common Law* dan sebagainya kerana dalam zaman globalisasi ini, kita harus merujuk kepada pengalaman daripada luar negara. Kita tak boleh katakan kita *stop* di situ, kita mansuhkan kerana perkara yang kita tidak boleh nafikan sehingga hari ini ialah *English Common Law*, dia telah pun menjadi sebahagian daripada sistem undang-undang dalam negara kita suka ataupun tidak. Sama ada *Family Law* atau *Contract Law* ataupun *Commercial Law* dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa *English Common Law* ini, ia perlu diambil kira sama juga dengan *Australian Common Law*, *Canadian Common Law*, *Indian Common Law* dan sebagainya. Ini barulah kita dapat memastikan bahawa kita dapat membangunkan sistem undang-undang ini dan kita tidak menggugat keyakinan yang ada dalam kalangan pelabur terhadap negara kita. Silakan Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Sebelum kita pergi jauh kepada *Common Law*, saya ingin berpatah balik kepada pelantikan hakim tadi. Saya bukan seorang peguam tetapi pemerhati yang ada *stake* dalam pelantikan hakim oleh kerana kita semua apa yang keputusan yang mereka buat ataupun tidak buat dirasai oleh semua rakyat di Malaysia.

Baru-baru ini *Attorney General* di Amerika Syarikat terpaksa meletakkan jawatan oleh kerana dalam *discharge of his duties*, dalam menjalankan tugas beliau, beliau dilihat tidak menjalankan tugas dengan sempurna. Jadi baru-baru ini kita mendengar telah dilantik seorang hakim yang saya tak kenali jadi saya tidak berminat tentang beliau sebagai individu tetapi dari segi prinsip sahaja. Telah dilantik seorang hakim yang tidak membuat *return judgement* yang menyusahkan orang. Jadi, kalaulah beliau sebagai hakim yang menjawat jawatan yang lebih rendah tidak menjalankan tugas dengan sempurna, jadi saya tak nampak macam mana beliau ini dapat dinaikkan pangkat dan saya juga tak nampak macam mana kesilapan yang begitu teruk telah berlaku.

Jadi, macam-macam orang yang melantik itu *thumbing his nose at the rakyat* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Jadi, apakah pemikiran Yang Berhormat yang arif tentang perkara yang seperti ini supaya dia tidak menunjukkan imej yang buruk terhadap proses kehakiman di negara kita ini.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat Sri Aman. Tuan Yang di-Pertua, bagi saya, pendirian saya, saya rasa jika seseorang hakim dia tidak menulis alasan penghakiman, mungkin ini kita kena tanya dulu apakah sebab tidak ada niat ataupun tidak ada inisiatif daripada hakim itu untuk menulis alasan penghakiman, itu satu. Yang kedua, jika tidak ada sebab-sebab yang baik yang diberikan, maka ia mungkin boleh dijadikan sebagai salah satu daripada kriteria yang supaya kita tidak memilih hakim itu untuk dinaikkan pangkat ataupun sebagainya.

Jadi saya rasa kita harus memberi satu penjelasan dan peluang penjelasan kepada hakim itu kerana ini merupakan satu negara yang mengamalkan demokrasi dan saya berharaplah supaya tidak ada satu tanggapan negatif terus ke atas hakim yang berkenaan tanpa beliau memberikan satu penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa isu *English Common Law* ini dia haruslah dikekalkan sebagai sebahagian daripada sistem undang-undang dalam negara kita dan yang lebih merisaukan lagi, pandangan yang diberikan oleh Peguam Negara dan juga Ketua Hakim Negara yang menyatakan bahawa mereka menggunakan Syariah *Common Law* untuk menggantikan *English Common Law* dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, syariah ini dia berasaskan kepada Quran. Jadi ia lain daripada undang-undang Sivil kerana undang-undang Sivil ini, dia bercorakkan sekular.

Jadi saya rasa ini bukan satu kenyataan yang boleh memberikan satu corak, satu pandangan bahawa wujudnya kepelbagaian dalam negara kita ini dan saya rasa ini bukan soal sama ada menang ataupun kalah dalam Mahkamah Syariah bagi seseorang warga yang bukan Islam.

■1540

Namun begitu, persoalannya mengapa dia sebagai seorang yang bukan beragama Islam, dia ingin menyerah diri kepada satu bidang kuasa yang bukan agamanya, kerana selama ini kita telah pun tertakluk kepada bidang kuasa undang-undang sivil dalam negara kita ini.

Jadi, saya rasa jika kita ingin memansuhkan *English Common Law* dan menggantikan dengan *Syariah Common Law*, saya rasa ini bukan satu perkara yang disukai oleh warga kita, terutama sekali di kalangan warga bukan Islam dalam negara kita. Silakan, Yang Berhormat.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengakalan Chepa]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kenyataan Yang Berhormat tidak begitu tepat. Ketua Hakim Negara tidak menyarankan mansuh. Cuma surat khabar saja mengatakan mansuh. Dia menyarankan supaya dikaji semula tentang *Common Law* ini sebab di England sendiri katanya perkembangan undang-undang ini sudah begitu besar. Sebahagian *Common Law* yang dibuat oleh tradisi, oleh Parlimen ini dan sebagainya sudah ketinggalan zaman. Kita telah merdeka lebih daripada 50 tahun, perkembangan perundangan negara kita ini sudah cukup pesat. *Why not* kita rujuk kepada apa-apa yang ada di sekeliling kita daripada kita *refer* kepada yang telah ditinggalkan oleh orang Putih. *Common Law* itu sebahagian daripada yang ditinggalkan.

Jadi saya hendak tahu, bolehkah Kota Melaka menyatakan apakah jenis *Common Law* yang perlu kita pakai? Adakah semuanya yang dari kurun 14 dahulu itu sesuai dan apa yang patut kita tinggalkan? Saya hendak tanya lagi apakah bezanya *Common Law* dengan *Civil Law*?

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih, Yang Berhormat Pengakalan Chepa. Jawapannya boleh dijumpai dalam seksyen 3, Akta Undang-undang Sivil 1956 yang berbunyi seperti berikut:

*“Application of U.K. common law, rules of equity and certain statutes
Subsection (1) Save so far as other provision has been made or may
hereafter be made by any written law in force in Malaysia.”*

Ini bermaksud tertakluk kepada apa jua undang-undang yang telah pun akan digubal dalam negara kita ini tertakluk kepada:

(a) *in Peninsular Malaysia or any part thereof, apply the common law of
England and the rules of equity as administered in England on the 7 April
1956.”*

Tujuan paragraf (a) ini ialah untuk memasukkan satu peruntukan (*provision*) untuk mengisi *lacuna* yang mungkin berlaku dalam negara kita selepas merdeka. Provisinya:

“Provided always that the said common law...” Dia rujuk kepada *English Common Law*, *“...rules of equity and statutes of general application shall be applied so far only...”* Hanya terpakai setakat *“...as the circumstances of the States of Malaysia and their respective inhabitants permit and subject to such qualifications as local circumstances render necessary.”*

Maksudnya Tuan Yang di-Pertua, kita hanya dapat mengguna pakai jika ia tidak *inconsistent* dengan keadaan tempatan dalam negara kita, tetapi jika ia sesuai jawapannya kenapa tidak? Itu yang saya cuba ketengahkan dalam Dewan ini bahawa pentingnya *English Common Law*. Kadangkala kita tidak perlu mengguna pakai satu *English Common Law* secara langsung, kita pakai *Australian Common Law* yang merupakan satu keputusan daripada mahkamah di Australia. Kadangkala kita boleh lihat hakim di Australia bersetuju dengan hakim di England dan dia masukkan melalui pintu belakang dan dia menjadikan satu *Common Law* sebahagian daripada undang-undang di Australia; dan ia diguna pakai pula oleh hakim-hakim dalam negara kita.

Dalam zaman globalisasi ini kita harus mengambil kira pengalaman sosial daripada luar negara, mungkin di negara-negara lain, untuk memastikan bahawa perkembangan undang-undang dalam negara kita adalah sealiran dengan masa dan tanpa mengkompromikan keadaan-keadaan ataupun syarat-syarat tempatan dalam negara kita. Silakan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sikit sahaja, Yang Berhormat. Saya bersetuju Yang Berhormat, kerana tujuan *Common Law Principal* ialah *to seek justice* ataupun keadilan kerana undang-undang yang kita buat tidak akan menyeluruh untuk mengisi semua kekosongan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat sebagai *lacuna* tadi - undang-undang.

Jadi, kita tidak boleh melaksanakan satu perubahan yang drastik hingga mengetepikan satu *body of law - Common Law* ini boleh dikatakan *body of law*, yang telah diguna pakai begitu lama oleh pihak lain yang juga kita telah masukkan dalam negara kita sendiri, tetapi persoalannya kalau hendak dilaksanakan, mengetepikannya tidak boleh di fikir oleh dua pihak sahaja. Bagaimana pandangan Yang Berhormat, sepatutnya perkara ini diserahkan kepada Parlimen? Masalah kita sekarang ialah Parlimen hanya *the endorser of* undang-undang - *bill* untuk di lulus dan diguna pakai di negara ini. Kita bukan sebenarnya penggubal undang-undang, pengubah undang-undang dan membuang undang-undang. Kita sebenarnya apa yang di fikir AG, apa di fikir oleh pihak-pihak yang tertentu dalam kerajaan, dihantar ke sini dan diluluskan begitu sahaja.

Bagaimana pandangan Yang Berhormat? Sebelum AG memikirkan, sebelum Ketua Hakim memikirkan, perkara ini diserahkan kepada *Parliament Committee* dahulu untuk diselidik. Berbincang di antara universiti-universiti, pakar-pakar dalam universiti, pakar-pakar dalam bidang ini, bawakan mereka dalam bidang sivil, bawa juga mereka dalam bidang syariah untuk kita bertelaah dan memikirkan bidang ini. Sesuai atau tidak kita mengetepikan undang-undang yang telah mendatangkan keadilan dan kebaikan kepada negara ini, dan sekarang kita hendak ketepikan dan masukkan perkara baru.

Walaupun perkara ini mungkin kita nampak ia *about time we make change* tetapi pertukaran perkara yang drastik mestilah di fikir mendalam dan diambil kira pandangan-pandangan orang lain.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengakalan Chepa]: Saya minta sambung sikit. Saya sangat bersetuju dengan Santubong. Kalau kita tengok *British Common Law* sendiri pun dibuat oleh Parlimen sebahagiannya. Mengapa Parlimen tidak diberi kuasa untuk membuat undang-undang ini? Kita hanya mengesah dan meluluskan, fungsi Parlimen tidak ada. Saya bersetuju sangat dengannya, tetapi Parlimen British dia mempunyai kuasa, dia menggubal sebahagian daripadanya, bukan hanya menerima daripada AG sahaja untuk kelulusan. Sebenarnya fungsi Parlimen sebagai *instrument*, menggubal undang-undang, meluluskan undang-undang sebahagian kecil sahaja yang ada. Kita hanya mengesah dan meluluskan sahaja.

Jadi, kalau kita hendak tengok *Common Law*, kenapa kita tidak boleh balik kepada fungsinya. Yang baik ini kita kena ambillah. Ini yang saya hendak tanya, bagaimana pandangan Yang Berhormat Kota Melaka?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kota Melaka, panjang lagi?

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Atas soal ini, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya lihat seperti mana yang saya katakan, ini telah pun menjadi sebahagian daripada sistem undang-undang dalam negara kita. Jika kita ingin mengetepikan *overnight*, dengan izin, ini seolah-olah kita menidakkan atau tidak mengakui DNA yang kita ada sekarang.

Saya ambil maklum apa yang disebut oleh Yang Berhormat Santubong dan Yang Berhormat Pengkalan Chepa, tetapi daripada respons saya secara peribadi, saya rasa cadangan itu adalah satu cadangan yang tidak realistik dan tidak praktikal. Saya percaya daripada 12,000 peguam dalam negara kita ini dan mereka sebenarnya Majlis Peguam Malaysia telah pun mengadakan mesyuarat. Walaupun mereka tidak bersetuju dan mereka telah menyatakan tidak perlulah buat masa kini untuk membuat satu AGM untuk membantah cadangan ini, tetapi apa yang saya boleh faham daripada undang-undang sivil dalam negara kita ini, ini bukan satu cadangan yang praktikal.

Saya ingin menyentuh sedikit tentang *reform* dalam institusi Parlimen, Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat Jawatankuasa Pilihan (*Select Committee*) kita ada PAC, Jawatankuasa Pilihan Khas Integriti, Jawatankuasa Pilihan Khas Perpaduan dan Khidmat Negara, dan jika tidak silap saya wujud satu lagi Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Istimewa Ahli Parlimen, jika tidak silap saya. Saya rasa ini merupakan satu percubaan ataupun usaha kita untuk memastikan wujudnya siasat dan timbang (*check and balance*) dalam institusi Parlimen sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengamalkan sistem demokrasi berparlimen bercorakkan Westminster iaitu parti-parti ataupun ahli-ahli yang mempunyai kuasa yang mengawal dalam Parlimen ini juga akan membentuk anggota-anggota pentadbiran dalam kerajaan.

■1550

Ini bermaksud orang yang sama akan menguasai kedua-dua dalam sektor perundangan dan juga dalam sektor eksekutif kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa, jika kita bergantung pada 90 minit sesi soal jawab, kadangkala kita menyoal satu soalan yang telah pun dikemukakan beberapa hari sebelum itu ataupun dua, tiga minggu sebelum itu dan kadangkala jawapan itu tidak memuaskan. Soalan tambahan pun kadangkala jawapan yang diberikan itu tidak tepat dan tidak dapat memuaskan hati Ahli-ahli Yang Berhormat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Bila kita mengambil bahagian dalam peringkat dasar perbahasan macam Titah Diraja ataupun perbahasan belanjawan seperti yang kita ada pada petang ini, kadangkala ia hanya merupakan satu perjumpaan *check and balance* dalam peringkat dasar dan saya rasa tidak cukup, walaupun kadangkala kita ada perbahasan ke atas usul-usul dan sebagainya, tapi secara umumnya apabila saya pergi ke luar negara saya lihat bagaimana mereka usahakan institusi Parlimen, bukan semua perkara yang sebenarnya baik daripada kita. Ada perkara-perkara tertentu kita lebih baik daripada negara-negara lain. Tapi pada masa yang sama, ada pula perkara-perkara yang kita harus pelajari daripada mereka terutama sekali dalam kalangan negara-negara maju, dalam Komanwel ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya percayalah bahawa jika kita ingin meningkatkan tahap *check and balance*, dalam institusi Parlimen untuk memastikan tidak ada penyelewengan seperti mana yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, untuk memastikan bahawa semuanya adalah teratur, kita seharusnya mewujudkan *select committee* di bawah peraturan mesyuarat, iaitu jawatankuasa pilihan yang menjurus ke setiap kementerian dalam negara kita ini, barulah kita boleh memastikan bahawa kita boleh tingkatkan tahap *check and balance*, iaitu siasat dan timbang dalam institusi Parlimen. Saya rasa tidak ada satu cara yang lain selain daripada penubuhan jawatankuasa pilihan yang dapat memantau setiap kementerian, *the ministry at work* dengan izin.

Saya difahamkan daripada Laporan Ketua Audit Negara wujudnya banyak persoalan dan juga kritikan-kritikan, teguran-teguran yang dibuat oleh Ketua Audit Negara ke atas Kementerian Belia dan Sukan, Pertahanan, Pengajian Tinggi, Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan sebagainya. Saya rasa dengan penubuhan Jawatankuasa Pilihan sebegini, kita dapat sedikit

sebanyak ataupun *to large extend*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita dapat menyelesaikan masalah-masalah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kudat.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Ya, silakan Yang Berhormat Kudat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Kota Melaka. Saya tertarik dengan apa yang dijelaskan tadi berkaitan dengan *check and balance* khususnya di Parlimen ini. Adakah Yang Berhormat mencadangkan, misalnya di dalam Parlimen Australia mereka mengadakan sistem *schedule* Kabinet. Di mana misalnya satu *schedule* kabinet yang akan bertanggungjawab bagi memantau dan melihat prestasi dan *performance* bagi setiap kementerian-kementerian tertentu, dan ini dengan sendirinya akan memberikan satu tekanan kepada pihak eksekutif untuk membuat penambahbaikan ataupun perkara-perkara yang memperbaiki tugas mereka. Terima kasih.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat Kudat. Saya ambil maklumlah pandangan dan juga pendirian ataupun cadangan daripada Yang Berhormat tadi, tapi saya rasa soalan itu adalah lebih baik dijawab oleh Yang Berhormat Ipoh Timor mengenai *schedule* Kabinet, tapi saya difahamkan bahawa wujudnya satu...

Dato' Haji Ab. Haji bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: [Bangun]

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Nanti saya beri laluan. Saya difahamkan wujudnya satu percubaan dan juga usaha yang diberikan oleh parti pembangkang, iaitu belanjawan bayang (*shadow budget*). Jadi saya rasa mungkin mereka cuba menghalu tujuan pendirian politik mereka ke arah itu, tapi saya rasa yang penting sekali dalam institusi Parlimen ini kita memperkasakan kuasa-kuasa dan Ahli-ahli Parlimen tidak hanya sekadar *rubber stamping* sahaja. Itu yang saya maksudkan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada dua Yang Berhormat...

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Ya, Pengkalan Chepa dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pengkalan Chepa.

Dato' Haji Ab. Haji bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya pada dasarnya saya amat setuju dengan Kota Melaka menunggu satu *select committee* untuk memandu dan memantau segala apa yang dipercakapkan di Parlimen ini sendiri. Sepatutnya, saya tahu semua pegawai daripada kementerian ini ada, tetapi sepatutnya satu jawatankuasa khas daripada EPU merumuskan semua cadangan yang patut dibawa ke Kabinet dan dihantar ke Kabinet. Bukan oleh kementerian kepada menteri masing-masing. Kita tidak tahu. Tak tahu adakah cadangan-cadangan yang bernas daripada Parlimen ini seperti mana Kinabatangan kata, kebanyakannya kosong. Kita bertempiklah di sini, tetapi tidak sampai. Itu juga berlaku. Jadi saya sangat setuju. Cuma saya hendak tambah sedikit adunan daripada satu, dua orang ataupun yang dipertanggungjawabkan oleh EPU yang membuat rumusan ini dimasukkan ke

dalam *select committee* ini untuk jadi apa yang diperkatakan di Parlimen ini mempunyai satu, ada kesanlah. Ini boleh dikata ada kesanlah. Saya sangat setuju, terima kasih.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, apa yang boleh saya simpulkan sekarang ialah kita tidak mahu satu institusi Parlimen yang dikatakan hanya wujud sahaja institusi Parlimen, tapi kita mahu satu institusi yang betul-betul boleh menyumbang kepada pembangunan negara secara berkesan dan juga satu institusi Parlimen yang betul-betul berkuasa, dan berkualiti dan juga mempunyai kuasa untuk *check and balance* seperti mana yang telah pun diidamkan oleh nenek moyang kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit... Ya, Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih. Saya tertarik dengan cadangan Kota Melaka. Saya hendak minta penjelasan. Sebenarnya di Parlimen kita ini kita ada *back-bencher* (BBC), di mana kita ada juga jawatankuasa yang memberi perhatian kepada beberapa kementerian, tetapi di Amerika Syarikat kita tengok ada *Chairman Armed Services Committee* dan ahli-ahlinya, ada *Chairman Foreign Relations Committee* dan ahli-ahlinya dan seterusnya dan di Indonesia juga kita ada komisi-komisi. Macam mana kalau kita tingkatkan dari BBC kita ini, jawatankuasa-jawatankuasa kita ini supaya diberi *clout* seperti yang ada di negara-negara yang telah saya sebut supaya kita dapat memantau lebih dekat dan lebih berkesan apa yang terjadi di kementerian-kementerian oleh kerana kadang-kadang, selepas isu itu meletup, baru kita tahu. Jadi kita sudah ketinggalan. Apa pendapat Yang Berhormat.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetujulah sangat dengan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Sri Aman tadi. Seperti mana yang saya katakan sama ada epal ke, oren ke, tapi asalkan dia baik untuk kesihatan kita, kita haruslah ambil juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh sedikit berkenaan dengan Program Anti Rasuah dalam negara kita. Banyak usaha telah pun dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Kita ada Pelan Integriti Nasional, kita ada Institut Integriti Malaysia dan sebagainya dan kita wujud lagi jawatankuasa pilihan dalam Parlimen dan integriti, tapi saya rasa selama ini masih lagi wujudnya rintihan dari kalangan orang-orang awam, dari kalangan rakyat, yang menyatakan bahawa kita telah pun memberikan janji yang lebih daripada apa yang boleh kita kotakan. Jadi saya rasa wujudnya satu keperluan supaya kita dapat meninjau semula, apakah strategi, selain daripada undang-undang yang sedia ada, apakah pelaksanaan yang kita harus lakukan?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi satu contoh yang realistik iaitu satu pengalaman di Hong Kong. Setakat mana angka-angka ini betul, saya tidak pasti, tapi ini ialah angka-angka yang saya *download* daripada internet Tuan Yang di-Pertua. Iaitu di Hong Kong ini dalam tahun 70-an, Hong Kong ini memang dilanda dan dibelenggui dengan masalah rasuah dalam Hong Kong. Sehingga warga-warga Hong Kong mereka kena bayar untuk mendapat lesen daripada pegawai kerajaan dan mereka telah pun menubuhkan ICAC dalam tahun 1974,

iaitu *Independent Commission Against Corruption* yang sama dengan BPR dalam negara kita dan dengan keazaman politik dalam *territory* Hong Kong ini dengan izin, mereka telah pun dapat meningkatkan dan hampir-hampir telah pun meyakinkan orang ramai di Hong Kong.

Angka-angka yang ingin saya berikan iaitu di dalam tahun 1993, satu *survey* dengan izin, telah pun dijalankan di Hong Kong yang mana 36.7% *respondent* apabila ditanya, mereka menyatakan bahawa mereka tidak setuju dengan rasuah.

■1600

Dalam tahun 2000 wujudnya peningkatan secara mendadak iaitu 83.7% responden yang ditanya, menyatakan mereka tidak setuju dengan rasuah. Satu lagi perangkaan yang menyatakan bahawa dalam tahun 1963, 54.4% responden apabila bertanya menyatakan bahawa mereka bersedia melapur atas isu ataupun kes-kes yang melibatkan rasuah.

Dalam tahun 2000, 64.7% responden apabila disoal mereka menyatakan mereka bersedia bila-bila masa untuk melapur kes-kes rasuah. Satu lagi perangkaan dalam tahun 1993, 44.6% menyatakan bahawa mereka boleh *tolerate* menerima rasuah sebagai satu fenomena masyarakat. Namun Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 2000 hanya 11% sahaja yang menyatakan bahawa mereka tidak menerima rasuah sebagai satu fenomena masyarakat.

Apa yang saya cuba ketengahkan dalam Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, ialah wujudnya satu keyakinan yang tinggi dalam kalangan rakyat di Hong Kong terhadap usaha yang dilakukan oleh ICAC ini.

Jadi apabila saya lihat iaitu *legalisation* iaitu undang-undang yang sedia ada dalam negara kita iaitu Anti Corruption Act 1997 dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat seksyen 22 sub Seksyen 4, saya tidak faham mengapa wujudnya satu peruntukan yang berbunyi seperti berikut “A report made under subsection 4 iaitu satu laporan yang di buat oleh pengadu *shall be kept secret*(rahsia) *and shall not be disclosed by any person to any person other than officers of the Agency and the Public Prosecutor until an accused person has been charged in court for an offence under this Act or any other written law in consequence of such report*”.

Saya tidak faham mengapa perkataan ‘*by any person to any person*’ kerana ‘*to any person*’ ini bermaksud pengadu sendiri pun tidak boleh dapat laporan itu. Dia sendiri yang membuat laporan tetapi dia sendiri tidak dapat laporan itu, apakah maksud itu? Saya tak faham mengapa wujudnya peruntukan sebegini kerana Tuan Yang di-Pertua, wujudnya *rumours* dalam negara kita ialah kerana wujudnya satu alam sekitar yang tidak telus “*we had rumours because there is a lot of transparency*” dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi untuk mengikis tanggapan yang negatif dalam kalangan rakyat, kita haruslah memansuhkan ini supaya orang yang membuat iaitu pengadu yang membuat laporan itu dia harus memberi satu salinan laporan itu sendiri untuk di simpan. Apakah gunanya kita menyimpan satu laporan yang dibuat oleh pengadu dan menyimpannya dalam kabinet di dalam pejabat BPR sebagai satu rahsia. Saya tak boleh faham..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Penampang.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Silakan Penampang.

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: Terima kasih Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya sendiri bersetuju dengan Yang Berhormat tentang seksyen yang disebutkan tadi.

Saya sendiri telah pergi membuat aduan kepada ACA dan apabila saya kembali bertanya apakah status penyiasatan? Saya diberitahu mereka tidak dibenarkan memberitahu saya.

Jadi setujukah Yang Berhormat bahawa seksyen itu tidak menggalakkan pengadu untuk mengadu kepada ACA? Terima kasih.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju sangat dengan pandangan Yang Berhormat Penampang tadi.

Sebagaimana saya katakan sebelum ini *report* itu tidak semestinya dijadikan rahsia dalam kabinet pejabat BPR tetapi ia haruslah memberikan satu salinan kepada pengadu itu supaya *follow up* boleh dibuat. Bukankah proses ini telah dijadikan sebagai daripada pindaan kepada Kanun Tatacara Jenayah dalam negara kita? Yang mana kita menyuruh pihak PDRM memberikan *feedback* dengan izin, ataupun balasan kepada pengadu-pengadu.

Jadi saya rasa seksyen 21 subseksyen 4 ini merupakan satu peruntukan yang hanya akan menyelubungi dan menjadikan satu sistem itu tidak telus, Tuan Yang di-Pertua.

Di samping itu seksyen 42 Tuan Yang di-Pertua, satu peruntukan yang sedia ada....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Santubong.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Ya. Silakan Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sebelum kita berpindah Yang Berhormat, saya amat tertariklah dengan perbahasan Yang Berhormat pada petang ini, sebab soalan Parlimen, soalan kemampuan kita menggubal undang-undang yang lebih telus, lebih baik, lebih sempurna itu adalah satu perkara Ahli Parlimen mesti melibatkan diri.

Jadi dalam persoalan ini, tidakkah Yang Berhormat melihat semula apa Yang Berhormat sebut awal daripada itu bahawa penglibatan Parlimen itu memang tak ada langsung dalam soal penggubalan undang-undang.

Jadi di sini saya bertanya dengan Yang Berhormat supaya kita membawa perkara ini kepada kerajaan supaya hak Parlimen ini diberi balik kepada Parlimen iaitu;

- (i) untuk menjadi *draftsman* kepada undang-undang negara; dan
- (ii) untuk meneliti undang-undang negara dan melihat undang-undang negara.

Sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi, bandingan di antara Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah yang bakal kita pergunakan tidak lama lagi insya-Allah, adalah selepas di *synchronies* selepas hampir 50 tahun negara ini merdeka undang-undang itu secara

besar-besaran kita bawa kepada masyarakat bawa kepada *stakeholders*, bawa kepada sesiapa berminat yang *concern-public*. Kita dapati undang-undang ini dikatakan yang terancang selepas ini nanti.

Namun undang-undang ini adalah undang-undang *the creator of AG* dan pihak dalam mungkin pihak-pihak yang tertentu dan tidak melihat apa kesan, apa negatif dalam undang-undang itu sendiri.

Jadi dalam keadaan sedemikian mana letaknya tanggungjawab Ahli Parlimen supaya membawa tugas dan tanggungjawab Parlimen ini sepatutnya merangkumi *drafting* dan juga meluluskan undang-undang supaya di tangan pihak bukan lagi bertanggungjawab pada hari ini.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat Santubong. Tuan Yang di-Pertua saya ingin *review* sedikit, saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Santubong kerana walaupun namanya Parlimen sektor perundangan dalam negara kita tetapi padahal Ahli-ahli Parlimen sekarang hanya merupakan pelulus sahaja iaitu kita *approve* sahaja tetapi kita tidak melibatkan diri dalam penggubalan undang-undang. Apabila kita masuk dalam perbahasan peringkat dasar jawapan-jawapan yang kadangkala kekurangan diberikan. Apabila kita masuk peringkat jawatankuasa itu bukanlah hasil karya daripada kita. Jadi kadangkala pertama kali baru kita nampak wujudnya peruntukan-peruntukan yang kita rasa tidak adil dan sebagainya.

Jadi saya rasa bukan sahaja kita mahu satu sistem kita dapat meluluskan undang-undang tetapi kita mahu satu kuasa diberikan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kelana Jaya.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tunggu sekejap. Kita mahu satu kuasa supaya kita boleh menggubal dan kita meluluskan undang-undang yang kita buat sendiri. Silakan, Kelana Jaya.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka.

Saya setuju apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kota Melaka dan juga pandangan Santubong berkenaan dengan peranan yang dimainkan oleh Parlimen. Walau bagaimanapun di dalam peruntukan yang ada ini, Ahli-ahli Parlimen dibenarkan untuk mengemukakan *Probet Bil* tetapi kebiasaannya adalah urusan kerajaan akan mendahului *Probet Bil* yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Parlimen.

Di samping itu Dewan Rakyat kita tidak sama dengan Dewan Rakyat atau Parlimen di negara-negara lain seperti di England di mana Ahli-ahli Parlimen mereka disokong oleh kerajaan untuk membantu dalam penyelidikan dan menyediakan elaun-elaun yang tertentu untuk menyediakan *Probet Bil*. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang sistem Parlimen kita ini? Apakah pihak kerajaan harus memperkasakan lagi Ahli-ahli Parlimen untuk menjalankan tugas dengan lebih efektif membantu rakyat? Sekian, terima kasih.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya. Itu yang saya katakan tadi bahawa satu kuasa yang sepenuhnya haruslah di bagi kepada Ahli-ahli Parlimen dalam institusi Parlimen ini termasuklah bukan sahaja apa yang kita gubal, apa yang kita luluskan tetapi termasuk juga urusan harian haruslah ditetapkan oleh Parlimen sendiri.

Jadi saya rasa ini merupakan satu contoh yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya tadi yang telah menepati persoalan yang saya bangkitkan sekarang.

■1610

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat seksyen 42 satu peruntukan yang sedia yang menyatakan bahawa maaf seksyen 42 *Anti Corruption Act* tahun 1997 ini yang menyatakan bahawa wujudnya satu *presumption* iaitu satu tanggapan yang menyatakan bahawa jika pendakwa raya dapat membuktikan penerimaan wang oleh defendan, maka wujudnya, berbangkitnya satu tanggapan *presumption* bahawa penerimaan wang itu adalah secara rasuah.

Ini merupakan satu peruntukan yang baik, apabila saya membaca keseluruhan Akta Anti Rasuah 1997 ini, saya rasa secara umumnya, secara keseluruhannya semua ada, kepada jawatankuasa, *investigation* (siasatan), kuasa untuk menghukum cukup cantik, tapi soalnya saya rasa mungkin wujud satu lagi yang kena kita masukkan.

Saya mencadangkan pada petang ini Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita wujudkan satu tanggapan lagi. Iaitu bagaimana jika wujudnya satu keadaan aset yang diperolehi oleh defendan itu sama ada wang, wang tunai ataupun dalam bentuk harta tidak alih seperti rumah, tanah dan sebagainya. Jika aset itu jauh melebihi keupayaan pendapatan tahunan defendan itu, maka haruslah wujudnya *presumption* itu, tanggapan itu supaya kita menukarkan beban bukti itu daripada pendakwa raya kepada defendan. Untuk menjelaskan, untuk memberikan penjelasan mengapa beliau dapat memiliki begitu banyak aset yang jauh lebih daripada kebolehan pendapatan tahunan beliau.

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan isu ini kerana saya dapati bahawa masih wujud lagi rintihan dan juga tanggapan di kalangan rakyat yang menyatakan bahawa ada sesetengah pihak yang sebenarnya begitu berada, begitu kaya sehinggalah mereka memiliki aset-aset yang begitu banyak. Ini tidak sama rata, tidak sealiran dengan keupayaan pendapatan tahunan beliau itu. Jadi kita ambil kira jika seorang guru besar, berapa boleh dapat kita boleh kira, seorang peguam kita boleh kira merujuk kepada borang 'J' dan sebagainya.

Kita boleh menentukan supaya apabila wujudnya mana-mana pihak yang ada keadaan sebegini kita boleh membangkitkan tanggapan itu.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Muar

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Silakan Yang Berhormat Muar

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat setuju?

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya bersetuju sangat. Akta itu pun telah lama diluluskan, kita boleh nilai kemampuan pendapatan seseorang. Cuma saya daripada dulu ada satu masalah yang mungkin Kota Melaka boleh bantu. Persetujuan tentang perkara yang disebut tidak saya nafikan, tetapi jika seseorang itu menang banyak di Genting Highlands ketika berjudi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ataupun beli saham

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Satu, saham Tuan Yang di-Pertua ada rekod. SDS akan beri rekod. Ini judi. Kita tahu pertikaian bila main judi, loteri tidak boleh di bawa ke mahkamah tetapi perkara ini ada lesennya di negara kita. macam mana kita hendak sabitkan kesalahan memiliki harta lebih daripada kemampuan apabila defendan mengemukakan, "*Oh saya menang judi malam semalam*". Ini bagi yang bukan Islam, tapi dari segi undang-undang, bagaimana perkara ini dapat kita masukkan sebagai salah satu cadangan yang boleh kita sabitkan kesalahan memiliki harta yang lebih daripada kemampuan.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat Muar kerana memberikan cambahan fikiran kepada saya. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Muar lebih memihak kepada soal keterangan, bukti. Bagaimana kita boleh buktikan mereka. Apa yang saya cuba ketengahkan dalam Dewan ini ialah satu peruntukkan undang-undang mesti ada. Sama ada ia boleh membolehkan justifikasi dari mana dapat wang itu, sama ada daripada Genting Highlands ataupun daripada mana-mana tempat ataupun berjudi, ataupun mendapat pendapatan itu daripada sumber-sumber yang sah dan sebagainya, itu kita serah kepada mereka. Apa yang saya cuba ketengahkan ialah kita wujudkan satu tanggapan, iaitu satu *presumption* supaya biarlah defendan itu yang memberikan penjelasan untuk memberikan justifikasi mengapa dan bagaimana beliau memperoleh atau memiliki harta itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ada satu lagi perkara yang saya ingin kongsi fikiran dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini ialah saya difahamkan di Singapura, mereka mengenakan hukuman penjara dan juga denda dan secara umumnya hukuman penjara adalah lima tahun ke mana-mana orang yang disabitkan bersalah dan mereka menyatakan juga bagi Ahli-ahli Parlimen, hukuman penjara maksimum adalah tujuh tahun. Mereka dengan sengaja meningkatkan hukuman penjara ke atas Ahli-ahli Parlimen, ahli-ahli politik.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini mungkin menjadi satu percambahan fikiran kepada kita kerana dari segi logik, saya tidak menyatakan bahawa Ahli Parlimen ataupun wakil-wakil rakyat terlibat dalam rasuah, tapi yang saya cuba berkongsi fikiran dengan rakan-rakan saya pada petang ini ialah dari segi logik, memang kita tidak boleh nafikan bahawa wakil-wakil rakyat, ahli-ahli politik mempunyai satu pentas ataupun satu alam sekitar yang lebih banyak jika dibandingkan dengan orang-orang dalam kedai kopi, mereka mempunyai lagi banyak peluang untuk melakukan sesuatu yang dikatakan penyelewengan ataupun penyalahgunaan kuasa mereka.

Jadi saya rasa mungkin ini boleh memberikan sedikit pandangan kepada pindaan undang-undang dalam negara kita sama ada kita boleh meningkatkan hukuman penjara yang melibatkan...

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Petra Jaya

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tunggu sekejap, nanti saya bagi peluang. Kita meningkatkan hukuman penjara ke atas wakil-wakil rakyat dalam undang-undang negara kita. kerana jika kita boleh mengenakan satu undang-undang yang lebih berat, maka ini dari segi psikologi, dari segi pendidikan, ia boleh memahat dalam lubuk hati setiap orang wakil rakyat supaya kita tidak akan menyeleweng ataupun kita melakukan apa-apa perkara yang tidak baik dalam negara kita ini. Silakan Petra Jaya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Kota Melaka kalau berbanding dengan pihak pembangkang kalau membawa isu rasuah ini lebih emosional sikitlah. Banyak cadangan bernas yang dibawa oleh Kota Melaka bagi menangani gejala rasuah dalam negara kita ini.

Cuma mungkin saya hendak memperkembangkan sedikit percambahan fikiran kita berkaitan dengan rasuah ini, setakat mana kalau kita melihat dalam proses sekarang ini ialah BPR. Setakat mana ia boleh mengambil siasatan untuk memastikan sama ada orang ini telah mendapat atau memperoleh harta lebih daripada kemampuan beliau. Kalau kakitangan kerajaan misalnya kita ada *declaration of asset*, pengisytiharan harta. Dari situ mungkin, tapi di manakah pengisytiharan harta ini diserahkan? Perkara ini diserahkan kepada KSN dan adakah perkara ini diserahkan kepada BPR? Begitu juga dengan kita sebagai Ahli Parlimen Barisan Nasional kita mengisytiharkan harta kita kepada Yang Berhormat Perdana Menteri. Adakah salinan ini diserahkan kepada BPR? Supaya BPR dengan sendirinya, dengan adanya rekod ini akan dapat menyiasat untuk mendapat siasatan secara peribadi mereka, secara persendirian mereka, supaya perkara ini dapat kita tangani dengan sebaik mungkin gejala rasuah ataupun penyalahgunaan kuasa yang disebutkan oleh Kota Melaka. Mohon penjelasan.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat Petra Jaya. Saya bersetuju dengan pandangan yang disebut oleh Yang Berhormat Petra Jaya tadi kerana deklarasi yang telah pun kita kemukakan kepada KSN memang merupakan salah satu daripada petunjuk betapa kaya atau betapa miskinnya seseorang wakil rakyat sebelum sesuatu perkara itu berlaku. Saya percaya dengan menggunakan deklarasi ini, ia memanglah menunjukkan satu lagi usaha daripada pihak kerajaan dan juga niat pihak kerajaan yang begitu serius untuk menangani masalah penyelewengan ini yang mungkin melibatkan seorang wakil rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya...

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: *[Bangun]*

■1620

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kelana Jaya.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tunggu sekejap. Apabila saya mengatakan wakil rakyat, haruslah kita tingkatan hukuman penjara ke atas wakil rakyat yang terlibat, alasan yang saya pegang ialah kerana wakil rakyat, mereka sebagai pemegang amanah kepada rakyat kerana mereka adalah sebagai pilihan daripada rakyat dalam pilihan raya umum dan sepatutnya mereka berpegang teguh dan mempunyai integriti yang tinggi. Mereka tidak boleh menyalahgunakan wang rakyat ataupun menggunakan kedudukan mereka untuk meraih keuntungan peribadi untuk beliau sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Jadi itu yang saya katakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau kita mempunyai wang yang banyak, akan menghadapi masalah yang begitu banyak. Adakah lebih elok kita jadi orang yang tidak berada lagi baik? Betul tak?

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya lihat bukan satu masalah jika kita menjadi orang kaya asalkan kita meraih keuntungan itu melalui cara yang sah dan memadai lubuk hati kita, *according to our conscience*, dengan izin, tetapi bukan dengan cara meraih keuntungan dengan cara-cara yang tidak sah ataupun melalui cara-cara yang menyelewengkan.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: *[Bangun]*

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Muar, Kelana Jaya.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Oh. Boleh saya bagi Kelana Jaya dahulu?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka dan juga Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sambung apa yang telah ditanyakan oleh Yang Berhormat Petra Jaya sebab saya juga ada sedikit kemusykilan sama ada wakil rakyat ataupun kakitangan awam, mereka adalah pemegang amanah kepada rakyat kerana semuanya sama, termasuk juga kakitangan di dalam Biro Pencegah Rasuah. Mereka juga adalah kakitangan awam. Kalau kita hendak adanya *check and balance* dalam hal rasuah ataupun kita hendak memerangi gejala rasuah ini, siapakah yang patut mengawal selia ataupun memantau kakitangan di dalam BPR ini dan bagaimanakah mereka perlu mengisytiharkan harta mereka sebagai pegawai dalam BPR? Minta penjelasan.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa kita haruslah memastikan bahawa wakil rakyat itu tidak menyeleweng. Bagi kakitangan-kakitangan kerajaan, mereka makan gaji sahaja tetapi pembuat dasar itu siapa. Sebenarnya

wakil rakyat. Wakil rakyat yang mempunyai *the final say, so to speak*, dengan izin. Jadi saya rasa sumber itu dan juga disebabkan oleh kedudukan itu, saya rasa kita haruslah mengenakan satu hukuman penjara yang lagi berat ke atas wakil rakyat. Silakan Muar.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kinabatangan, Muar, Beluran.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Sebab Dewan Parlimen boleh bincang macam mahkamah juga, kita sudah hampir jadi macam mahkamah. Cuma saya ada satu kerisauan, bukan kerana saya tidak bersetuju wakil rakyat dikenakan tindakan yang lebih berat, saya cuma khuatir mana boleh ada undang-undang dibezakan antara manusia dalam satu negara. Kalau buat rasuah, salah, sama ada dia ini wakil rakyat ataupun orang biasa, hukumannya tetap sama. Saya cuma hendak memperbetulkan pandangan itu tadi dengan memberi pandangan balas di mana kalau dia ini wakil rakyat, buat kesalahan, kita cadangkan hukuman maksimum.

Bukan bermakna sebab dia wakil rakyat, perlu diadakan khusus hukuman yang berbeza dengan orang kebanyakan tetapi saya rasa dalam mana-mana undang-undang, hukuman itu ia ada RM50 kepada RM1,000, maka kalau orang ini yang membuat undang-undang tetapi melakukan kesalahan, kita cadangkan hukuman maksimum diberikan. Kalau itu kesalahan kedua pun, dia boleh kena maksimum. Jadi saya rasa lebih baik itu yang kita cadangkan. Yang penting, mesejnya kalau kita buat undang-undang, kita kena patuh. Tetapi janganlah kata kita wakil rakyat kena hukum lebih besar. Yang itu saya rasa ada sedikit kekeliruan pada pandangan saya. Terima kasih.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat Muar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada Kinabatangan dan Beluran.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tunggu sekejap, nanti saya bagi jawapan dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya secara ikhlas, saya pun suka dengar ucapan Yang Berhormatlah, satu ucapan yang bagus. Akan tetapi saya hanya takut bukan...

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Nanti tidak boleh habis?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kerana ramai lagi tunggu giliran mereka dan saya juga yakin Yang Berhormat ada banyak perkara lain yang akan dikemukakan.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi cadangan saya, Yang Berhormat kena...

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Saya singkatkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ... lebih pandai menghadapi penjelasan yang dipohon oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Nanti saya boleh jawab sekali gus. Beluran dahulu, selepas itu Kinabatangan.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Saya sependapat dengan Muar, kita tidak boleh ada undang-undang yang berbeza walaupun mungkin kedudukan seseorang itu berbeza, tetapi kita tidak boleh ada undang-undang yang berbeza. Saya bagi contoh, Tuan Yang di-Pertua, ketika dahulu tambang kapal terbang ini meningkat mendadak tinggi, kita ada buat cadangan agar *tourist* dikenakan tambang yang lebih tinggi daripada orang Malaysia. Yang itu pun kita tidak boleh lakukan kerana ada undang-undang yang tidak boleh membezakan penumpang antarabangsa dengan penumpang negara ini.

Begitu jugalah undang-undang. Tidak boleh membezakan status seseorang dengan status yang lain. Saya tidak sependapat. Saya mungkin perlu *elaboration* daripada Kota Melaka mengenai perkara ini. Bukankah dalam mahkamah, kita ada julatnya antara hukuman yang paling minimum dengan hukuman yang paling maksimum yang diberi kuasa kepada hakim untuk menentukan hukuman RM50 atau RM1,000 atau RM2,000 dalam julat yang telah pun diluluskan dalam undang-undang? Bukankah itu memadai untuk membezakan hukuman seseorang itu tanpa mengira status kedudukannya dalam masyarakat?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sedikit sahaja, Yang Berhormat, terima kasih. Saya sehaluan dengan rakan-rakan seperti Muar. Adalah tidak relevan kita mengadakan satu undang-undang khusus untuk wakil rakyat kerana wakil rakyat ini pun manusia biasa, tidak lari. Kalau begitu, ada undang-undang untuk wakil rakyat, untuk KSU ada, untuk Ketua Pengarah ada, Pengarah ada. Memang kita benci rasuah, tetapi bukan itu caranya. Yang penting pada saya dan wakil rakyat juga, bukanlah satu orang yang ada kuasa pemutus. Cuma wakil rakyat berhampiran dengan kuasa pemutus. Itu sahaja. Jadi kita memang bersetuju, rasuah harus dihapuskan, tetapi janganlah ada undang-undang yang bertindih antara satu sama lain. Terima kasih.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya hendak sambung sedikit sahaja.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Okey.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya rasalah mengikut undang-undang anti rasuah sekarang ini, tidak ada seorang wakil rakyat pun yang boleh didakwa kerana wakil rakyat ini tidak ada fungsi untuk membuat keputusan kecuali dia itu menteri ataupun pengerusi mana-mana agensi kerajaan dan tidak memegang jawatan. Jadi sekarang ini, tidak usah runsing, tidak ada, kecuali saranan Kota Melaka tadi cukup baik iaitu sekiranya wakil rakyat

ini didapatinya katakanlah ada RM3 atau RM4 *million* sedangkan dia baru satu penggal. Itu boleh ditanya, boleh disiasat.

Contoh saya hendak buat lagi, misalnya bekas Menteri Luar Bandar terlepas tetapi KSUnya masuk penjara sebab KSU yang seolah-olah membuat keputusan, sedangkan keputusan itu lain. Jadi, tidak usah rusing. Lepas semua. Jadi saya setuju supaya aset ini kalau terlampau banyak sangat, kita buat siasatan di mana mereka berada dan ini selari dengan Islam ini, Yang Berhormat. Sangat selari dengan Islam. Itulah saya menyokong.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasihlah. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa petang ini bukan saya bangkitkan percambahan fikiran tetapi percanggahan fikiran juga [*Ketawa*] tetapi saya rasa inilah tujuan kita dalam Dewan ini supaya kita saling bertukar fikiran. Untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Muar, Yang Berhormat Beluran dan juga Kinabatangan, sedikit daripada Yang Berhormat Pengkalan Chepa, ini bukan soal layanan undang-undang yang berlainan tetapi saya rasa ini soal atas kategori, ke atas hukuman kerana saya tidak menyatakan bahawa kita menggunakan undang-undang yang lain hanya kerana ke atas wakil rakyat jika dibandingkan dengan orang-orang awam.

Tetapi apa yang saya katakan, selepas kita membuktikan liabiliti, apabila kita telah membuktikan dia bersalah, dari segi hukuman itu, hukuman itu boleh mencerminkan nilai-nilai moral sesuatu masyarakat itu. Seperti yang kita ada dalam – jika tidak silap saya pindaan undang-undang yang melibatkan rogol yang menyatakan jika budak-budak, jika defendan itu disabit bersalah, hukumannya berlainan. Jika wujudnya satu keadaan yang mana mangsa itu yang walaupun dia berada di bawah umur 16 tahun tetapi jika dia memberi persetujuan, hukumannya adalah lain daripada satu keadaan yang mana mangsa itu tidak memberi persetujuan.

■1630

Apa yang ingin saya tujukan ialah ke mana hala tuju itu iaitu dari segi liabiliti, saksama, kita semua sama rata tetapi dari segi hukuman wujudnya kategori-kategori yang berlainan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya melihat Sistem Undang-undang Anti Rasuah di Hong Kong dan di Singapura, wujudnya dua persamaan. Persamaan yang pertama, dua persamaan yang menjadi tunggak kejayaan bagi program anti rasuah bagi kedua-dua tempat ini, persamaan yang pertama ialah keazaman politik. Di mana di dunia ini, mana-mana tempat di dunia ini jika wujudnya keazaman politik maka wujudlah satu kuasa untuk menukarkan atau satu kuasa untuk melahirkan satu *reform* dalam sesuatu sistem itu.

Saya secara peribadi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak begitu kisah di manakah pejabat BPR, sama ada pejabat BPR di bawah naungan Jabatan Perdana Menteri ke ataupun pejabatnya di dalam rumah saya ataupun pejabatnya di Langkawi, itu bukan soal pokok. Kerana apabila saya lihat perkara ini, yang penting sekali ialah kebebasan secara *inherent* dengan izin,

dalam BPR ini untuk mengendalikan apa jua siasatan yang mereka fikirkan harus di bawah undang-undang.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Nanti sekejap, nanti saya bagi peluang. Dan peranan media juga memainkan satu peranan yang penting juga Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak seharusnya menyekat ataupun kita melarang kebebasan media untuk melaporkan apa-apa jua perkara yang melibatkan rasuah walaupun kadang kala ia melibatkan orang-orang ternama dalam negara kita.

Saya rasa mengikut laporan Ketua Audit Negara baru-baru ini, memanglah ini adalah masa bagi BPR dalam negara kita untuk mengambil tindakan. Tidak perlu lagi menunggu orang yang melaporkan ataupun membuat laporan kepada BPR, secara langsung dan berasaskan laporan yang diberikan Ketua Audit Negara, saya rasa di bawah undang-undang yang sedia ada ini iaitu Anti Corruption Act 1997 ini, ia boleh menjadi satu asas iaitu Laporan Ketua Audit Negara boleh menjadi satu asas untuk membolehkan pegawai BPR untuk mengendalikan siasatan ke atas pihak-pihak yang tertentu. Silakan Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya dari Kota Melaka. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat tadi tentang keazaman politik, tentang *political will* ini tetapi saya juga ingin menambah, di samping kita punya keazaman politik, kita juga perlu melihat pelaksanaan kepada keazaman politik itu.

Tadi Yang Berhormat telah menyebut negara-negara yang telah berjaya dalam mengendalikan agenda rasuah ini, negara Yang Berhormat sebut sebentar tadi dan saya suka untuk mencadangkan supaya di antara kejayaan mereka adalah, kalau Yang Berhormat boleh bersetuju adalah di negara-negara yang maju ini ACA ini diberi *the right to prosecute*, kuasa untuk mendakwa itu dan pernah di Dewan yang mulia ini, Parlimen ini, pernah suatu ketika dulu sebelum dipinda memberikan kuasa ini kepada ACA, kepada Badan Pencegah Rasuah.

Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya kalau kita benar-benar serius, ikhlas dan jujur untuk memartabatkan kembali ACA ini, maka perlu dikembalikan kuasa mendakwa ini kepada BPR supaya mereka dapat menjalankan bukan sekadar siasatan tetapi pendakwaan yang bebas yang dapat memberikan impak yang besar terhadap agenda rasuah dalam negara kita. Adakah Yang Berhormat boleh bersetuju dengan pandangan saya?

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kubang Kerian. Saya difahamkan bahawa memang ada kuasa untuk BPR untuk melakukan pendakwaan di atas peruntukan-peruntukan tertentu. Kerana jika tidak silap saya, dulu ada satu kes di mahkamah yang mana saya telah pun menjadi seorang peguam yang melibatkan kes BPR yang mana BPR telah pun mendapat persetujuan daripada DPP untuk melaksanakan kes pendakwaan juga. Jadi saya rasa mungkin dari segi itu, undang-undang itu pun sudah sedia ada Yang Berhormat.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat, sekejap. Jawapan daripada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab di Parlimen dengan masalah ini menyebut bahawa siasatan itu tugas BPR tetapi pendakwaan itu AG. Itu telah pun diberi, jadi inilah kali pertama saya dengar Yang Berhormat mengatakan bahawa pegawai-pegawai ACA ini boleh membuat pendakwaan. Jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tidak boleh, siasatan memang daripadanya.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Seperti mana yang saya katakan, BPR mereka mempunyai pegawai untuk mendakwa tetapi dengan persetujuan, *consent* daripada DPP. Jadi mungkin itu yang saya, mengikut pengetahuan saya yang terhad iaitu memang pendakwaan dimulakan melalui pegawai-pegawai BPR yang diberikan latihan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu lagi isu iaitu isu pertanian. Saya ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana bagi tahun ini wujudnya satu peningkatan dari segi peruntukan iaitu RM6.5 bilion telah pun diperuntukkan untuk sektor pertanian jika dibandingkan dengan RM3.6 bilion sahaja dalam Bajet 2007. Jadi dalam Bajet 2008, memang wujudnya satu peningkatan secara mendadak yang saya rasa ini merupakan satu perkembangan yang positif dan saya percaya bahawa pertanian ini merupakan salah satu daripada sumber pendapatan negara kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, fasal pemodenan pertanian, saya percayalah ia haruslah mematuhi tiga objektif. Yang pertama, kita tingkatkan jurang pendapatan luar bandar dan juga bandar kerana jika wujudnya satu jurang pendapatan yang terlalu lebar, terlalu luas, itu bukanlah satu perkara yang baik kerana kita harus memastikan bahawa pembangunan negara itu adalah secara sama rata baik di luar bandar mahu pun di dalam kawasan bandar. Yang kedua, kita haruslah menjana sektor dan juga jenis dan sub sektor pertanian yang berpotensi dalam negara kita. Kerana saya percayalah bahawa dalam masa zaman bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir, yang mana Tun telah pun memberi penekanan ke atas industrialisasi dan mungkin dari segi itu kita tidak menggunakan usaha yang sama rata untuk membangunkan sub sektor pertanian secara sealiran dengan pencapaian kita dalam industri negara dan yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, kita percaya bahawa dengan wujudnya pemodenan sektor pertanian ini, ia boleh mengimbangkan defisit import yang kita alami selama ini.

Sedikit perangkaan Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 2006 import makanan kita bernilai RM19.9 bilion manakala eksport makanan oleh negara kita ke luar negara, jumlahnya RM11.4 bilion sahaja. Ini bermaksud dari segi imbalan makanan wujudnya satu defisit bagi negara kita sebanyak RM8.5 bilion. Ini merupakan satu defisit yang cukup besar dan saya rasa gembira dan saya rasa bangga kerana kementerian telah pun bercadang kita akan tingkatkan eksport kita menjadi RM15.5 bilion menjelang tahun 2010.

Jadi fasal pemodenan pertanian ini Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa satu isu yang besar ialah isu tanah dan tanah ini merupakan satu bidang kuasa dan juga hak bagi kerajaan negeri. Namun begitu, jika kita tidak dapat menyelesaikan masalah tanah dan jika kita hanya memberikan TOL iaitu *temporary occupation license* ini kepada petani-petani, ini akan menyebabkan bahawa TOL hanya dapat dilanjutkan setiap tahun di bawah Undang-undang Kanun Tanah Negara tetapi jika kita boleh memberikan satu jangka masa yang lebih panjang misal kata satu pajakan tanah 15 tahun, 20 tahun barulah wujudnya satu insentif dalam kalangan petani-petani untuk memajukan tanah itu, untuk memajukan pertanian secara moden dalam negara kita.

Jadi saya difahamkan bahawa wujudnya satu taman kekal pengeluaran makanan yang telah pun diusahakan secara berjaya di negeri Selangor dan saya berharap supaya kita mendapat kerjasama daripada kerajaan negeri kerana soal tanah ini adalah soal dan juga hak bagi kerajaan negeri supaya sama-sama kita dapat memodenkan pertanian dalam negara kita.

■1640

Satu isu lagi Tuan Yang di-Pertua, isu penternakan khinzir yang baru-baru ini wujudnya satu insiden di Paya Mengkuang, di Kuala Sungai Baru, Kampung Baru Minlok dan juga Air Molek iaitu pada pagi 4 September tahun ini. Satu isu yang mana satu pelaksanaan cuba dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri Melaka ke atas penternak-penternak khinzir ini. Saya tidak mahu memberikan gambaran yang salah seolah-olah saya menyokong masalah isu pencemaran alam sekitar tapi apa yang saya rasa, sebenarnya perkara itu boleh kita elakkan kerana wujudnya pertikaian ke atas notis-notis yang diberikan. Notis diberikan 20 September ataupun 21 September tapi pelaksanaan telah pun dilakukan sebelum itu iaitu pagi-pagi 4 September, mereka telah pun pergi sana dan cuba melaksanakan perintah.

Saya juga difahamkan, pelaksanaan itu adalah ke atas semua kawasan dan bukan hanya 15 penternak-penternak khinzir itu. Bukan sahaja ke atas 15 ladang-ladang khinzir itu tetapi pelaksanaan itu adalah secara menyeluruh dan ini telah pun menimbulkan kemarahan warga-warga di sana, kerana ada ladang-ladang yang saya percaya telah pun menaikkan taraf sistem dan juga infrastruktur mereka atas permintaan daripada pihak Kerajaan Negeri Melaka sebelum itu. Semuanya saya rasa ini adalah satu perkara yang mendukacitakan kerana apabila pelaksanaan dilakukan, bahkan ahli-ahli Exco MCA dalam negeri Melaka pun tidak tahu wujudnya perkara sebegini. Malang sekali ia telah pun menjadi satu perkara perkauman dan juga sentimen dan perasaan anti kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa masalah ini boleh jadi begini? Saya rasa mungkin dari segi komitmen kerana apabila kita dapat menangani masalah pencemaran alam sekitar, maka kita haruslah mengambil subsektor penternakan khinzir ini sebagai satu subsektor penternakan sama rata ataupun sama kedudukan dengan penternakan ayam ataupun lembu, biri-biri dan kambing dalam negara kita, kerana isu penternakan khinzir ini adalah cukup sensitif. Ia bukan

sensitif dalam masyarakat Melayu, tapi juga dalam masyarakat Cina dan sebagainya. Jika kita biarkan masalah ini begitu saja, maka ia akan menjadi masalah atau satu subjek perkara pergaduhan bagi generasi muda kita.

Jadi, wajarlah kita sekarang mengambil inisiatif ini, kita berpegang teguh kepada satu prinsip iaitu komitmen daripada pihak kerajaan. Kita senaraikan semua kriteria-kriteria, syarat-syarat bagi menangani masalah alam sekitar dan sebagainya supaya apabila kita lihat semua syarat telah pun dipenuhi, maka wujudnya satu ketentuan ataupun kepastian bahawa permit akan diberikan untuk meneruskan kehidupan penternakan khinzir ini barulah kita dapat menyelesaikan masalah ini secara holistik dalam satu jangka masa yang panjang Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: *[Bangun]*

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: ...Kerana dalam isu penternakan khinzir ini, memang banyak masalah berkenaan dengan milikan tanah, berkenaan dengan sewa tanah dan sebagainya, berkenaan dengan alam sekitar yang tidak baik, yang kurang memuaskan dan sebagainya dan saya rasa kita haruslah mencari ikhtiar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kelana Jaya.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Maaf?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kelana Jaya bangun.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Ya tunggu kejam. Haruslah kita mencari satu ikhtiar supaya komitmen daripada kerajaan ada, kemudian berganding bahu dengan usaha-usaha daripada pihak swasta iaitu penternak-penternak khinzir itu untuk bersama-sama mengatasi masalah pencemaran alam sekitar ini dan ia tidak seharusnya menjadi satu kongkongan ataupun kekangan kepada warga-warga dalam negara kita ke arah pembangunan negara dan terutama sekali dalam konteks pemodenan pertanian dalam negara kita. Silakan Kelana Jaya.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Kota Melaka, saya sangat bersetuju dengan kenyataan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Kota Melaka supaya kita apabila menangani isu pencemaran ini, kita harus berhati-hati sebab kita nak dapatkan keyakinan seluruh rakyat tentang usaha, kegigihan dan komitmen kerajaan dalam menangani masalah pencemaran.

Kita semua tahu bahawa, baru-baru ini saya sendiri diberitahu oleh pihak kementerian berkaitan bahawa pada tahun 2006 ini, terdapat sebanyak 18,956 punca pencemaran yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling dan di antara 18,956 punca pencemaran ini, yang melibatkan ladang ternakan khinzir hanyalah 869 sahaja dan di mana lain-lain itu melibatkan 9,000 loji rawatan kumbahan, 8,543 industri pembuatan dan juga 484 industri berasaskan pertanian yang mengakibatkan pencemaran.

Maka saya nak minta pandangan Yang Berhormat Kota Melaka, selain pada pencemaran ladang ternakan khinzir ini yang hanya terdapat 869 kes itu, lain-lain kes, berpuluh-puluh ribu kes itu, bagaimanakah kita harus meminta pihak-pihak yang berkuasa mengambil tindakan terhadap mereka? Apakah tindakan yang telah diambil sehingga sekarang ini? Maka saya rasa kalau pihak yang berkaitan dapat menangani masalah ini dengan adil dan saksama dan membuktikan kegigihan dan usaha oleh kerajaan dalam memerangi masalah pencemaran ini. Saya rasa tidak ada masalah bagi kita sama ada ternakan khinzir ataupun ladang industri yang berlainan, kita haruslah menguatkuasakan kepada sesiapa pun yang melanggar undang-undang ini. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Minta sekali.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Nanti saya bagi laluan. Saya jawab itu dahulu. Tuan Yang di-Pertua, itu yang saya katakan kerana soal ini ialah soal dan juga masalah pencemaran alam sekitar. Ini bukan satu soal perkauman. Jadi kita bagi komitmen kepada penternak-penternak khinzir dalam negara kita dengan satu ketentuan, patuhilah syarat-syarat ini supaya permit akan diberikan. Saya rasa tidak ada masalah tapi sekarang masalahnya ia daripada kedua-dua pihak. Pencemaran alam sekitar, kita tidak dapat selesaikan. Itu yang pertama.

Yang kedua, belum ada lagi satu komitmen daripada pihak kerajaan untuk memberikan permit secara terbuka kerana ini adalah masalah daripada kedua-dua pihak. Apa yang berlaku pada hari itu adalah satu perkara yang cukup malang. Satu perkara yang tidak diinginkan berlaku dalam negara kita kerana isu subjek perkara penternakan khinzir ini, jika kita lihat dari segi hati yang terbuka, memang tidak ada masalah. Ia bukan satu perkara yang sensitif langsung, Tuan Yang di-Pertua. Silakan Pengkalan Chepa, *last* sekali ya.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Kota Melaka, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa isu yang besarnya, yang *basic* ataupun pokok isunya alam sekitar. Cuma berlaku kebetulannya khinzir itu. Ini tak boleh nak lari daripada pergi masalah khinzir yang salah tapi alam sekitar ini perlu diperbetulkan. Dalam Islam, walaupun khinzir dan anjing ini tidak boleh dimakan oleh umat Islam tetapi mesti dihormati sebagai makhluk Allah. Nak tembak pun tak boleh, nak buat sakit pun tak boleh. Kalau orang Islam menembak atau membuat sakit kepada makhluk yang telah ditentukan oleh Allah ini, dia mendapat dosa. Waktu Nabi Nuh waktu tenggelam semua, khinzir ini ada di atas bahteranya yang boleh membuatkan khinzir ini biak sampai sekarang.

Jadi, saya sangat hairan kenapa isu alam sekitar ini tidak boleh ditangani melalui isu alam sekitar. Di USM, telah wujud satu kajian yang didapati oleh seorang profesor di sana, dia panggil MEMERANG. Kalau digunakan sistem penapisan MEMERANG ini, air-air daripada longkang atau daripada ini boleh dibersihkan dan sampai ke sungai itu dengan keadaan bersih.

Kenapa tidak digunakan ini sebagai satu jalan keluar dan mungkin dalam beberapa bulan atau waktu, ia selesai. Jadi isu alam sekitar ini jangan letak kepada khinzir tetapi kena selesaikan mengikut alam sekitar. Terima kasih.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Saya bersetuju dengan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Pengkalan Chepa kerana ini isu masalah alam sekitar. Ini bukan isu lain-lain ataupun isu sensitif. Walaupun Yang Berhormat beragama Islam dan saya beragama Buddha, tapi saya rasa memang ada satu nilai-nilai universal yang kita boleh terima seperti mana yang dikatakan dan disebut oleh Yang Berhormat Pengkalan Chepa bahawa kita tidak seharusnya menyakitkan haiwan-haiwan yang lain dan sebagainya kerana ini nilai-nilai universal. Jadi Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin sentuh, *last* sekali... ya silakan Yang Berhormat bagi Jasin, orang Melaka.

■1650

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sahabat saya, daripada Kota Melaka dan juga daripada Kelantan tadi. Yang sebenarnya kes ini telah lama. Saya harap Kota Melaka *get the facts right*. Benda ini sudah berlarutan. Semasa Allahyarham Dato. Mohd. Zain jadi Ketua Menteri dulu, perundingan demi perundingan, kuota pun telah disiapkan. Memang kita benarkan, orang Melaka Tuan Yang di-Pertua memang benarkan pelihara khinzir ini, tetapi kuota dia 48,000. Mungkin apa Yang Berhormat bagi Kota Melaka cakap itu benar, saya pun hairan mengapa tidak Majlis Daerah ketika itu dan hari ini Majlis Perbandaran tidak menguatkuasakan apabila dia mengeluarkan permit tiap-tiap tahun, dan juga dengan jabatan-jabatan lain? Yang jadi masalah sekarang ini kita juga.

Saya tahu masalah ini akan menjadi masalah sensitif kalau kita tengok dari segi itu, tetapi bayangkanlah dengan kehidupan orang di sekitar itu, dan rundingan-rundingan itu, saya ingat Kota Melaka pun tahulah berapa kali rundingan. Jadi yang terakhir ini pula Kerajaan Negeri Melaka terpaksa dengan agak keras mengambil tindakan. Kalau tiada besok apa kata orang Melaka yang lain, kerana keadaan yang di situ saya tidak tahulah Yang Berhormat bagi Kota Melaka, saya sendiri pun kasihan dengan orang kampung itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berulang alik selalu jalan itu kerana pelabuhan saya yang timbul masalah di Kuala Linggi saya, kena lalu situ. *Aircon* yang saya pasang dalam kereta pun, rapat pun saya tidak boleh tahan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, perkara ini telah banyak kali disentuh dalam ...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya berharap..kadang kala orang yang menternak ni dia tidak dengar nasihat. Kalau saya nak bagi tahu, saya banyak kenal orang itu. Kalau tengok kereta dia Tuan Yang di-Pertua, kita wakil rakyat pun tidak boleh menang dengan kekayaan mereka itu.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya setuju Yang Berhormat Jasin, telah bangkitkan perkara ini, jadi saya...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya nak memperbetulkan keadaan itu.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...nak tanya ini Kota Melaka sama ada perkara yang lain sebab saya nak beri peluang ini sebab sudah sampai masa...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ...

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...untuk diberi peluang kepada Ahli Yang Berhormat, ada panjang lagi kah?

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Ada sebab nak bagi sedikit jawapan. Tuan Yang di-Pertua perkara ini merupakan satu perkara yang berlarutan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Jasin, itulah yang saya katakan, ini masalah pencemaran alam sekitar, haruslah kita atasi kerana ini haruslah diberi satu keutamaan supaya kita dapat menyelesaikan masalah ini. Tetapi di samping itu, pada masa yang tertentu kita tidak boleh abaikan juga satu fakta iaitu walaupun banyak infra dan banyak pelaburan telah dibuat tetapi sehingga kini belum ada lagi satu komitmen daripada pihak kerajaan dengan begitu jelas yang akan memberikan permit untuk terus menternak khinzir. Di samping itu saya tidak membantah polisi kerajaan untuk memperbetulkan keadaan alam sekitar yang tercemar. Saya tidak membantah itu kerana dasar itu dasar baik. Tetapi apa yang kita pertikaikan ialah cara dan pendekatan yang kita ambil pada pagi 4 September itu. Cara itu begitu secara besar-besaran dan tanpa pengetahuan Ahli-ahli Exco MCA, saya rasa ini merupakan satu perkara yang tidak sewajarnya berlaku.

Akhir sekali saya ingin menyentuh satu tajuk tanggungjawab sosial korporat. Tuan Yang di-Pertua, saya gembira kerana dalam Bajet 2008 ini RM50 juta telah pun diperuntukkan untuk membiayai projek membaik pulih rumah usang milik golongan miskin dan mewujudkan peluang pekerjaan dan di samping itu potongan cukai telah pun dicadangkan oleh pihak kerajaan supaya diberikan kepada pembinaan awam seperti jejantas dan taman permainan, dan potongan cukai ini diberikan kepada GLC-GLC dan juga PLC-PLC. Di samping itu program pintar yang dilaksanakan oleh GLC itu yang menganak angkatkan sekolah-sekolah dan memberikan komputer-komputer yang terpakai itu dan saya gembiralah kerana dalam negara kita, wujudnya satu insentif yang kita bagi kepada syarikat-syarikat besar iaitu tanggungjawab sosial korporat dalam negara kita.

Cuma satu sahaja Tuan Yang di-Pertua saya cadangkan supaya CSR ini iaitu *corporate social responsibility*, dalam bahasa Malaysia tanggungjawab sosial haruslah dijadikan sebagai sebahagian daripada KPI untuk kita menilai perkembangan dan keutuhan GLC-GLC dalam negara kita kerana selepas mereka mendapat keuntungan daripada pasaran tempatan dan juga di luar negara, saya rasa tanggungjawab sosial itu mesti ada supaya mereka akan mengembalikan sedikit daripada dana mereka atau pun keuntungan mereka untuk kebaikan rakyat demi kesejahteraan rakyat juga.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan supaya kita memberi keistimewaan juga kepada warga tua yang berumur 70 tahun dan ke atas. Dalam konteks kita memberikan perkhidmatan pengangkutan awam jalan raya yang percuma, kita juga memberikan perkhidmatan feri dan kereta api yang percuma kepada warga-warga kita yang umurnya 70 tahun dan ke atas kerana saya percaya banyak pengorbanan veteran-veteran kita, warga-warga tua kita dalam pembangunan negara kita, semenjak tahun 1957.

Saya berpendapat bahawa dengan memberikan keistimewaan ini kepada warga-warga tua kita, ia merupakan satu pengiktirafan oleh generasi muda kepada warga-warga tua dalam pengorbanan yang telah mereka curahkan dalam pembangunan negara. Jika kita berikan keistimewaan-keistimewaan ini iaitu *perks* dengan izin, pengangkutan awam jalan raya percuma, pengangkutan feri dan kereta api percuma, saya rasa ia tidak membebankan sangat pihak kerajaan jika dibandingkan dengan subsidi-subsidi yang diberikan dalam sektor-sektor lain.

Satu perkara yang ingin saya sentuh sebelum saya undur diri Tuan Yang di-Pertua ialah saya menghayati ucapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari Jumaat yang lalu, di perenggan 105, yang berbunyi; “dalam Bajet 2007 kerajaan telah mengumumkan bahawa semua syarikat PLC perlu menzahirkan aktiviti CSR sebagai sebahagian daripada laporan tahunan kewangan syarikat. Mulai tahun kewangan 2008, penzahiran penyata CSR perlu juga merangkumi komposisi guna tenaga syarikat dari segi kaum dan gender serta program untuk membangunkan vendor tempatan dan bumiputera. Kelebihan Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum harus dimanfaatkan oleh syarikat swasta dengan mengambil kakitangan dari semua lapisan masyarakat.”.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat *feedback* dengan izin, daripada syarikat-syarikat swasta yang menyatakan mengapakan mereka dikehendaki untuk mengemukakan satu penyata komposisi guna tenaga dari segi kaum dan gender serta program untuk membangunkan vendor tempatan dan juga bumiputera kerana selama ini pendirian yang telah pun diambil oleh MCA dan rakan-rakan tertentu dalam Dewan yang mulia ini ialah kita tidak mahu seperti mana yang dikatakan oleh orang iaitu *micro restructuring* dan dari segi pengambilan sumber tenaga kerja dan tidak ada sebabnya kita haruslah menyekat syarikat-syarikat swasta ini untuk mengambil sumber tenaga kerja mereka mengikut pengalaman calon itu atau pun mengikut kebolehan berbahasa calon itu atau pun mengikut kebolehan teknikal seseorang itu kerana jika saya sebagai seorang majikan, saya ingin menggaji pekerja yang boleh melanjutkan atau pun yang boleh memperluaskan peluang perniagaan saya di Timur Tengah tentulah saya akan menggaji seseorang yang boleh berbahasa Inggeris, berbahasa Bahasa Malaysia dan juga Bahasa Arab.

Ini akan memberikan satu kelebihan kepada syarikat saya sebagai seorang majikan tetapi di samping itu jika saya ingin memperluaskan peluang perniagaan saya di Negeri China

tentulah saya ingin menggaji seorang pekerja dengan wang yang sama iaitu RM3,000.00 sebulan untuk memperluaskan peluang perniagaan saya di Negeri China yang mana beliau boleh berbahasa Malaysia, berbahasa Tionghoa, berbahasa Inggeris dan sebagainya.

■1700

Jadi, tidak ada sebab mengapa kita ingin mengenakan apa-apa syarat ke atas syarikat-syarikat swasta ini untuk memberikan satu penyata komposisi guna tenaga syarikat dari segi kaum dan gender. Jika kita buat itu, kekhuatiran saya ini akan merupakan satu permulaan *micro restructuring*, dengan izin yang telah pun dibantah oleh sesetengah masyarakat dalam negara kita. Saya haraplah supaya kita boleh mendapat sedikit penjelasan daripada pihak kerajaan untuk meredakan kerisauan ini. Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kerana memberi peluang kepada saya dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kinabatangan.

5.01 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Lama sudah tunggu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tahu, tapi saya nanti pun kena hadkan masa Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya ingin merakamkan syukur dan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, inilah saya fikir boleh tolong, saya cadangkan tolong juga Yang Berhormat jimatkan masalah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bila saya tegur, haraplah mematuhi teguran saya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Banyak isu Tuan Yang di-Pertua.
[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pendekkanlah ucapan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya ingin bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala sebab telah memberi petunjuk kepada kerajaan ke arah bagaimana membentuk satu bajet yang saya rasa lebih menjurus kepada rakyat berbilang kaum. Walaupun kelmarin saya terdengar ucapan Ketua Pembangkang dan berkesempatan untuk membenteng bajet bayangan pembangkang, dan kalau itulah standard bajet yang dibentangkan oleh Ketua Pembangkang, memang sejajarlah mereka tidak layak dipilih untuk menjadi pemerintah. Sebab tidak ada *class* langsung, bajet yang tidak ada hala tuju dia.

Jadi, pada saya kalau itulah standard dia, pilihan raya akan datang kita tidak perlu takutlah. Barisan tidak ada lawan dengan itulah, dengan pembangkang dan saya bimbang mereka akan kehilangan kerusi-kerusi mereka sebab standard dia begitu. Dia kata bajet

kerajaan, bajet yang dibentang, bajet kosong. Dia kata bajet yang dibentangkan tidak menjaga keselamatan hal ehwal wanita. Saya hendak tanya Ketua Pembangkang, wanita mana yang dianiaya oleh kerajaan? Wanita mana?

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Bank pun tak dak.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Takkan tak ada bank, kita teraniaya. Itu tidak apa. Tuan Yang di-Pertua, bagi saya bajet ini bajet mesra rakyat. Orang-orang luar bandar banyak SMS saya. Mereka minta saya sampaikan salam kepada kerajaan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kata mereka, bajet ini diumpamakan "orang mengantuk disorongkan bantal".

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bagan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Umpamakan "pucuk dicita, ulam mendatang". Saya tidak ada waktu. Saya mahu banyak isu untuk kebaikan rakyat. Sebab pembangkang sudah pakai masa empat jam lebih untuk bentang dia punya bajet. Jadi cukup. Saya cuma minta untuk satu jam setengah sahaja. *[Disampuk]* Jadi baru-baru ini juga, kita melihat bagaimana belang kumpulan pembangkang di Terengganu. Saya cukup hairan sebab pada saya dengan keadaan pandangan yang begitu terhad, politik pada saya bukan kekerasan.

Politik bukan kehancuran, politik bukan kekacauan. Politik bukan porak-peranda untuk mengancam keselamatan orang awam. Politik pada saya, adalah merupakan satu seni yang halus untuk mendapatkan kuasa. Demokrasi yang ada di negara kita ini tidak menghalalkan cara untuk siapa-siapa melakukan sesuatu mengikut hati mereka dengan membelakangkan undang-undang negara. Perkara ini sudah banyak dibahas dari pagi, saya tidak akan bahas lagi. Kalau ini jugalah tindak-tanduk daripada pembangkang, akhirnya mereka juga akan kecundang dalam pilihan raya. Mereka boleh maki hamun pemimpin kerajaan, pemimpin UMNO, tetapi membakar bendera, bukanlah satu keputusan yang wajar untuk mereka lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal pendidikan dalam negara kita. Kerajaan telah mengambil satu langkah yang bijak iaitu menghapuskan semua yuran sekolah termasuk memberi buku percuma, baju percuma, tuisyen sekolah diteruskan, biasiswa diberi. Walau bagaimanapun, tanpa penerimaan yang baik daripada semua agensi termasuk PIBG, pepatah Melayu ada menyatakan, "niat yang baik, tetapi pelaksanaan dia tidak baik. Maka tidak akan menjadikan niat itu sebagai satu yang baik".

Justeru itu, saya juga ingin meminta kerajaan dan PIBG memandangkan untuk aktiviti kokurikulum, kerajaan telah menyediakan sebanyak RM60 juta, kalau saya tidak silap dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kelmarin pada bajet. Maka tidak perlulah ada yuran bayaran untuk makmal komputer, yuran sukan, macam-macam yuran. Kalau

dikira satu bulan lebih kurang RM90 hingga RM180 satu tahun untuk dibayar. PIBG juga berhak menentukan mana-mana pelajar yang boleh menggunakan komputer, bukan semua. Sedangkan semua membayar. Jadi ini tidak masuk akal lagi.

Saya meminta Menteri Pelajaran sendiri kalau boleh panggil Pengerusi-pengerusi PIBG gunakan kebijaksanaan yang ada. Sahut cabaran daripada kerajaan sebab mangsa dia, iaitu ibu bapa dan pelajar-pelajar yang miskin. Apabila tidak boleh membayar yuran PIBG ini, mereka juga kadang-kadang ada guru-guru, saya tidak tahu dari mana?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun meninggalkan Dewan]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan balik Bukit Mertajam.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dari planet mana dia datang... Guru-guru dari planet mana dia datang, dia kata, "kalau tidak bayar yuran ini, tidak boleh datang sekolah." Hah! Bayangkan, masih ada lagi guru begitu. Guru besar pun begitu. Jadi, ibu bapa pula datang jumpa wakil rakyat. Anak saya Datuk, tidak boleh masuk sekolah, tidak bayar yuran ini. Saya harap semua agensi PIBG ini harus menyahut cabaran ini. Memastikan pendidikan di negara kita ini dapat dimartabatkan, di sekolah rendah, sekolah menengah dan sebagainya.

Saya juga menyarankan kepada kerajaan, adalah sudah menjadi wajar bagi kita untuk memberi pandangan supaya sekolah kalau boleh, mulai 2008 kita membuka sekolah rendah yang berkonsepkan teknologi tinggi. Misal dia, darjah enam dia sudah boleh menyentuh bagaimana hendak membuka skru kereta. Jadi dalam masa sekolah dia, darjah enam sampai tingkatan satu, sampai dia tingkatan lima, budak ini lebih kurang 10, 12 tahun dia sekolah, dia sudah tahu apa itu kereta dan daripada mekanik biasa, perintis, dia boleh menjadi *engineer* kereta, dia boleh menjadi konsultan kereta dan dia boleh mereka bentuk kereta. Itu contoh. Banyak lagi contoh-contoh yang lain sebab kalau kita tidak bermula, bila lagi? Kapan kita bermula?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa kapan?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini persoalan dia. Sebab rakyat Malaysia, terlalu sedikit yang berkelayakan untuk proses menyertai syarikat gergasi seperti Ferrari, BMW, McClaren dan sebagainya. Kalau ada pakar-pakar yang modal insan kita ini diterapkan daripada peringkat awal, itu sahaja kerjanya untuk buka, buat kereta. Rasa saya kita akan melahirkan beberapa ribu anak-anak modal insan kita yang berteknologi tinggi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jangan berucap, ya. Tanya ya..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yalah Yang Berhormat Jerai. Jangan kacau dialah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Tak, tak, tak. Saya mahu beri tambahan sedikit ilmu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya fikir tak perlulah. Sebab dia pun banyak hendak cakap. Saya fikir masa beri dia ucap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kinabatangan berapa lama mahu ucap itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sampai, saya akan minta dia berhenti.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kinabatangan. Saya bersetuju dengan pendapat Kinabatangan. Selain daripada kita memberi kemahiran kepada anak-anak muda daripada peringkat kecil, adakah Yang Berhormat bersetuju juga dengan saya supaya anak-anak kecil ini malah daripada tadika ini harus juga kita latih tentang Rukun Negara, tentang Perlembagaan Negara dan juga tentang dadah ini supaya bila.. Sekarang ini kita menghapuskan dadah, tetapi masa yang sama budak-budak kecil ini, mereka tidak tahu dadah dan mereka akan terbawa-bawa, nanti besar dia akan terlibat dan juga masalah-masalah sosial yang harus kita didik..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ..daripada sekolah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan-soalan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini pandangan yang baik Yang Berhormat, baik tak Yang Berhormat Kinabatangan? Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, saya berterima kasih. Memang itu menjadi keperluan di mana-mana kalau boleh di sekolah kita...

■1710

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kinabatangan, saya memang tolong awak, nanti Yang Berhormat kena berikan kerjasama kepada saya, baik.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya amat bersetuju bahawa penerapan nilai-nilai patriotisme itu di kalangan pelajar-pelajar awal ini harus menjadi kewajipan dalam ko-kurikulum sekolah di negara. Mesti diwajibkan sama ada sekolah kerajaan, sekolah bantuan Cina, sekolah bantuan Tamil supaya rakyat Malaysia, mereka tahu menghormati negara dia sendiri. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai, tatacara sosial bagaimana?

Oleh kerana itu bajet untuk pendidikan ini begitu besar diberikan oleh kerajaan. Persoalannya mampu kah peruntukan yang banyak ini diuruskan secara bijaksana mengikut jadual dan sebagainya, sebab di Kinabatangan sehingga ke hari ini Tuan Yang di-Pertua banyak lagi sekolah-sekolah yang usang telah kita kemukakan untuk dilaksanakan tetapi sehingga hari ini belum berjalan. Saya tidak tahu bukan sekolah sahaja Tuan Yang di-Pertua, termasuk klinik-

klirik kesihatan, juga bomba di Kinabatangan, perpustakaan desa. Saya mahu mintalah jawatankuasa yang dibentuk pemuda, cubalah tanya kementerian-kementerian ini bolehkah di dipermudahkan proses pelaksanaan ini. Kalau dia perlu di tender, tenderlah dengan segera. Kalau dia ada *negotiate tender*, *negotiate*lah dengan sesiapa. Saya tidak kiralah, yang penting persoalan itu dapat diselesaikan.

Hari ini mungkin 16 kali saya berbicara soal bank di Kinabatangan. Sehingga hari ini belum ada. Dia kata soal keselamatan tapi di Lahad Datu, di Felda Sahabat ada Maybank. Jalannya kalau dikirakan adalah lebih menggerunkan sebab di tengah-tengah hutan untuk Lahad Datu berhubung dengan felda ini. Di Kinabatangan ini tidak begitu hutan. Jadi kalau bank-bank swasta tidak mahu, saya mahu bank-bank di bawah pengawasan kerajaan sama ada Bank Rakyat kah, Bank Simpanan Nasional kah, Bank Pertanian kah kena datang untuk membuka cawangan mereka, pokoknya bank. Kenapa sukar sangat, kenapa Bank Negara terlalu sukar untuk mengarah bank-bank ini. Apa masalahnya, saya cakap dari tahun 1999 saya kita di handsard ini adalah kali ke-16 saya cakap. Saya harap mereka jangan berdiskriminasi dalam soal-soal yang sebegini.

Datuk Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya simpati dengan sahabat saya Yang Berhormat dari Kinabatangan, seorang pejuang rakyat yang begitu gigih, soal bank. Saya pun dah sampai ke Kinabatangan Tuan Yang di-Pertua memang perlu satu bank tapi macam mana boleh tidak dapat ni, tempat yang lebih teruk boleh dapat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tarik sebuah bank...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya cuma bimbang ini Tuan Yang di-Pertua Ahli-ahli Parlimen yang cakap...

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Sri Gading tarik sebuah bank di Sri Gading ke Kinabatangan.

Datuk Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...takut orang-orang dalam Bank Negara tidak suka tidak? Jadi sebab itu tidak diluluskan. Ini kadang-kadang aniaya punya kerja Tuan Yang di-Pertua. Orang-orang Bank Negara apabila kita sentuh dia sedikit, dia melenting sebab itu dia tidak luluskan mana-mana bank nak buka cawangan, apakah ini agak, agak. Saya tidak tuduhlah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya pun tidak boleh nak beri jawapanlah Yang Berhormat, tapi biarlah Kementerian Kewangan memberi penjelasan kenapa persoalan ini tidak boleh diselesaikan, sedangkan saya percaya tugas kerajaan menyelesaikan masalah rakyat. Jadi kalau ini pun tidak boleh kita selesaikan, susahlah, bermakna kita memberi *point* kepada pembangkang, Itu dia, Setiausaha Parlimen dia ada di sini, bawalah, sebab saya akan cakap hari-hari, itulah dia.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan program pembangunan luar bandar. Tahun ini Bajet 2007 tidak ada termasuk peruntukan untuk

menaik tarif api elektrik dan air luar bandar di Kinabatangan. Jadi dengan adanya pengumuman baru-baru ini untuk Bajet 2008 saya memohon kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah agar Kinabatangan diberi keutamaan sebab terdapat lebih kurang 45% penduduk kampung di Kinabatangan tidak mendapat air bersih. Ada pun paip di pinggir jalan, air tidak ada. 35% masyarakat di Kinabatangan tidak ada api elektrik. Masih ada berpuluh-puluh jalan raya yang perlu dinaikkan taraf sama ada jalan kampung mahu pun jalan luar bandar.

Jadi hasrat Perdana Menteri ini untuk melihat keseimbangan pembangun bandar dan luar bandar harus kita realisasikan, bermakna kementerian ini harus fokus ke arah untuk memastikan bahawa tempas peruntukan itu harus sampai ke sasarannya.

Datuk Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh saya sikit. 50 tahun merdeka Tuan Yang di-Pertua, saya nak tanya Yang Berhormat bagi Kinabatangan, apakah agak-agak kemunduran yang berlaku di setengah-setengah tempat di Kinabatangan maknanya ada rakyat di Kinabatangan belum merdeka. Apakah benar atau tidak?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dari segi fizikal saya tengok memang mereka tidak merdeka, tetapi dari segi keseluruhan mereka memang merdeka. Masalah yang tidak merdeka, orang ramai berterang-terang, mereka bergelap terus. Jalan raya tidak ada.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tumpat nak tanya atau nak keluar? Nak tanya ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana membantu saya dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat dari Kinabatangan. Saya sekali lagi amat bersimpati dengan Yang Berhormat dan suka saya bertanya kepada Yang Berhormat kepada satu jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Nerus tentang isi rumah-isi rumah yang miskin di Malaysia. Jawapan Menteri ialah jumlah isi rumah yang termiskin di Malaysia ialah 67,300, Sabah paling banyak 32,400, maknanya hampir separuh keluarga isi rumah miskin dalam seluruh negara ini, separuh di Sabah. Saya minta Yang Berhormat perjuangkanlah lagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih di atas simpati Yang Berhormat itu, memang itu berlaku.

Saya tidak mahu menafikan, mana yang benar memang benar. Justeru itu menjadi tanggungjawab saya dan kerajaan untuk memastikan bahawa peruntukan yang ada ini dimanfaatkan untuk menaikkan taraf hidup masyarakat yang miskin khususnya di luar bandar dan di Kinabatangan.

Saya berbalik kepada itu bank, kalau boleh saya membuka bank sendiri, saya minta lesenlah. Kalau tidak saya akan panggil 'ah long-ah long' yang tidak berlesen beroperasi di Kinabatangan. Mungkin kehendak Kementerian Kewangan dan juga apa ini Bank Negara. Mereka tidak ingin menghalalkan bank yang...

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat nak buka bank 'ah long'?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya sebab tiada pilihan. Kalau ini sudah tidak boleh juga, saya tidak tahulah kenapa dia tidak boleh. Jadi ini memang *last result*lah, kena buka bank ah long sendirilah sebab sudah tidak boleh lagi kita minta secara halal. Oleh kerana itu saya ingin memberi penekanan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, tolong lihat permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar khususnya di Kinabatangan berhubung dengan api elektrik, air bersih, rumah rakyat termiskin dan juga jalan luar bandar dan jalan kampung. Ini menjadi keperluan.

Tuan Yang di-Pertua, bomba di Kinabatangan. Saya jumpa Menteri dia kata peruntukan sudah ada, dua tahun, tiga tahun tidak juga terlasana. Baru-baru ini ada kemalangan kereta berlaku di kawasan Kinabatangan. Enam orang terlibat anak beranak. Dalam kereta tersebut ada dua orang yang masih hidup, yang masih bernafas dan masih boleh bercakap perlu diselamatkan tetapi oleh kerana tidak ada pegawai penyelamat, hampir dua jam baru sampai, yang hidup pun ikut mati juga. Saya tidak kata bahawa kita boleh melawan takdir, tetapi Tuhan minta kita berikhtiar. Kalau mungkin dia terkeluar sebelum dua jam sebelum itu, mungkin dia boleh diselamatkan. Tetapi oleh kerana tidak ada pegawai penyelamat di kawasan itu, bomba tidak ada maka orang kampung tidak boleh mengeluarkan sebab tidak ada *equipment* atau pun perkakas yang sesuai untuk memotong kereta mengeluarkan mereka. Jadi ini masalah. Sementara menunggu bangunan bomba, saya mahu kerajaan, kementerian menghantar satu unit bomba dan penyelamat di Kinabatangan buat sementara waktu untuk menjaga keselamatan mereka yang terlibat dalam kemalangan jalan raya atau kebakaran.

■1720

Sudah empat kali kebakaran berlaku, tidak ada satu benda pun boleh diselamatkan. Jadi, ini pada saya menjadi keperluan untuk masyarakat di Kinabatangan supaya pihak-pihak yang bertanggungjawab ini memikirkan juga bagaimana membantu masyarakat di luar bandar ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu kebajikan polis dalam negara kita. Persepsi orang ramai begitu tinggi terhadap polis. Mereka meminta polis kita berkualiti, bertaraf dunia; kerajaan pun begitu, wakil-wakil rakyat pun begitu. Saya pun begitu, saya ingin melihat polis kita kalau boleh *zero corruption* ataupun sifar korupsi. Mampukah perkara ini dilaksanakan dalam keadaan - tidak usah bilang kebajikan polis itu sendiri. Balai polis di Kinabatangan contohnya, saya sudah minta berkali-kali, tetapi dia kata dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Tidak buat juga. Balai yang ada diubahsuai sedikit bikin bilik operasi, ubahsuai sedikit macam-macam lah.

Begitu juga balai polis di Sipitang. Saya ada pergi dua kali. Sipitang ini adalah laluan untuk rakyat Brunei masuk ke Sabah. Kalau ada apa-apa hal mereka ke Balai Polis Sipitang - Timbalan Speaker 1. Keadaannya begitu usang. Jadi, bagaimana kita meminta polis...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Timbalan Speaker 1 itu siapa?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sipitang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Ketawa]* Yang kedua. Minta maaf, Yang Berhormat. Timbalan Speaker yang kedua. Masalahnya itu baru dua, tempat-tempat lain saya tidak tahu. Kalau kita hendak minta polis kita berkualiti, maka kita harus sediakan prasarana mereka. Contoh yang seterusnya berek-berek polis pun kurang di Sandakan, di mana-mana dan mereka terpaksa menyewa rumah masing-masing khususnya polis yang bujang menyewa di rumah-rumah. Kadang-kadang mereka mencari rumah yang murah di kawasan setinggan bercampur dengan pelbagai bentuk masyarakat termasuk pengedar dadah, perompak dan sebagainya. Pada kebiasaannya kita ini bermasyarakat, apabila kita bergaul dengan kumpulan mana pun, sudah kenal berhari-hari, kalau dia menjadi pengedar dadah, polis itu di sebelah rumah dia, sudah berkawan, dia pun tidak mengambil tindakan. Kalau ada perkara-perkara *emergency*, ketua dia hendak mencari anak buah dia, kadang-kadang sukar dihubungi dan ketua dia juga tidak boleh memantau aktiviti anak-anak buah dia sebab di luar kawasan polis.

Oleh kerana itu, peruntukan yang ada ini haruslah diguna pakai untuk memastikan bahawa kualiti kepolisan kita, kebajikan mereka harus dijaga. Gaji polis kita kalau dikira dengan polis Singapura, Jepun, Hong Kong, ketinggalan berbatu-batu, Tuan Yang di-Pertua. Polis kita kadang-kadang bajunya dua sahaja diberikan. Dua, apalah? Satu minggu - hari-hari dia pakai selama tujuh hari. Kasut dia kalau bukan satu, dua sahaja. Apa begini? Tetapi kita minta polis jangan korupsi. Polis pun kasihan simpan ini "Saya Anti Rasuah", tetapi kebajikan polis tidak dijamin, tidak dijaga.

Ini menjadi persoalan yang harus di rungkai dan kementerian ini harus melihat ke arah mana anjakan paradigma untuk memastikan bahawa penguat kuasa polis kita ini sentiasa terkawal akan masa depan mereka. Mereka ini harapan bangsa negara kita. Kita harus sedar bahawa pelancong tidak akan datang ke sebuah negara sekiranya negara itu tidak selamat. Saya percaya negara Malaysia memang selamat, tetapi kita dalam rangka untuk menarik 20 juta pelancong ini, maka harus dipastikan bahawa keselamatan itu merupakan satu keutamaan sebab ini ekonomi negara juga.

Jadi, pengambilan 60,000 anggota polis dalam jangka lima tahun, saya harap boleh memenuhi inspirasi dan hasrat kerajaan, negara dan juga rakyat. Kita juga harus mengkaji bahawa pusat PULAPOL polis cuma ada menampung 10,000 pelajar sahaja. Ini bermakna dalam masa lima tahun baru 50,000. Di Sabah belum pun beroperasi. Ini haruslah diberi penekanan yang sewajarnya.

Yang ketiga iaitu berhubung dengan sukan negara. Sukan kita juga berkehendakkan atlit-atlit kita bertaraf bintang, bertaraf dunia, tetapi bak kata pepatah kalau memancing kita guna umpan yang kecil kita akan dapat ikan yang kecil. Kalau kita memancing menggunakan umpan yang besar, udang yang hidup, kita akan dapat kerapu besar, ikan besar. Persoalannya adakah kementerian ini benar-benar dan bersungguh-sungguh melihat ke arah mutu sukan negara kita?

Badminton, baru-baru ini diadakan di negara kita, penyokong yang begitu ramai menyokong, kalah juga. Semua kecewa, semua marah. Pasal apa? Mereka mungkin tidak berkualiti. Jaguh kampung musim itu Rashid Sidek, masih boleh diiktirafah pasal bertarung dalam negara dia menang. Cuma di luar sahaja dia kalah, tetapi yang ini tidak tahu jaguh apa, Tuan Yang di-Pertua. Kampung bukan, bandar pun bukan, kota raya pun bukan, bertarung dalam negara sendiri, kalah.

Bola sepak, Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh disentuh lagilah sebab memalukan. Baru-baru ini kemenangan pasukan 23 tahun ke bawah banyak orang beranggapan sebagai “goodies”, sebagai hadiah sebab hari kemerdekaan. Bagaimana cara hadiah itu saya tidak boleh tafsirkanlah. Kita berharap dengan pewujudan badan baru dalam FAM ini akan dapat membentuk ...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jerai dan Sri Gading.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Pasal bola ini, adakah Yang Berhormat tidak teringat langsung untuk mengucapkan tahniah kepada pasukan Kedah kerana mengaut tiga piala? Sekarang ini saya hendak tanya FAM kalau ada piala-piala bawa keluar, hendak lawan lagi. Kedah sudah naik semangat kerana dulu mereka buat aniaya pada Sultan saya, sekarang pasukan Kedah sudah naik semangat, ketiga-tiga piala kita sapu. Jadi, kalau ada lagi piala-piala yang disimpan bawa keluar, kita lawan lagi. *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, saya memang berhasrat. Cuma belum sampai ke situ. Saya berhasrat untuk merakamkan terima kasihlah. Sebab ini bergantung pada pimpinan; pimpinan yang baik akhirnya menghasilkan. Seperti yang saya katakan tadi, kalau memancing hendak mencari ikan besar, kena gunakan umpan besar. Jadi mengenalah di Kedah ketiga-tiga piala dia dapat. Tahniah kepada Kedah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tetapi bukan kerana Yang Berhormat Jerai.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bukan, bukan, memang ada. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan dan kementerian supaya mewujudkan beberapa akademik sukan:

- (i) Akademik Sukan Bola Sepak;

- (ii) Akademik Sukan Badminton;
- (iii) Akademik Sukan Sepak Takraw;
- (iv) Akademik Sukan Boling;
- (v) Akademik Sukan Skuasy
- (vi) Akademik Sukan Olahraga; dan lain-lain yang difikirkan perlu.

Akademik sukan ini iaitu difokuskan di Sabah, di Sarawak, di Johor, di utara termasuk Bukit Jalil. Kalau kita ingin melahirkan jaguh-jaguh sukan, maka sudah tiba masanya kementerian membuat perancangan lebih awal. Kalau hendak melentur buluh biar dari rebungunya. Kalau di China, murid berumur empat tahun dia sudah masuk akademik gimnastik ataupun berenang. Umur dia 12 tahun sudah menjadi juara dunia. Kenapa kita tidak boleh lakukan? Pasal apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, esok boleh datangkah?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh sambung esok. Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan Dewan yang mulia ini sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.